

Jilid I  
Bil. 2



Hari Rabu  
8hb Oktober, 1986

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

### PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 57]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 67]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 68]

Lantikan Ketua Pembangkang:

Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Ruangan 69]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 70]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 108]

### USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 110]

Memilih Timbalan-timbalan Yang di-Pertua:

Y.B. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud [Ruangan 112]

Y.B. Tuan D. P. Vijandran [Ruangan 112]

**Jawatankuasa Pemilih—Lantikan Ahli-ahli:**

Y.A.B. Tuan Abdul Ghafar bin Baba [Ruangan 113]

Y.B. Dato' Dr Ling Liong Sik

Y.B. Dato' S. Samy Vellu

Y.B. Datuk Leo Moggie anak Irok } [Ruangan 114]

Y.B. Tuan Kasitah Gaddam

Y.B. Ketua Pembangkang

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara—Lantikan**

**Pengerusi dan Naib Pengerusi:**

Y.B. Tuan Ismail *alias* Mansor bin Said

Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani } [Ruangan 115]

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong—Y.B. Tuan Adam bin Abdul Kadir [Ruangan 118]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N..

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Yang Berhormat	Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
„	Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
„	Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
„	Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
„	Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
„	Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
„	Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
„	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
„	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
„	Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BI HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
„	Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
„	Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
„	Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
„	Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
„	Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
„	Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
„	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
„	Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
„	Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
„	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
„	Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.I.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH So Ha (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

Yang Berhormat TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

„ DR V. DAVID (Puchung).

„ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS (Betong).

„ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).

„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).

„ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).

„ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

„ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).

„ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).

„ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

„ TUAN HU SEPANG (Rasah).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

„ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).

„ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

„ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).

„ DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).

„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

„ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

„ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).

„ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

„ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

„ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

„ DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).

„ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

„ TUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

„ TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).

„ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

- Yang Berhormat TUAN MAIDOM BIN PANSAL *alias* PAUL BIN PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- „ TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI BIN SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).



Yang Berhormat DR PATAU RUBIS (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).

„ DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

„ DATUK DANIFI. TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TIU SUNG SENG *alias* TIU SUNG SENG (Sibu).

„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

„ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P., J.M.N.,  
S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Rabu, 8hb Oktober, 1986

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam 7hb Oktober, 1986 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan ke atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

**TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI  
PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatub.**

**Bismillaahir Rahmaanir Rahim,**

**Alhamdulillah Rabbil Aalamin, Wassolaatu Wassalaamu Alaa Saiyidinaa  
Muhammadin Asyrafil Ambiyaa i Walmursaliin, Wa Ala Aalihii Wasohbihii  
Ajmaiin.**

**Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan  
Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.**

*Alhamdulillah, syukur Kita ke hadrat Allah subhanahu Wataala, kerana dengan  
limpah kurnia dan izin-Nya dapat Kita bersama-sama di Majlis Perasmian Penggal  
Pertama, Parlimen Ketujuh pada hari ini.*

*Suka Kita mengucapkan tahniah kepada semua ahli Dewan yang baru dipilih  
dalam Pilihanraya Umum yang baru lepas. Kita juga mengucapkan penghargaan  
kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan Pilihanraya Umum itu.*

*Amalan demokrasi berparlimen telah sebatikan dengan rakyat. Kebebasan asasi  
seseorang dijamin oleh perlembagaan dan dilindungi oleh sistem perundangan yang  
adil. Oleh itu, sistem demokrasi ini mestilah sentiasa dipelihara dan dipertahankan.*

*Kerajaan Kita akan meneruskan dasar-dasar yang memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Walaupun begitu, pelaksanaan sesuatu dasar itu boleh diubahsuai, mengikut keadaan semasa, untuk mencapai matlamat perpaduan negara.*

**Ahli-ahli Yang Berhormat,**

*Negara sedang menghadapi pertumbuhan ekonomi yang lembab dan semakin buruk. Eksport barangan utama menghadapi pasaran dunia yang lembab. Ini telah mengurangkan pendapatan negara. Oleh itu, Kerajaan akan terus berjimat-cermat dan terus berusaha mengatasi keadaan itu. Manakala rakyat pula mestilah berdikari dan bekerja keras untuk menambahkan produktiviti.*

*Pengeluaran di beberapa sektor utama pada tahun lalu tidak memuaskan, akibatnya jumlah pekerjaan telah berkurangan. Kerajaan Kita telah mengambil langkah mengatasi masalah ini, di antaranya menambahkan pembinaan rumah kos rendah, menambahkan kegunaan bahan-bahan tempatan untuk pembinaan dan bahan mentah yang lain kepada industri perkilangan serta menambahkan pengeluaran pertanian.*

*Kerajaan Kita akan menitikberatkan peranan sektor swasta sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negara, antara lain, melalui Majlis Galakan Eksport. Selain daripada itu, Kerajaan Kita telah mengambil langkah untuk mengubahsuai dan melonggarkan syarat-syarat dan peraturan-peraturan perundangan yang berkaitan dengan perdagangan dan perindustrian dan juga menyediakan kemudahan-kemudahan menerusi Tabung Pelaburan Baru dan Skim Kredit.*

*Dalam usaha meningkatkan daya pengeluaran dan mutu kerja, kita mestilah mempunyai disiplin diri, semangat kerjasama dan kesungguhan bekerja, kerana kita bertanggungjawab untuk kejayaan dan kemakmuran rakyat.*

**Ahli-ahli Yang Berhormat,**

*Alhamdulillah, ancaman komunis terhadap keselamatan negara telah berkurangan. Ini adalah dengan berkat kesungguhan dan usaha yang berterusan oleh Pasukan Keselamatan, agensi-agensi Kerajaan serta kerjasama dan sokongan rakyat sekalian. Akan tetapi kita mestilah sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir subversif bawah tanah yang cuba menyusup badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang sah dengan menimbulkan isu-isu perkauman dan sebagainya untuk memecahbelahkan dan menimbulkan huru-hara.*

*Selain ancaman pengganas komunis, dadah masih menjadi musuh utama negara. Dalam soal ini, Kerajaan terus bersikap tegas dalam usaha memerangnya. Oleh itu, suka Kita mengingatkan rakyat sekalian supaya berkerjasama untuk menghapuskan penyalahgunaan dadah. Di peringkat antarabangsa pula, Kerajaan akan menjayakan persidangan antarabangsa mengenai penyalahgunaan dadah, di Vienna pada tahun hadapan bagi menambahkan kesedaran masyarakat antarabangsa mengenai ancaman dadah.*

**Ahli-ahli Yang Berhormat,**

*Kerajaan akan terus mengeratkan lagi perpaduan rakyat. Kita semua mestilah berhati-hati dalam sebarang ucapan, penulisan ataupun tindak-tanduk, supaya isu-isu*

sensitif tidak dibangkitkan. Kerajaan Kita akan menggunakan segala kuasa dan tenaga yang ada padanya untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat. Kita semua hendaklah insaf bahawa sekiranya perpaduan tidak wujud, keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang telah sama-sama kita nikmati selama lebih suku abad akan hancur lebur.

Walaupun saudara saudari mempunyai kebebasan menyuarakan sesuatu isu di Dewan ini, tetapi ianya hendaklah dilakukan dengan ikhlas tanpa dikuasai oleh perasaan, semangat perkauman dan sebagainya demi memelihara kesejahteraan rakyat dan kesetabilan negara.

Kepada rakyat yang beragama Islam, suku Kita mengingatkan adanya pelbagai pengaruh dan dakyah yang cuba merosakkan akidah dan cara hidup umat Islam. Oleh itu, umat Islam hendaklah menguatkan akidah, bertakwa dan bersatu padu.

#### **Ahli-ahli Yang Berhormat,**

Kerajaan Kita akan terus memperjuangkan dasar luar negeri yang cergas untuk menjamin ketenteraman, keselamatan, kedaulatan dan pembangunan ekonomi negara.

Dalam ASEAN, Malaysia akan terus meningkatkan lagi persefahaman dan kerjasama ekonomi serantau, mencari jalan menyelesaikan masalah Kampuchea serta menjadikan Asia Tenggara kawasan aman, bebas dan berkecuali. Di persidangan antarabangsa, Malaysia menyokong perjuangan menentang dasar "apartheid" dan menyokong menyelesaikan masalah Afghanistan dan Palestin. Kerajaan Kita juga terus memupuk hubungan dengan negara-negara Islam untuk memperkukuhkan perpaduan ummah dan menumpukan perhatian kepada hubungan negara-negara Selatan.

#### **Ahli-ahli Yang Berhormat,**

Kerajaan Kita akan bersikap tegas mengenai isu-isu antarabangsa, melaksanakan dasar-dasar negara, menguatkuasakan undang-undang, meningkatkan ekonomi serta mengekalkan perpaduan. Suka Kita mengingatkan rakyat sekalian supaya bersatu padu di bawah pimpinan Datu Seri Dr Mahathir bin Mohamad untuk melahirkan sebuah negara yang teguh dan harmoni. Seterusnya suka Kita mengucapkan penghargaan kepada anggota-anggota perkhidmatan awam dan Pasukan Keselamatan kerana perkhidmatan dan pengorbanan mereka untuk kesejahteraan negara.

Akhirnya, suka Kita mengingatkan saudara saudari sekalian yang telah dipilih oleh rakyat supaya menjalankan tugas dengan jujur, ikhlas dan amanah untuk kepentingan rakyat dan negara. Jadikanlah Dewan ini sebagai tempat bermusyawarah dan bermuafakat kerana muafakat itu berkat dan mendapat rahmat daripada Allah subhanahu wataala.

Wabillahi Taufik Walhidaayah,

Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

The English translation is as follows:

**Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.**

**In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.**

**Praise be to Allah, Lord of the Universe and may His Blessings and Peace be upon our Prophet Muhammad, his family and his companions.**

**Mr President, Mr Speaker, Members of the Dewan Negara and Members of the Dewan Rakyat.**

*Thanks be upon Allah, The Almighty, for His blessings in enabling us to meet at the official opening of the First Session of the Seventh Parliament today.*

*I wish to congratulate all those who have been elected in the recent General Election. I would also like to convey my appreciation to those who have contributed to the success of the General Election.*

*The practice of parliamentary democracy has become a way of life for Malaysians. Fundamental freedom of individuals is guaranteed by the Constitution and protected by a judicial system which is independent and just. This democratic system, therefore, must be preserved and upheld.*

*My Government will continue to implement policies which will benefit the nation and the people. However, the implementation of any policies can be adjusted to suit current needs in order to achieve national unity.*

#### **Honourable Members,**

*The nation is presently faced with slow economic growth which continue to persist. Our primary commodities are facing an unfavourable world market. This has reduced our national earnings. Therefore, the Government will continue with its austerity drive as well as to take measures to overcome the economic situation. The people on the other hand must be self-reliant and must be willing to work hard to increase productivity.*

*Performance in some major sectors was not satisfactory last year, resulting in reduced employment opportunities. My Government has taken steps to overcome and improve the performance of the sectors concerned, among which is the construction of low cost houses, the greater use of local materials in the construction and manufacturing industries and as well as increasing agricultural production.*

*My Government will give emphasis to the role of the private sector as the engine to economic growth, inter alia, through the Export Promotion Council. In addition, my Government has taken steps to modify and relax the regulations and legal procedures relating to trade and industry and also to provide financial facilities through the New Investment Fund and Export Credit Refinancing Scheme.*

*We must exercise self-discipline and work together with utmost dedication in our effort to increase productivity and quality of work. This is so because it is our responsibility to ensure success and prosperity of the people.*

**Honourable Members,**

*Thanks be upon Allah, the communist threat to national security has lessened. This is the result of the untiring efforts by the Security Forces and Government agencies as well as the co-operating and support from the people. We must be alert towards the activities of the underground subversive elements which attempt to infiltrate the legitimate organisations and institutions by capitalising on racial issues to create division and chaos among the people.*

*Other than the threat from communist terrorists, **dadah** problems continue to be our main enemy. My Government will continue to be firm in combating **dadah**. Therefore, I would like to remind my people to work together in eradicating drug abuse. At the international level, the Government will strive for the success of the International Conference on Drug Abuse in Vienna to be held next year, which aims at increasing the awareness of the international community on the threat of **dadah**.*

**Honourable Members,**

*My Government will continue to strengthen national unity. We must be cautious in all our speeches, writings and action so that sensitive issues are not raised. My Government will take whatever actions within its means to foster unity amongst the people. We must all realise that without unity, there will be no peace, stability, prosperity, which we have enjoyed for more than a quarter of a century.*

*Although you are free to voice any issues in this House, it must be done with sincerity, and be free from emotions and racial sentiment for the sake of national stability.*

*To the Muslims, I call upon them to be vigilant of the various influences and propaganda which attempt to undermine the **akidah** and way of life of the **ummah**. Therefore, all Muslims must strengthen their **akidah**, **takwa** and unity.*

**Honourable Members,**

*My Government will continue to pursue an active foreign policy that will ensure peace, security, sovereignty and economic development.*

*In ASEAN, Malaysia will continue to enhance regional solidarity and economic co-operation, continue to seek a solution to the Kampuchean problem and endeavour to turn South East Asia into a Zone of Peace, Freedom and Neutrality. At the international level, Malaysia will continue to support the struggle against apartheid and the efforts to solve the Afghanistan and Palestine problem. My Government will continue to foster good relations with the Islamic countries, strengthen Islamic solidarity and forge closer relations with countries of the South.*

**Honourable Members,**

*My Government will remain firm on international issues, in the implementation of national policies, in enforcing laws, in improving the economy and in maintaining unity in the country. Therefore, I would like to call upon my people to be united under the leadership of Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad so that Malaysia will continue to be a strong and harmonious nation. I would like to take this opportunity to thank the members of public services and Security Forces for their service and their sacrifice for the progress of the nation.*



*In conclusion, I would like to remind all of you who have been elected by the people to perform your duty with sincerity and trustworthiness in the interest of the people and the nation. Let this House be the forum to achieve consensus, under the Blessings of Allah.*

*Wabillaahi Taufik Walhidaayah,*

*Wassalaamu Alaikum Warahmatuallaahi Wabarakaatuh.*

### MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mem-persetujuan Akta-akta yang telah diluluskan dalam Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1985) 1986;
2. Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1986;
3. Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1986;
4. Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 1986;
5. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1986;
6. Akta Pilihanraya (Pindaan) 1986;
7. Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1986;
8. Akta Pencen (Pindaan) 1986;
9. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1986;
10. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1986;
11. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1986;
12. Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
13. Akta Paten (Pindaan) 1986;

14. Akta Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan) 1986;

15. Akta Percetakan Teks Al-Qur'an 1986;

16. Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1986; dan

17. Akta Instituit Teknologi MARA (Pindaan) 1986.

### PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu. Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

"18hb April, 1986.

### PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA KEPADA DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,**

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Per-bekalan Tambahan (1985);
2. Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan);



3. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Mem-baharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pilihan-raja (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Peng-galakan Pelaburan;
13. Rang Undang-undang Paten (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Per-cetakan Teks Al-Qur'an;
16. Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan); dan
17. Rang Undang-undang Instituit Teknologi MARA (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA  
DEWAN NEGARA**

#### **LANTIKAN KETUA PEMBANGKANG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak

memaklumkan iaitu saya telah berpuas hati bahawa Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Tanjong adalah mendapat sokongan ramai untuk menjadi Ketua Pembangkang. (*Tepuk*).

Oleh itu, dengan ini saya mengiktirafkan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Tanjong sebagai Ketua Pembangkang.

#### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN**

#### **DADAH—HUKUMAN MATI TERHADAP KEVIN JOHN BARLOW/BRIAN GEOFFREY CHAMBERS**

1. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan publisiti yang begitu hebat telah pun diberi kepada kes baru-baru ini di mana Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman mati terhadap Kevin John Barlow dan Brian Geoffrey Chambers oleh kerana mereka didapati bersalah kerana mengedar dadah, adakah publisiti ini telah menjatuhkan imej Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa; jika ya, apakah langkah-langkah yang konkrit diambil oleh Kerajaan supaya sistem undang-undang kita dan keadaan sebenarnya difaham oleh mereka; adakah Kerajaan bercadang supaya hukuman mati yang dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta tersebut dikaji semula supaya ianya dihapuskan dari sistem undang-undang kita. Jika tidak mengapa. Setakat manakah pihak Kerajaan Australia atau pihak media massa di Negeri tersebut terlibat sehingga penglibatan mereka itu telah melampau dan boleh dikatakan "undue interference with Malaysian domestic affairs".

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, laporan-laporan akhbar luar negeri mengenai hukuman mati terhadap kedua-dua pengedar dadah berkenaan adalah secara factual dan objektif. Malahan banyak akhbar yang menyokong dan memahami keperluan Malaysia melaksanakan hukuman berkenaan. Dengan demikian soal imej Malaysia terjejas oleh publisiti kes itu tidak diambil.

Sayugia diingatkan bahawa hukuman gantung bukanlah amalan yang tidak dikenali atau belum pernah dikenakan oleh negara-negara lain, termasuk negara-negara Barat, bagi kesalahan-kesalahan berat yang tertentu. Rakyat dan Parlimen kita telah menetapkan hukuman sedemikian berasaskan tahap bahayanya dadah terhadap masyarakat kita. Warganegara asing yang terlibat yang memasuki negara ini tidak mempunyai alasan menasabah jika tidak mengetahui hukuman ini. Publisiti mengenainya adalah cukup luas, sama ada melalui papan-papan notis, akhbar-akhbar, TV dan lain-lain media seperti pengumuman dalam pesawat MAS semasa ketibaan di lapanganterbang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak mengkaji semula Akta berkenaan memandangkan ianya merupakan faktor pencegahan penting terhadap bahaya gejala ini. Pengedar dadah merupakan seorang pembunuh yang membunuh ramai mangsanya (mass murderer) dengan cara pembunuhan yang lebih dahsyat daripada pembunuh biasa kerana mangsanya menderita begitu lama sebelum mati. Inilah hakikat sebenar yang harus difahami oleh semua pihak. Kerajaan bertanggungjawab bagi melindungi rakyatnya daripada pengedar dadah, iaitu pembunuh yang begitu kejam ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar imej kami dalam kaca mata antarabangsa ada terjejas oleh kerana kedua-dua orang ini, Kevin dan Chambers telah digantung lebih dahulu daripada proses undang-undang ada ditamatkan. Tuan Speaker, oleh kerana kes kedua-dua orang asing ini tidak tamat dalam Mahkamah Tinggi Pulau Pinang apabila pada 7hb Ogos, 1986 kedua-dua orang ini telah digantung. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar, ini melanggar kedaulatan undang-undang atau, dengan izin, rule of law.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dengan perkataan "kami" itu dimaksudkan DAP, memanglah imej DAP telah terjejas kerana perbuatan ini (*Ketawa*).

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, itu bukan jawapan. Bila saya cakap imej kami, "kami" bermaksud semua di negara ini, Tuan Speaker—bukan DAP saja. Bolehkah Yang Amat Berhormat jawab soalan asal yang saya berbangkit tadi? Jangan main-main (*Ketawa*).

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja balik daripada Amerika Syarikat, England dan negeri Jepun. Dalam perjalanan saya, saya berjumpa dengan ramai pemimpin-pemimpin Kerajaan, orang awam dan juga orang-orang perniagaan dan mereka ini sama ada tidak sama sekali membangkitkan soal pengantungan Kevin dan Chambers ini ataupun mereka menyokong penuh tindakan Kerajaan kita. Bahkan petang semalam saya mendapat satu surat daripada seorang doktor Ph.D. daripada Australia yang memuji tindakan Kerajaan Malaysia terhadap kedua-dua penjenayah ini, pembunuh ini, dan ianya menghantar bersama-sama dengan suratnya potongan akhbar di South Australia yang melaporkan tentang ucapan saya

dalam United Nations yang menyebut bahawa kita akan terus menggantung sesiapa sahaja yang mengedar dadah di negara kita tidak kira warna kulit ataupun kepercayaan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun perang dadah ini tidak dapat dilonggarkan, saya hendak bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebelum hukuman ini dikuatkuasakan, sama ada ada dibincang dengan Kerajaan Australia terlebih dahulu dari segi diplomasi supaya tidak akan menjejaskan hubungan di antara kedua-dua negara.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, agak ganjil sekali soalan ini iaitu perlaksanaan undang-undang kita mesti dirunding terlebih dahulu dengan negara asing. Mungkin Ahli Yang Berhormat tidak tahu kita adalah sebuah negara merdeka dan sovereign power yang boleh menentukan segala undang-undang dalam negara kita dengan sendiri dan menjalankannya dengan sendiri. Saya tidak nampak apa ada kaitan dengan Australia ataupun mana-mana negara apabila kita mendapati seorang penjenayah telah pun dikenakan hukuman yang perlu dijalankan di dalam negara kita.

## KILANG PADI LPN

**2. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah segera yang telah diambil oleh kementerian Perusahaan Awam untuk membetulkan kelemahan-kelemahan pengurusan serta kekurangan fasiliti pengering dan pengilangan di kilang-kilang padi LPN yang telah menyebabkan berbagai kesusahan dan kerugian kepada penanam padi di Kedah dan

Perlis setiap musim menuai terutama pada bulan ogos, 1986; dan

- (b) apakah perancangan jangka panjang Kementerian Perusahaan Awam untuk mengemaskinikan perkhidmatan kilang padi LPN di seluruh negara supaya penanam-penanam padi tidak lagi mengalami kerugian di masa hadapan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah badan Kerajaan yang bertanggungjawab antara lain untuk membeli padi, LPN adalah merupakan pembeli terakhir semua padi yang hendak dijual oleh petani tanpa mengira kemampuan dan kemudahan-kemudahan LPN sendiri ataupun mutu padi yang hendak dijual.

Dari segi kemudahan dan keupayaan yang terdapat di Kedah dan Perlis, LPN mempunyai 19 buah kompleks dengan kemudahan tetap mengering di antara 186,000 hingga 310,000 tan metrik padi setahun atau 15,500 hingga 25,830 tan metrik sebulan, mengilang 224,000 tan metrik padi setahun atau 18,670 tan metrik sebulan dan menyimpan 160,000 tan metrik padi.

Dari perangkaan yang ada, didapati selalunya pembelian yang dibuat oleh LPN adalah melebihi keupayaan yang dimiliki oleh kompleks-kompleks LPN seperti yang terlalu baru-baru ini di Kedah dan Perlis. Jumlah pembelian LPN bagi bulan-bulan Januari hingga Ogos 1986 di Kedah dan Perlis ialah sebanyak 301,969 tan metrik. Daripada jumlah ini, pembelian dalam bulan Ogos sahaja adalah sebanyak 73,340 tan metrik berbanding dengan keupayaan 15,500 tan sebulan. Oleh sebab itu, pada setiap kali musim menuai terdapat kesesakan di kompleks-kompleks LPN di seluruh negeri. Kesesakan akan lebih ketara

apabila musim menuai itu jatuh dalam musim hujan seperti yang berlaku pada bulan Ogos/September 1986 baru-baru ini di Kedah dan Perlis. Oleh kerana padi yang dituai dalam musim hujan mengandungi kadar wap basah yang tinggi, kilang swasta enggan membeli padi, oleh itu LPN sebagai buyer of last resort menjadi tempat tumpuan untuk menjualnya.

LPN sentiasa menyedari akan masalah yang dialami oleh petani-petani di musim kemuncak tuaian. Oleh itu, segala tindakan yang perlu telah dilaksanakan seperti berikut:

- (i) membesarkan kemudahan-kemudahan kompleks yang sedia ada dengan mengadakan peneduh-peneduh sementara bagi menampung lebih banyak padi yang dibeli. Sebanyak 111 buah peneduh sementara telah dibina di kompleks-kompleks LPN di Kedah dan Perlis yang mana 62 buah daripadanya dibina dalam tahun 1985/86;
- (ii) memindahkan padi dari kompleks-kompleks yang menghadapi belian yang berlebihan dari kemampuan, ke kompleks-kompleks lain di Kedah/Perlis yang belianya rendah dan juga ke kompleks-kompleks di negeri-negeri lain yang berdekatan seperti Pulau Pinang dan Perak;
- (iii) menggunakan kemudahan-kemudahan pengeringan kilang-kilang swasta yang berhampiran dengan kompleks-kompleks LPN yang menghadapi kesesakan. Kilang-kilang swasta tersebut masih mempunyai kemampuan mengendali belian padi tetapi tidak membeli sepenuhnya jumlah padi yang boleh dikendalikan mengikut kemampuan kilang mereka;

(iv) memindahkan padi kering untuk diupah kisar oleh kilang-kilang swasta yang tidak mempunyai kemudahan mengering dan tidak berkemampuan membeli padi; dan

(v) menjual sebahagian belian harian kepada kilang-kilang swasta.

Sesungguhnya kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh LPN tidaklah boleh menampung 100% pembelian daripada hasil padi yang dikeluarkan pada setiap musim. Ini bermakna kesesakan akan terus berlaku pada musim kemuncak menuai terutama jika musim itu jatuh pada musim hujan. Jika sekiranya LPN hendak membeli semua padi yang dipasarkan tanpa melibatkan sektor swasta, kemudahan 100% perlulah diadakan dan ini akan memakan belanja kira-kira \$900 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah jawapan itu? Nampaknya panjang sangat.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Lagi setengah muka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak bolehkah potong sedikit?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Ya. Ini tidak wajar dibelanjakan kerana ia akan menghasilkan kemudahan-kemudahan tambahan yang akan digunakan semasa kemuncak tuaian sahaja, iaitu dua bulan dalam setahun.

Sebaliknya, wang ini tidak mungkin diperuntukkan memandangkan kepada ekonomi negara yang merosot, kadar faedah pinjaman bank yang tinggi dan kedudukan industri beras kurang menguntungkan. Dengan demikian, bagi mengatasi masalah yang berbangkit di setiap musim, kerjasama dan penglibatan sektor

swasta akan terus diperolehi dengan memperluaskan lagi skim upah kisar, menjualkan lebih banyak padi yang telah dibeli oleh LPN kepada kilang-kilang swasta dan menggunakan kemudahan-kemudahan mengering di kilang-kilang swasta yang berhampiran.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa antara sebab-sebab kelemahan-kelemahan LPN yang menyebabkan bertahun-tahun kerugian-kerugian kepada penanam-penanam padi ialah bahawa ketidakcekapan kakitangan-kakitangan LPN?

Kedua, oleh kerana korupsi di kalangan kakitangan-kakitangan LPN yang menjadi sungutan oleh petani-petani dan penanam-penanam padi baru-baru ini di Kedah dan Perlis, kenapa LPN atau Kementerian yang berkenaan tidak boleh mengatasi masalah ini? Sungguhpun masalah ini sudah 15 tahun di mana kakitangan LPN sudah meningkat dari 30 orang 15 tahun dahulu, sehingga sekarang lebih 5,000 orang di mana ini sudah menjadi seperti "Harapkan pagar, pagar makan padi". Apakah proses atau solution yang lebih efektif boleh diadakan?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju kalau dikatakan pekerja-pekerja LPN itu semuanya korupsi. Sebenarnya kita telah pun mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai yang terlibat, sekiranya ia boleh dibuktikan dan adalah tidak wajar juga dikatakan yang pekerja-pekerja LPN tidak cekap kerana mereka bekerja 24 jam semasa musim tuaian padi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sebenarnya kita berkehendakkan \$900 juta untuk melaksanakan keseluruhan keupayaan LPN, ini tentulah di luar kemampuan

Kerajaan untuk masa waktu begini. Oleh sebab yang demikian saya percaya kita memang memerlukan penglibatan swasta dan kita telah pun memberikan peluang yang besar kepada pihak swasta untuk melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti LPN seperti memberikan upah kisar, pengeringan dan pengilangan. Kita juga menjual padi-padi kita kepada pihak-pihak pengilang yang sanggup untuk mengilang padi-padi kita dan kita percaya ini akan memberi kesan yang baik.

### TRAGEDI LOMBONG DI PUCHONG—SIASATAN

3. **Dr V. David** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah beliau sedar akan tragedi lombong di Puchong yang telah berlaku pada 8hb Ogos, 1984 yang telah mengorbankan nyawa tujuh orang; bolehkah beliau memberitahu keputusan penyiasatan yang telah dimulakan oleh Kerajaan dan jumlah wang saguhati yang telah dibayar kepada keluarga setiap mangsa tragedi itu.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik):** Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada penyiasatan terbuka yang telah dijalankan oleh Jabatan Galian adalah didapati bahawa pihak pengurusan Sungai Kelang Dredging Sdn Bhd telah gagal mematuhi peraturan keselamatan di bawah Peraturan Melombong 1934 dan Enakmen Perlombongan 1947.

Salinan laporan penyiasatan tersebut telah pun dipanjangkan kepada pihak yang berkuasa iaitu Kerajaan Negeri Selangor dan Timbalan Pendakwaraya Negeri Selangor untuk tindakan selanjutnya, sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang.

Antara 7 orang yang terkorban di tragedi lombong ini 5 orang adalah tertakluk di bawah Akta Keselamatan



Sosial Pekerja 1969. Jumlah faedah yang telah dibayar kepada ahli-ahli keluarga 5 orang pekerja-pekerja ini berjumlah \$1,055 sebulan iaitu \$144 sehingga \$250 sebulan pada tiap-tiap balu bergantung kepada bilangan anak.

Pengarah Urusan syarikat dan seorang anggota kapal korek (dredge master) walaupun di antara 7 orang yang terkorban tidak tertakluk di bawah Akta tersebut.

**Dr V. David:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini macam mana pembayaran saguhati tiap-tiap keluarga si mati dalam tragedi lombong ini, bila mereka boleh mendapat jumlah yang cukup bagi tiap-tiap keluarga atau mereka diberi tiap-tiap bulan hanya lebih kurang \$200, itu tidak boleh ganti nyawa? Bolehkah beritahu, berapakah jumlah yang boleh didapati oleh tiap-tiap keluarga?

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, ini luar dari Kementerian saya untuk membayar saguhati, saya jaga Kementerian Perusahaan Utama sahaja.

#### **DASAR EKONOMI BARU— PENCAPAIAN MATLAMAT**

4. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah mencapai matlamat utama perpaduan negara; adakah Kerajaan telah membuat apa-apa keputusan mengenai melanjutkan tempoh DEB dan adakah rakyat akan dirunding sebelum mengambil sebarang keputusan ke atas perkara ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa usaha untuk mencapai matlamat perpaduan negara melibatkan berbagai

kegiatan dan bidang seperti ekonomi, sosial dan politik. Dasar Ekonomi Baru merupakan satu sahaja di antara cara ekonomi ke arah pencapaian matlamat tersebut dan ianya merupakan hanya syarat yang perlu tetapi belum mencukupi bagi menjamin tercapainya matlamat tersebut. Dasar-dasar dan usaha-usaha lain yang bukan ekonomi juga sama pentingnya. Dasar pelajaran misalnya, bertujuan menggalakkan wujudnya nilai-nilai persamaan dan ketaatsetiaan di kalangan penuntut dari semua kaum di negara ini. Dasar-dasar yang berkaitan dengan bahasa, kebudayaan dan adat resam masyarakat Malaysia serta usaha-usaha menanamkan semangat bekerja keras dan tekun adalah bertujuan memberi sumbangan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang berdisiplin, bersatu padu dan dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, sesebuah negara yang bermasyarakat majmuk seperti Malaysia sudah tentu menghadapi berbagai cabaran yang perlu diatasi dan dari itu memerlukan masa dalam usaha untuk mencapai perpaduan sepenuhnya. Walaupun demikian, kita tidak dapat menafikan bahawa hari ini satu tahap perpaduan telah pun wujud di negara kita hasil daripada pelaksanaan beberapa dasar tertentu, termasuk Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan memastikan bahawa perseimbangan serta keadilan sosial dan ekonomi dipelihara.

Data-data yang terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima menunjukkan pada keseluruhannya kadar kemiskinan di kalangan semua kaum di Semenanjung Malaysia telah berjaya dikurangkan daripada kira-kira 49% dalam tahun 1970 kepada kira-kira 18% dalam tahun 1984. Kemiskinan di kedua-dua kawasan luar bandar dan bandar serta di Sabah dan Sarawak juga telah mencatatkan arah aliran yang berkurangan. Kadar kemiskinan di kawasan luar bandar

telah berkurangan daripada kira-kira 59% pada tahun 1970 kepada kira-kira 25% pada tahun 1984, manakala kadar kemiskinan di bandar telah berkurangan daripada kira-kira 21% pada tahun 1970 kepada kira-kira 8% pada tahun 1984.

Kejayaan pelaksanaan strategi penyusunan semula masyarakat pula jelas menunjukkan bahawa kedua-dua kaum bumiputera dan bukan bumiputera telah mencapai kemajuan yang menggalakkan. Di dalam bidang pekerjaan berpendapatan tinggi seperti arkitek, akauntan dan jurutera, pada keseluruhannya, bumiputera kini telah mencapai bahagian 21%, kaum Cina kira-kira 62% dan kaum India 14%. Dalam sektor koperat, pemilikan kaum bumiputera telah meningkat daripada hanya kira-kira 2% di awal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kepada kira-kira 18% pada tahun 1985, sementara rakyat Malaysia yang lain berjaya mencapai bahagian daripada 34% kepada kira-kira 57% dalam tempoh yang sama.

Pada hemat saya, angka-angka ini jelas menggambarkan bahawa berbagai perbezaan ekonomi antara kaum telah pun berkurangan dan ini adalah petanda positif bahawa asas perpaduan kaum telah dapat kita bina. Dalam konteks ini, saya ingin menegaskan bahawa hasrat dan pelaksanaan strategi penyusunan semula masyarakat khasnya mestilah dianggap sebagai satu usaha dan sumbangan positif ke arah matlamat perpaduan negara kerana langkah-langkah yang dilaksanakan adalah semata-mata bertujuan untuk menggunakan ketidakseimbangan yang wujud di kalangan kaum.

Mengenai soalan sama ada Kerajaan telah membuat apa-apa keputusan untuk melanjutkan Dasar Ekonomi Baru, sebagaimana yang terkandung dalam dokumen RML, Kerajaan telah menyatakan bahawa usaha-usaha

mestilah diteruskan selepas tahun 1990 untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi mencapai perpaduan negara. Strategi, rancangan dan dasar-dasar ekonomi yang baru akan dirangka untuk meneruskan lagi usaha-usaha menghapuskan kemiskinan dan mengatasi mana-mana ketidakseimbangan yang wujud. Saya telah menyatakan baru-baru ini bahawa tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah tidak penting. Apa yang lebih penting ialah usaha ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk terus mengurangkan keadaan tidak seimbang antara kaum di negara ini.

Kerajaan, yang mewakili rakyat, dalam membuat apa-apa keputusan sebenarnya sentiasa mengambil kira kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus meminta pandangan rakyat melalui saluran-saluran tertentu. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah pun menyatakan bahawa pandangan berbagai peringkat dan golongan masyarakat, khususnya parti komponen dalam Barisan Nasional akan dipertimbangkan dalam soal perlanjutan hasrat Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa ada golongan yang mempertikaikan Dasar Ekonomi Baru dan kemungkinan boleh menimbulkan huru hara di dalam negara ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang Dipertua, memanglah benar dan saya sedar, dan inilah satu masalah yang menghalang perpaduan dicapai.

**Tuan P. Pato:** Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan tentang

program-program yang telah dilaksanakan untuk menyusun semula masyarakat sejak tahun 1970. Saya ingin mendapat tahu sama ada matlamat kedua Dasar Ekonomi Baru iaitu menyusun semula masyarakat supaya tiada sebarang fungsi ekonomi dikenali dengan mana-mana satu kaum, sama ada matlamat itu tercapai dan sekiranya ada, apakah pencapaian itu dapat dicerminkan dalam sektor awam dan juga sektor pertanian?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya usaha ini tidaklah dapat mencapai matlamatnya 100% kerana kita belum lagi sampai ke penghujung Rancangan Dasar Ekonomi Baru ini. Sekarang ini pula kita dapati bahawa pertumbuhan ekonomi adalah terjejas dan oleh kerana Dasar Ekonomi Baru ini diasaskan kepada pertumbuhan ekonomi maka pencapaiannya juga terjejas kerana terjejasnya pertumbuhan ekonomi. Sama ada kita telah mencapai sedikit sebanyak kemajuan, perkara ini boleh diakui oleh saya tetapi kita tidak harus pandang kepada bidang pertanian dan Kerajaan sahaja tetapi kita perlu juga lihat keadaan di bidang swasta dan juga di antara pekerja-pekerja di tempat-tempat tertentu termasuk juga mungkin di ladang-ladang getah yang mana sekarang kita dapati bahawa sudah ramai orang-orang bukan keturunan India yang bekerja dalam ladang getah tidak seperti dahulu, dan ini merupakan satu kejayaan yang telah dicapai. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu ingin mendapat angka yang sepenuhnya, saya minta maaf kerana kita tidak dapat mengumpul data-data yang menyeluruh yang boleh memberi gambaran yang sebenar. Kalau saya cuma memberi gambaran terhadap anggota-anggota Kerajaan sahaja maka ini adalah tindakan yang berat sebelah, kerana mereka yang bekerja dalam Kerajaan angka mereka cuma 860,000 sedangkan penduduk Malaysia ialah 15 juta.

## SEKOLAH AGAMA BERASRAMA PENUH

5. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Sekolah Arab Agama yang telah dijadikan sebagai Sekolah Agama Berasrama Penuh oleh Kerajaan Persekutuan hingga tahun 1985 dan:

- berapakah jumlah murid-murid bagi sekolah-sekolah tersebut;
- bagaimanakah prestasi pelajaran murid-murid di sekolah-sekolah tersebut di dalam peperiksaan-peperiksaan S.P.M. dan S.T.P.M. pada keseluruhannya; dan
- adakah sistem pembelajaran di sekolah tersebut sebagai sistem Pembelajaran Bersepadu (Integrated Learning System) iaitu campuran di antara pelajaran agama dan sekular (umum).

**Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang menawarkan pengajian Pengetahuan Islam dan Bahasa Arab telah dijadikan Sekolah Menengah Berasrama Penuh. Sekolah-sekolah tersebut ialah Kolej Islam Kelang dan Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan. Kolej Islam mempunyai 832 orang pelajar dan Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan 678.

Pada keseluruhannya prestasi pelajaran murid-murid di kedua-dua buah sekolah tersebut amatlah memuaskan. Dalam peperiksaan SPM 1985 kedua-dua buah sekolah tersebut mencapai kejayaan 100%. Sementara dalam peperiksaan STPM 1985 ketuluan yang dicapai dalam tiap-tiap mata pelajaran juga amat memuaskan.

Sistem pembelajaran yang dijalankan dan dikenalkan di kedua-dua sekolah tersebut adalah sistem



pembelajaran bersepadu sesuai dengan kehendak ajaran Islam di mana Pengetahuan Islam dan lain-lain pengetahuan duniawi asas yang diperlukan dalam kehidupan untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan mempunyai niat untuk menambahkan bilangan Sekolah Arab Agama untuk dijadikan sebagai Sekolah Agama Berasrama penuh?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, niat ada tetapi wang belum cukup.

#### SURAT ORANG AWAM— JAWAPAN

6. **Tuan Liew Ah Kim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dapat beliau mencadangkan "tempoh pemberitahuan" yang tertentu untuk setiap Jabatan Kerajaan menjawab surat-surat yang dikemukakan kepada mereka oleh orang awam atau melalui Ahli Dewan Rakyat. Adalah menjadi kewajipan setiap Jabatan Kerajaan membalas penerimaan surat-surat dengan menghantar kad penerimaan serta memberitahu dengan jelas keputusan yang diambil.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa di dalam Arahan Perkhidmatan Kerajaan telah pun terdapat peraturan mengenai "Melayani Surat-surat Yang Diterima". Satu daripada tugas-tugas penting Ketua Jabatan dan lain-lain pegawai yang bertanggungjawab di dalam sesuatu Jabatan itu ialah menentukan bahawa semua surat yang diterima diberi perhatian yang segera dan sekiranya surat-surat itu memerlukan jawapan, diberikan jawapan dalam kadar yang singkat.

Dalam Panduan Surat Menyurat yang telah dikeluarkan untuk Agensi-Agensi Kerajaan oleh MAMPU telah pun menyatakan bahawa surat-surat hendaklah diberikan jawapan dengan seberapa segera yang boleh. Kadangkala pula terdapat juga keadaan di mana jawapan yang tegas tidak dapat diberikan dalam tempoh yang singkat seperti yang ditetapkan. Keadaan ini timbul kerana sesuatu perkara yang sememangnya tidak dapat dielakkan seperti melibatkan perkara dasar, perhubungan antara Jabatan, statistik dan sebagainya, maka surat atau kad pemberitahuan penerimaan surat hendaklah dihantar kepada pihak yang menghantar surat tersebut dengan seberapa segera yang boleh dan paling lewat dalam tempoh seminggu.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah langkah atau tindakan yang diambil untuk memastikan bahawa arahan yang dikeluarkan atau ada dipatuhi oleh semua kakitangan-kakitangan ataupun pegawai-pegawai Kerajaan memandangkan dan ini berasaskan kepada pengalaman saya, bahawa ada agensi-agensi Kerajaan ataupun Jabatan-jabatan Kerajaan mengambil masa yang begitu lama untuk menjawab sesuatu surat yang dihantar oleh Wakil Rakyat?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan tadi, soal peraturan telah pun diadakan, cuma yang boleh ditentukan oleh Kerajaan ialah dari segi pengawasan yang dibuat oleh Ketua-ketua Jabatan dan ini kita perhatikan daripada satu masa ke satu masa melalui sistem yang kita amalkan itu.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan itu menyatakan di Dewan ini berapa lamakah surat-surat yang patut

dijawab dengan masa yang singkat dan berapa lama maksimumnya surat yang berkenaan itu patut dijawab.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi bahawa surat-surat hendaklah dijawab dengan kadar yang seberapa segera tetapi terdapat kadangkala masalah-masalah yang berbangkit. Di dalam hal ini kalau surat itu tidak dapat diberi jawapan dalam tempoh satu minggu, satu kad pemberitahuan penerimaan surat hendaklah dihantarkan untuk memberitahu kepada penulis surat di atas penerimaan surat mereka itu. Dari segi tempoh yang lama tidak dapatlah saya memberitahu kerana itu saya memerlukan notis untuk menyiasat di dalam begitu banyak jabatan-jabatan Kerajaan yang ada.

#### NILAI RINGGIT MALAYSIA

7. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan peratus peningkatan kesusutan nilai matawang ringgit Malaysia untuk tahun 1975, 1980, 1984 dan setakat 30-9-1986 berbanding dengan matawang-matawang asing yang berikut:

- Yen Jepun;
- Dollar US;
- Paun Sterling; dan
- Mark Jerman.

Sebab-sebab turunnya nilai ringgit Malaysia dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan keyakinan rakyat kita dan bagaimana ini menjejaskan hutang-hutang asing kita serta langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi keadaan tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, pergerakan nilai ringgit

berbanding dengan matawang utama adalah seperti berikut:

	AS\$ (%)	£ (%)	Yen (%)	DM (%)
1975	-8.9	+5.0	-7.2	-2.4
1980	-1.2	-7.4	-13.9	+12.2
1984	-3.1	+17.3	+2.5	+9.6
Jan. 1985 hingga Sep. 1986	-7.7	-25.5	-42.2	-39.2

Tuan Yang di-Pertua, nilai ringgit yang bertambah lemah di akhir-akhir ini, terutamanya sejak suku tahun berakhir 1985, sebahagian besarnya mencerminkan nilai matawang Yen Jepun dan juga Deutschmark yang bertambah kukuh dan sebahagiannya lagi disebabkan oleh kelembapan dalam ekonomi negara yang timbul akibat harga barangan yang rendah.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedar, perkembangan dalam matawang-matawang utama antarabangsa adalah di luar kawalan kita dan pergerakan ringgit bergantung satu-satunya ke atas faktor-faktor bekalan dan permintaan. Dasar Kerajaan ialah tidak mahu campurtangan dengan faktor-faktor yang terdapat dalam pasaran. Bank Negara Malaysia hanya campur tangan untuk memastikan nilai ringgit yang stabil dan teratur dalam pasaran. Nilai ringgit tidak boleh kukuh berterusan dari tahun ke tahun dalam menghadapi keadaan pusingan perniagaan yang tidak menentu.

Pada keseluruhannya, nilai ringgit telah bertambah kukuh sejak tahun 1980. Dengan terdapatnya pengurangan yang besar dalam harga barangan dan nilai Yen, Deutschmark dan Swiss Franc yang terus meningkat dengan banyaknya, adalah tidak wajar untuk mengekalkan nilai ringgit kukuh berlawanan dengan arah aliran yang terdapat dalam pasaran. Kita mestilah sedar dan menerima kenyataan mekanism bekalan dan permintaan dalam pasaran. Usaha-usaha untuk menyokong nilai ringgit secara

artificial, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah berlawanan bertentangan dengan apa yang telah ditentukan dalam pasaran dan akan hanya menguntungkan pihak-pihak yang membuat spekulasi dan akan memberi kesan yang buruk ke atas persaingan eksport negara.

Kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk menstabil dan mengukuhkan ekonomi negara dengan berbagai cara. Dengan adanya ekonomi yang lebih stabil dan kukuh kita berharap nilai ringgit juga akan menjadi lebih mantap.

Tuan Yang di-Pertua, nilai ringgit yang semakin lemah akan meningkatkan hutang belum selesai dalam nilai ringgit dan beban bayaran hutang negara yang disebut dalam matawang-matawang yang kukuh yang mana nilainya telah meningkat berbanding dengan ringgit. Sebaliknya pula, sepertimana kita sedar, nilai ringgit yang lemah ini mungkin juga memberi faedah kepada kita, iaitu dalam nilai ringgit, ke atas harta-harta luar negeri kita yang disebut dalam matawang-matawang yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, kesan ke atas harta-harta luar negeri dan tanggungan Malaysia mungkin dapat diminimalkan oleh kerana harta-harta dan tanggungan tersebut telah dipelbagaikan dengan sebaik-baiknya.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat dua soalan tambahan. Yang pertamanya kemerosotan nilai ringgit akan hanya merupakan masalah besar jika sekiranya nilai itu turun secara keseluruhan dan secara berterusan. Turun naiknya dengan matawang-matawang tertentu adalah satu perkara lumrah dalam pasaran matawang dunia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu, saya ingin menanya apakah langkah Kerajaan untuk menguatkan hubungan dagangan Malaysia, khususnya dengan Jepun, Amerika Syarikat dan Jerman Barat, terutama sekali dari segi perdagangan dan juga dari segi aliran modal supaya imbalan bayaran akan lebih setara dan dengan itu meyakinkan lagi kadar tukaran antara ringgit Malaysia dengan matawang-matawang negara-negara tersebut.

Soalan saya yang kedua ialah serba sedikit nilai ringgit tercabar kerana tabiat dan amalan tidak sihat dan negatif golongan tertentu iaitu mencari untung melalui spekulasi. Saya ingin menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah Kerajaan untuk membanteras sifat-sifat, amalan-amalan, tabii yang tidak sihat dan yang negatif itu dan yang menjejaskan dan mengganggu-gugat ekonomi negara. Terima kasih.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan pertama sudah terkeluar sedikit daripada soalan asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham, saya bersetuju terkeluar sedikit. Sila jawab yang Nombor 2.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Berkenaan dengan soalan tambahan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat meminta semua orang berhenti membuat spekulasi. Ini satu perjudian. Banyak, ada setengah bangsa itu memang suka berjudi, berjudi pada dia sebagai agama. Tetapi kita tidak mahu campur, kalau kita masuk campur ertinya kita menggalakkan naik turunnya matawang. Maka itu kita biarkan begitu sahaja tetapi kita tidak dapat menghentikan secara pasti bahawa orang-orang ini tidak membuat

spekulasi-spekulasi kerana mereka memang suka berjudi. Perangai dia begitu.

#### PEMBAHAGIAN SEMULA KAWASAN PILIHANRAYA 1984

8. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pembahagian Semula Kawasan Pilihanraya 1984 telah melanggar prinsip demokrasi iaitu seorang seundi oleh kerana terdapat setengah-setengah kawasan pilihanraya yang bilangan pengundinya dua atau tiga kali ganda daripada kawasan yang lain. Kalau ya, apakah tindakan Kerajaan untuk membetulkan keadaan yang tidak adil dan tidak demokratis ini. Sama ada Kerajaan sedia menerima satu cadangan bahawa bilangan kerusi di dalam Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri akan dikira berdasarkan kepada jumlah bilangan undi yang diperolehi oleh parti itu. Jika tidak, apakah alasannya.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, pembahagian semula kawasan Pilihanraya 1984 tidak melanggar prinsip demokrasi dan Perlembagaan. Cadangan pembahagian semula kawasan Pilihanraya itu dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya iaitu satu Suruhanjaya bebas dan telah diluluskan oleh Parlimen. Kerajaan tidak boleh mengganggu kerja-kerja Suruhanjaya Pilihanraya dan tidak boleh merombak keputusan Parlimen itu.

Terpulanglah kepada Suruhanjaya Pilihanraya sama ada hendak mengubah semula kawasan Pilihanraya, sebagaimana mengikut peruntukan Perlembagaan dalam tempoh di antara 8 hingga 10 tahun daripada tarikh pindaan yang terakhir itu dibuat, iaitu dalam tahun 1984.

Jawapan bagi soalan yang kedua ialah "tidak" kerana sistem yang ada sekarang adalah didapati baik.

#### UCAPAN Y.B. DATO' ABDULLAH AHMAD DI SINGAPURA

9. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa Dato' Abdullah Ahmad tidak ditahan di bawah Akta Keselamatan Negara, Akta Hasutan atau Kod Hukuman berikutan ucapannya di Singapura pada 31hb Ogos, 1986 yang menghasut perasaan kaum, tidak taat setia dan mengkhianati negara serta bertentangan dengan konsep Rukunegara sepertimana yang dibuktikan oleh latar belakangnya.

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah tindakan undang-undang tidak diambil ke atas Y.B. Dato' Abdullah Ahmad, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Kok Lanas yang mengesyorkan satu percantuman di antara Malaysia dan Indonesia dalam ucapannya di Institut Hal Ehwal Antarabangsa, Singapura.

14-10-86

3. Dr Eng Seng Chai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Peguam Negara mengkaji ucapan Yang Berhormat Ahli Parlimen dari kawasan Kok Lanas, Dato' Abdullah Ahmad yang dibuat di Singapura pada 30-8-1986 di Institut Hal Ehwal Antarabangsa dan adakah Peguam Negara membuat sesuatu saraan tindakan undang-undang dari segi pelanggaran Akta Hasutan.

23-10-86

14. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap Ahli Parlimen Kok Lanas yang telah membuat sebuah ucapan di Singapura baru-baru ini yang dianggap berbau hasutan.

6-11-86

**10. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan pendiriannya terhadap ucapan Dato' Abdullah Ahmad, Ahli Parlimen Kok Lanas bahawa Malaysia dan Indonesia mungkin terpaksa bercantum dan apakah tindakan Kerajaan akan ambil ke atasnya.

13-11-86

**10. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian ini menjalankan satu siasatan baru atas Y.B. dari Kok Lanas, Kelantan untuk memastikan bahawa beliau akan disingkirkan dari pengaruh K.G.B. Rusia dan tidak lagi dipengaruhi oleh Rusia kerana ucapan beliau baru-baru ini di Singapura telah mendedahkan bahawa beliau adalah seorang yang dari kaum ekstremis dan telah merosakkan keharmonian kaum-kaum Malaysia, negara yang berbilang bangsa, jika tidak, beri sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ucapan Yang Berhormat Dato' Abdullah Ahmad di Singapura pada 30hb Ogos, 1986 telah juga menarik perhatian beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain, izinkan saya menjawab sekali gus soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat berikut juga:

Yang Berhormat Dr Chen Man Hin—hari ini,

Yang Berhormat Dr Eng Seng Chai—14-10-1986,

Yang Berhormat Tuan Hu Sepang—23-10-1986,

Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai—6-11-1986, dan

Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming—13-11-1986.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun mengkaji dengan teliti ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Abdullah Ahmad di Singapura pada 30hb Ogos, 1986 dan mendapati kenyataan-kenyataan yang terkandung dalam ucapan tersebut tidak menyalahi mana-mana undang-undang negara ini.

Di dalam ucapan itu, Yang Berhormat Dato' Abdullah telah memberi pendapat beliau sendiri mengenai beberapa isu semasa yang dihadapi negara, sama juga seperti ramai orang lain yang telah memberi pendapat mereka mengenai isu-isu yang sama.

Oleh kerana kenyataan-kenyataan Yang Berhormat Dato' Abdullah didapati tidak menyalahi mana-mana undang-undang dan oleh kerana polemik mengenai isu-isu ini setakat ini tidak mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara, maka Kerajaan tidak bercadang mengambil tindakan undang-undang bukan sahaja terhadap beliau, tetapi juga kepada orang-orang lain yang turut mengeluarkan kenyataan mengenai isu-isu ini setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, saya ingin juga memaklumkan bahawa penelitian ucapan Yang Berhormat Dato' Abdullah menunjukkan bahawa beliau telah tidak mengesyorkan pecantuman di antara Malaysia dan Indonesia—yang disebutkan ialah pendapat orang lain mengenai perkara tersebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau ucapan Yang Berhormat Dato' Abdullah tidak membayangkan fikiran Kerajaan, mengapa ia diberi publisiti yang meluas di suratkhabar?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, publisiti yang

dibuat bukanlah oleh Kerajaan tetapi oleh akhbar-akhbar.

### FAEDAH PEMBERHENTIAN KERJA

**10. Tuan P. Patto** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja masih belum dibayar faedah-faedah pemberhentian kerja mengikut Akta Pengajian (Employment Act) dan masih belum mendapat pekerjaan gantian mendapati terlalu sukar untuk menjaga diri dan tanggungan-tanggungan, jika ya, adakah beliau bercadang untuk mengemukakan pindaan-pindaan kepada Akta Kumpulanwang Simpanan Pekerja untuk membolehkan pekerja-pekerja kategori ini mengeluarkan sebahagian daripada simpanan KWSP mereka untuk memperimbangkan (offset) penderitaan yang dihadapi, jika tidak, mengapa.

**Dato Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian faedah-faedah pemberhentian kerja adalah ditentukan selaras dengan peruntukan-peruntukan perundangan di bawah bidang kuasa Kementerian Buruh.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan sedar bahawa rayuan-rayuan telah dikemukakan oleh golongan pencarum-pencarum K.W.S.P. yang menghadapi penderitaan akibat pemberhentian kerja supaya skim-skim pengeluaran diwujudkan untuk membolehkan mereka mengeluarkan sebahagian wang simpanan mereka bagi mengurangkan beban masalah kewangan yang sedang dihadapi oleh mereka.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan utama penubuhan K.W.S.P. ialah untuk memberi jaminan kepada para pencarum

semasa persaraan mereka kelak dan selaras dengan tujuan ini beberapa skim pengeluaran telah dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sedang mengkaji jenis-jenis rayuan yang telah diterima dan jika keadaan memerlukan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil.

### PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN—PINDAAN

**11. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Perkara 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan bagi maksud merangkumi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di luar negara ini.

10-10-86

**6. Dr Eng Seng Chai** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menyarankan supaya suatu pindaan kepada Perkara 48 (1) (e) dalam Perlembagaan Persekutuan dibuat untuk mengharamkan seseorang yang sudah menerima penghukuman undang-undang di luar Negara Malaysia daripada layak menjadi seorang Ahli Parlimen Malaysia.

13-10-86

**8. Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengemukakan satu pindaan kepada Perkara 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan supaya seseorang hilang kelayakan menjadi Ahli mana-mana Majlis Parlimen jika ia telah disabitkan suatu kesalahan oleh mana-mana mahkamah dan bukan hanya oleh mana-mana mahkamah dalam Persekutuan supaya memastikan penjenayah-penjenayah yang disabitkan di luar Malaysia dan



dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tidak wujud di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat mana-mana Majlis Parlimen dan untuk menjaga kemuliaan Parlimen.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya pada 10-10-1986 dan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 13-10-1986 kerana soalan-soalan itu ada kaitan dan hampir-hampir sama maksudnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Perdana Menteri:** Buat masa sekarang ini Kerajaan tidak bercadang hendak meminda Perkara 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan bagi maksud merangkumi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di luar negara ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, adakah jawapan begitu oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu mententeramkan Ahli Yang Berhormat Tan Koon Swan yang kini ada di Changi, Singapura?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kesalahan itu dilakukan di negara lain dan kita tidak boleh mengambil kira kesalahan yang dibuat di negara lain. Sama juga jikalau terdapat Ahli Yang Berhormat di sini membuat kesalahan terhadap undang-undang negara Amerika umpamanya, mereka tidak dapat mendakwa Ahli itu di sana untuk dihukum dan kalau kita mengenakan, menjatuhkan hukuman bahawa seseorang itu salah di sini, maka ianya tidak ada kaitan dengan negara asing.

## PINJAMAN LUAR NEGERI

**12. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyaknya pinjaman dari setiap negara-negara asing dan jumlah faedah yang dibayar untuk pinjaman-pinjaman ini serta terangkan:

- (a) bagaimana Kerajaan akan membayar balik pinjaman-pinjaman kepada negara-negara asing;
- (b) bila pinjaman tersebut akan diselesaikan dan beri sebab-sebab mengapa hutang-hutang negara-negara asing ini sudah meningkat ke jumlah ini; dan
- (c) kredibiliti Malaysia kepada negara-negara asing.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebahagian besar pinjaman luar yang dilakukan oleh Kerajaan adalah diperolehi dari pasaran kewangan dan institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam.

Di samping itu, Kerajaan juga mendapat pinjaman dari beberapa negara asing tertentu, sama ada dalam bentuk geran ataupun pinjaman kredit eksport oleh agensi-agensi negara berkenaan. Setakat ini di antara Kerajaan-kerajaan asing yang memberi pinjaman kepada Kerajaan ialah Jepun, yakni dalam bentuk kredit Yen, United Kingdom, Amerika Syarikat, Perancis, Sweden, Saudi Arabia, Germany, Italy dan Switzerland.

Pada 31hb Disember, 1985, jumlah pinjaman yang diperolehi dari negara-negara ini adalah lebih kurang \$5,481 juta. Jumlah pinjaman diberikan oleh negara-negara tersebut adalah berbeza dan untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, beberapa pinjaman utama adalah seperti berikut:

Jepun .. ..	\$3,165 juta
Amerika Syarikat ..	429 ..
Perancis .. ..	454 ..
Sweden .. ..	248 ..
Germany .. ..	203 ..

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, kebanyakan pinjaman dari negara-negara ini adalah tertakluk kepada kadar faedah yang rendah yakni tidak lebih daripada 5% dan jangka tempoh kematangannya yang panjang. Bagi tahun 1985, jumlah faedah bagi pinjaman-pinjaman tersebut berjumlah \$26 juta.

Jawapan kepada soalan-soalan yang lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, adalah seperti berikut:

- Bayaran balik kepada pinjaman-pinjaman ini akan didapati melalui hasil projek dan pelaburan dari pinjaman tersebut.
- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tempoh matang pinjaman-pinjaman ini adalah berbeza-beza oleh kerana tidak banyak pinjaman baru diambil dari negara-negara berkenaan. Kita dapati jumlah pinjaman yang perlu diselesaikan dari punca ini terus menjadi kecil.
- Soal kredibiliti tidaklah timbul kerana negara asing masih lagi mempunyai kepercayaan sepenuhnya terhadap negara kita kerana negara kita terus membuat bayaran atas pinjaman-pinjaman ini di dalam waktu yang ditetapkan.

(Soalan No. 13: Sila lihat jawapan No. 9)

## PELABURAN LUAR NEGERI/ TEMPATAN

14. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan bagi tahun-tahun 1980, 1981, 1982, 1983, 1984, 1985 dan menjelang bulan Oktober 1986:

- jumlah pelaburan ke dalam ekonomi negara dari (i) luar negeri (ii) pelabur tempatan;
- jumlah wang yang dibawa balik daripada luar negeri untuk pelaburan akibat dari amnesti pendapatan; dan
- pada anggaran Kerajaan, apakah jumlah pendapatan Malaysia yang masih berada di luar negeri dan belum dilaburkan ke dalam ekonomi negara. Apakah dasar-dasar serta nilai-nilai yang dapat menyokong anggaran Kerajaan ini.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan (a), jumlah pelaburan bersih swasta ke dalam negara kita dari luar negeri adalah dianggarkan sebanyak \$2,033 juta dalam tahun 1980, \$2,914 juta dalam tahun 1981, \$3,263 juta dalam tahun 1982, \$2,926 juta dalam tahun 1983, \$1,869 juta dalam tahun 1984, \$1,701 dalam tahun 1985 dan diramalkan sebanyak \$1,520 juta dalam tahun ini.

Jumlah pelaburan ke dalam Malaysia dari pelabur-pelabur tempatan adalah dianggarkan sebanyak \$8,361 juta pada tahun 1980, \$8,552 juta pada tahun 1981, \$8,104 juta pada tahun 1982, \$9,087 juta pada tahun 1983, \$11,476 juta pada tahun 1984, \$9,165 juta pada tahun 1985 dan diramalkan sebanyak \$7,969 juta bagi tahun 1986 ini.

Berkenaan dengan soalan (b), jumlah pendapatan komisen yang dibawa balik di mana 50% dari



komisyen itu dikecualikan dari cukai belum dapat lagi dipastikan dengan tepat, kerana penyata-penyata cukai tahun taksiran 1986 yang diterima oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri belum lagi ditutup dan diselaraskan.

Berkenaan dengan pendapatan luar negeri yang dibawa masuk ke negara di antara 25hb Oktober, 1985 hingga 31hb Disember 1986, diberi pengecualian cukai 100%, pendapatan ini hanya akan diikrarkan oleh pembayar cukai dalam penyata cukai tahunan taksiran 1987.

Mengenai soalan (c), seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua pengeksport barangan bernilai \$5,000 atau lebih adalah diperlukan membawa balik ke Malaysia dalam enam bulan pendapatan mereka dari eksport itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak memerlukan syarikat dan rakyat negara ini untuk menyatakan kepada Kerajaan berapa pendapatan mereka yang telah dibawa keluar negeri untuk simpanan atau dilaburkan. Ini adalah kerana negara kita mengamalkan dasar kewangan pertukaran wang asing yang liberal. Dasar kewangan pertukaran wang asing yang liberal perlu diwujudkan sejajar dengan usaha Kerajaan mengukuhkan iklim pelaburan yang baik di negara kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).*

#### **PENGISTIHARAN HARTA KETUA-KETUA AGENSI KERAJAAN**

**15. Tuan S. S. Subramaniam** minta Perdana Menteri menyatakan sebab apa Ketua-ketua Pengarah urusan yang mentadbirkan juta-juta ringgit melalui

agensi-agensi Kerajaan tidak diarah untuk "Declare assets"nya sebelum mereka diberi jawatan-jawatan tersebut.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa terdapat peruntukan dalam Perintah Am Bab D serta Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Kerajaan menghendaki semua pegawai kanan Kerajaan termasuk Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Perbadanan dan Kuasa-kuasa Tempatan yang berada dalam Tingkatan Tertinggi "D" ke atas dan Ketua-ketua Jabatan membuat pengisytiharan harta mereka kepada Kerajaan. Harta yang dimaksudkan meliputi harta alih dan tak alih yang dimiliki oleh mereka, suami atau isteri, anak-anak dan anggota keluarga di bawah tanggungan mereka. Di samping itu juga peruntukan dalam Akta Syarikat yang menghendaki pegawai/pengarah sesuatu syarikat mengisytiharkan sebarang kepentingan peribadi seperti jawatan lain yang dipegang atau harta milikan yang dianggap bercanggah dengan kepentingan perniagaan syarikat. Oleh itu, adalah tidak benar bahawa Pengurus Besar, Pengarah Urusan Agensi Kerajaan tidak diarah untuk membuat pengisytiharan hartanya.

#### **PROTON SAGA—KESAN KENAIKAN HARGA**

**16. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kesan ke atas jualan kereta Proton Saga setelah dikuatkuasakan kenaikan harga bagi kerta tersebut baru-baru ini.

**Menteri di Jabatan Perana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Pada peringkat permulaan kenaikan harga dikuatkuasakan (1 Julai 1986), kadar

jualan kereta Proton Saga telah berkurangan sedikit. Walau bagaimanapun, setelah dua bulan iaitu pada bulan September 1986 permintaan telah mula meningkat. Pihak PROTON dan EON menjangkakan permintaan akan terus meningkat pada bulan-bulan hadapan ke tahap sebelum peningkatan harga diumumkan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, selain dari kenaikan harga, kemelesetan ekonomi yang dihadapi sekarang telah turut menjejaskan pasaran kereta Proton Saga. Keadaan ekonomi yang lembab sekarang ini bukan sahaja mengurangkan jualan kereta Proton Saga tetapi juga jualan kerta-kereta jenis lain.

### SISWAZAH YANG MENGANGGUR

**17. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah bilangan para siswazah yang masih menganggur dan berapakah jumlah yang akan diberikan pekerjaan sementara.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Pada ketika ini Kerajaan tidak dapat mengumpulkan maklumat yang tepat mengenai bilangan sebenarnya para siswazah yang masih menganggur. Ini adalah disebabkan:

- (1) Kerajaan tidak menyimpan satu daftar yang lengkap yang menyenaraikan semua nama-nama siswazah lepasan Universiti Tempatan ataupun Luar Negeri.
- (2) Siswazah-siswazah yang berjaya mendapat pekerjaan tidak dimestikan untuk melaporkan pekerjaannya kepada Kerajaan.
- (3) Terdapat juga ramai siswazah-siswazah yang berkerja sendiri yang tidak seharusnya dimasukkan dalam takrif "menganggur".

Bagi menjawab soalan yang kedua, pada ketika ini seramai 4,000 siswazah telah pun ditawarkan pekerjaan sambilan oleh Kerajaan di bawah Skim Pekerjaan bagi siswazah-siswazah yang belum mendapat pekerjaan.

### KEMISKINAN LUAR BANDAR/ BANDAR

**18. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan kadar kemiskinan di kedua-dua kawasan luar bandar dan bandar dalam negara. Apakah lingkungan pendapatan mereka di kawasan luar bandar dan bandar mengikut pecahan kaum. Apakah jangkaan bagi kejatuhan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar dan bandar yang sepatutnya berhasil daripada rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Kadar Kemiskinan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1984 bagi kawasan bandar ialah sebanyak 8.2 peratus manakala di luar bandar pula ialah sebanyak 24.7 peratus. Purata pendapatan bagi kawasan bandar pada tahun yang sama ialah \$1,541 sebulan seisi-rumah manakala purata pendapatan bagi kawasan luar bandar ialah \$824 sebulan seisi-rumah. Purata pendapatan bulanan seisi-rumah mengikut kaum bagi semua golongan dalam tahun 1984 ialah \$852 bagi Bumiputera, \$1,502 bagi Cina dan \$1,094 bagi India. Angka-angka pendapatan mengikut kaum bagi golongan miskin tidak diperolehi.

Kerajaan telah menjalankan beberapa usaha untuk membasmi kemiskinan. Setakat ini, kejayaan dalam usaha tersebut dapat dilihat pada mutu kehidupan rakyat yang telah bertambah baik. Kadar kemiskinan telah berkurang daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 18.4 peratus pada tahun 1984.

Kemelesetan ekonomi yang dialami sekarang ini sedikit sebanyak telah menjejaskan usaha-usaha membasmi kemiskinan, terutamanya pada tahun-tahun 1985 dan 1986. Keadaan ekonomi yang dijangka berubah pada tahun-tahun akan datang akan menentukan jangkaan kadar kemiskinan dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima harus berubah juga.

### DASAR APARTHEID AFRIKA SELATAN

19. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Luar menyatakan apakah hasil secara langsung yang telah diperolehi oleh Kerajaan-kerajaan Non-Aligned terhadap Kerajaan Afrika Selatan melalui Harare Summit.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara Berkecuali yang bersidang di Harare, Zimbabwe pada 26 Ogos—6 September 1986, telah meneliti semula keadaan Afrika Selatan dan telah menegaskan bahawa dasar Apartheid adalah merupakan punca utama keganasan-keganasan yang berlaku di Afrika Selatan sekarang ini dan sokongan-sokongan serta hubungan dua hala negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman Barat dan Jepun telah mengekalkan dasar Apartheid dan keganasan Kerajaan Afrika Selatan. Sidang Kemuncak ini juga menegaskan bahawa sekatan-sekatan ekonomi yang menyeluruh adalah satu-satunya cara untuk menamatkan dasar Apartheid ini mengujudkan pemerintahan majoriti di negara itu.

Dalam hubungan ini, satu jawatankuasa di peringkat Menteri telah ditubuhkan untuk mempengaruhi negara-negara maju yang masih enggan mengambil tindakan tegas terhadap regim Apartheid itu seperti United Kingdom, Jerman Barat, Jepun dan Amerika Syarikat. Sidang

Kemuncak itu juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa mengenai Tabung Perpaduan bagi Selatan Afrika yang bertujuan untuk membantu meringankan kesan-kesan buruk akibat dari sekatan-sekatan ekonomi yang mungkin dihadapi oleh negara-negara barisan hadapan dan masyarakat kulit hitam Afrika Selatan apabila sekatan-sekatan ekonomi yang dicadangkan itu dilaksanakan oleh masyarakat antarabangsa.

Tindakan-tindakan Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali ini adalah merupakan satu kemajuan dalam usaha-usaha antarabangsa bagi mencari penyelesaian masalah Apartheid di Afrika Selatan dan inilah hasil terbesar yang telah dicapai oleh Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Harare baru-baru ini. Ia juga merupakan satu sumbangan yang besar dalam menyelaraskan strategi bagi meneruskan perjuangan terhadap masalah Apartheid di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu yang sedang berlangsung di New York sekarang.

### URUSNIAGA UMBC—PENGUASAAN

20. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan di Raja untuk menentukan sama ada apa-apa percanggahan kepentingan berlaku dalam dua urusniaga UMBC yang berlaku dalam tahun 1984 dan 1985 yang menyebabkan Syarikat-syarikat keluarga Menteri Kewangan membeli pada pertamanya 41% dan kemudiannya 51% saham majoriti dalam UMBC, bank yang ketiga terbesar di Malaysia, dan juga disebabkan penguasaan 51% bank tersebut berlaku hanya dua bulan sebelum penguatkuasaan peraturan baru Kerajaan yang menghadkan pemilikan ekuiti dalam bank-bank dan

syarikat-syarikat kewangan kepada 10 peratus bagi individu-individu dan 20 peratus bagi syarikat-syarikat, jika tidak, mengapa.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan membeli saham UMBC telah dibuat sebelum Yang Berhormat Encik Daim Zainuddin dilantik menjadi Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun, sebelum kelulusan secara rasmi diperolehi dari Kerajaan, beliau telah dikehendaki berkhidmat untuk negara. Yang Berhormat Encik Daim sedar bahawa beliau tidak boleh membuat keputusan atas pembelian saham berkenaan. Oleh itu perkara ini telah dirujuk kepada Kabinet untuk keputusan selanjutnya. Semasa Kabinet menimbang cadangan pembelian saham UMBC tersebut, beliau tidak ambil bahagian dalam membuat keputusan kerana pada ketika itu beliau berada di luar negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saham berkenaan adalah dimiliki oleh syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Encik Daim di mana beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam syarikat tersebut.

Mengenai tambahan pemegangan dari 41% kepada 51%, ini timbul akibat dari pembelian saham hak yang diperuntukkan kepada Pernas tetapi Pernas tidak mahu mengambilnya. Dengan itu saham hak yang tidak diambil oleh Pernas diambil oleh Daan Sdn Bhd dan Dani Sdn Bhd. Ini adalah selaras dengan Articles of Association UMBC. Dalam lain perkataan, penambahan pemegangan oleh Daan Sdn Bhd dan Dani Sdn Bhd secara bersama berlaku apabila Pernas membuat keputusan tidak mengambil saham hak yang diperuntukkan kepadanya. Penambahan modal dibayar UMBC melalui keluaran hak, dibuat setelah UMBC mendapat kelulusan dari Bank Negara.

Peraturan baru mengenai had pemegang saham dalam institusi-institusi kewangan berkuatkuasa mulai pada 10hb Januari, 1986. Peraturan ini tidak melibatkan pemegangan saham yang sedia ada iaitu yang diperolehi sebelum berkuatkuasanya peraturan ini. Walau bagaimanapun, pemegang-pemegang saham majoriti dalam institusi kewangan yang sedia ada, digalakkan mengurangkan pemegangan saham mereka apabila institusi-institusi kewangan berkenaan menyusun semula struktur modalnya.

Berasaskan kepada penjelasan di atas, saya tidak nampak bagaimana terdapat percanggahan kepentingan dalam urusan UMBC di atas. Oleh yang demikian, saya juga tidak nampak mengapa sebuah Suruhanjaya Siasatan di Raja sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat perlu ditubuhkan.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986) 1986

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG BIL PERBENDAHARAAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946;



dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERINDUSTRIAN SEKURITI  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBADANAN STADIUM  
MERDEKA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERPUSTAKAAN NEGARA  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENYERAHAN BAHAN  
PERPUSTAKAAN**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi pengumpulan, pemuliharaan, pengawalan bibliografi dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan untuk menyediakan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke

dalam Mesyuarat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENDAFTARAN JURUTERA  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerjaraya; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PETROLEUM (LANGKAH-  
LANGKAH KESELAMATAN)  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERLINDUNGAN WANITA  
DAN GADIS  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kebajikan Mesyuarat; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**USUL-USUL**

**JALAN-JALAN MASUK  
KE PARLIMEN**

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan usul yang berikut atas

nama Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini

dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

#### MEMILIH TIMBALAN-TIMBALAN YANG DI-PERTUA

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan Usul No. 3 pula dengan kerana tidak ada lain-lain nama yang telah pun dihantarkan kepada Parlimen.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak ada lain nama-nama dan yang dikehendaki ialah dua orang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, maka dengan ini saya mengisytiharkan . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya meminta satu penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya bukan untuk membuat apa-apa objection, tetapi saya mahu meminta Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri untuk memberi satu penjelasan oleh kerana sudah menjadi maklumat umum bahawa Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran, perlantikannya sebagai Pengarah UAB adalah diobject oleh Bank Negara dan kita mahu tahu apa sebabnya, oleh kerana kalau kita ada seorang Timbalan Yang di-Pertua yang mana perlantikannya tidak dibenarkan oleh Bank Negara, nampaknya ada timbul soalan. Saya mahu tanya apa keadaan. Itu sahaja.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, ianya tidak ada kaitan.

Yang kedua, tidak ada apa-apa tindakan ataupun keputusan dibuat tentang perkara ini. Oleh kerana itu, kita tidak dapat mengambil kira apa yang berlaku di luar daripada Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab dikehendaki dua orang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan dua nama sahaja yang telah dikemukakan kepada Parlimen, maka saya dengan ini mengisytiharkan Yang Berhormat Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud dan Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (*Tepuk*).

#### JAWATANKUASA PEMILIH— LANTIKAN AHLI-AHLI

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan 76 Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, saya dengan ini suka mencadangkan:

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

- (a) Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba

(b) Yang Berhormat Dato' Dr Ling Liong Sik

(c) Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu

(d) Yang Berhormat Datuk Leo Moggie anak Irok

(e) Yang Berhormat Tuan Kasitah Gaddam

(f) Yang Berhormat Ketua Pembangkang

hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi Parlimen Ketujuh.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

(a) Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba

(b) Yang Berhormat Dato' Dr Ling Liong Sik

(c) Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu

(d) Yang Berhormat Datuk Leo Moggie anak Irok

(e) Yang Berhormat Tuan Kasitah Gaddam

(f) Yang Berhormat Ketua Pembangkang

hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi Parlimen Ketujuh.

# **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA—LANTIKAN PENGURUSI DAN NAIB PENGURUSI**

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan 77 (2) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, saya dengan ini mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Ismail *alias* Mansor bin Said (Ahli bagi kawasan Kemaman) dan Yang Berhormat Dr Abdul Hadi bin Derani (Ahli bagi kawasan Kota Setar) masing-masing dipilih menjadi Pengerusi dan Naib Pengerusi, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Ketujuh.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada memberi pemberitahu untuk kemukakan satu cadangan. Cadangan itu ialah:

Bahawa potong perkataan-perkataan "Yang Berhormat Tuan Ismail *alias* Mansor bin Said (Ahli bagi kawasan Kemaman)" yang terdapat dalam usul itu dan menggantinya dengan perkataan-perkataan "Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye (Ahli bagi kawasan Bukit Bintang)" serta potong perkataan-perkataan "Yang Berhormat Dr Abdul Hadi bin Derani (Ahli bagi kawasan Kota Setar)" dan menggantikannya dengan perkataan-perkataan "Yang Berhormat Tuan Ismail *alias* Mansor bin Said (Ahli bagi kawasan Kemaman)".

Maka usul yang dipinda itu hendaklah berbunyi seperti berikut:

"Bahawa Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye (Ahli bagi kawasan

Bukit Bintang) dan Yang Berhormat Tuan Ismail *alias* Mansor bin Said (Ahli bagi kawasan Kemaman) masing-masing dipilih menjadi Pengerusi dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Ketujuh."

Tuan Yang di-Pertua, saya ada 4 sebab kenapa saya kemukakan cadangan ini. Yang pertama, ialah bahawa kita sekarang menghadapi satu krisis "public accountability" dan sungguhpun dalam 5 tahun ini, khasnya 5 tahun dahulu kita ada satu jaminan kepada rakyat bahawa Kerajaan dan Parlimen akan menitikberatkan "public accountability" tetapi sekarang inilah menjadi satu krisis dan kita perlulah memberi satu gambaran yang baru kepada rakyat.

Kedua, bahawa dengan perantikan seorang ahli daripada Pembangkang sebagai Ketua atau Pengerusi PAC, mungkin kita akan lebih berkesan dan ini pun satu amalan yang diadakan di lain-lain Parlimen Komanwel dengan sebab bahawa seorang daripada pihak Kerajaan tentulah tidak akan bertungkus-lumus untuk mencari kelemahan-kelemahan dan penyelewengan-penyelewengan Kerajaan, khasnya apabila beliau harap satu hari boleh menjadi Timbalan Menteri atau dinaikkan pangkat.

Ketiga, bahawa sekarang kita perlu memberi satu imej baru mengenai PAC kepada rakyat oleh kerana dalam 27 tahun ini sejarah Parlimen, PAC sudah gagal untuk memberi satu gambaran bahawa ialah satu badan yang dinamik yang boleh mengawal perbelanjaan Kerajaan. Sebenarnya dalam Parlimen yang dahulu laporan-laporan PAC tidak dikemukakan dan kita harap bahawa satu sejarah, satu bab baru untuk PAC di negara kita boleh wujud.



Keempat, kita harap bahawa dalam perkara-perkara yang melibatkan hal ehwal Parlimen dan bukan hal ehwal parti kita boleh menganggap perkara ini daripada segi kepentingan Parlimen dan tentulah daripada segi kepentingan Parlimen, daripada segi kepentingan rakyat jelata satu perubahan di mana ada seorang ahli Pembangkang untuk mengetuai Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara adalah satu perubahan yang baik. Dan saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khasnya boleh memberi sokongan yang menunjukkan tauladan bahawa dalam era ini akan memandang masalah-masalah ini dari segi perspektif yang lebih luas dari segi perspektif Malaysia dan bukan sahaja dari segi perspektif Barisan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang yang meminta ditukarkan nama "Yang Berhormat Tuan Ismail *alias* Mansor bin Said (Ahli bagi kawasan Kemaman) dengan Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye (Ahli bagi kawasan Bukit Bintang) dan nama Yang Berhormat Dr Abdul Hadi bin Derani (Ahli bagi kawasan Kota Setar) ditukarkan dengan nama Yang Berhormat Tuan Ismail *alias* Mansor bin Said (Ahli bagi kawasan Kemaman)" adalah pada pendapat saya bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 30 yang hanya membolehkan pindaan dibuat jika sekiranya pindaan itu berkaitan dengan usul asal itu. Bahkan kalau kita melihat Peraturan Mesyuarat 28, hendak meminda usul, hendaklah pindaan itu jangan mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu pada perkara besar-besar. Cadangan pindaan yang dibuat di hadapan kita ini nampaknya hendak menukarkan Pengerusi dan juga Naib Pengerusi adalah bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat. Yang demikian hendaklah dibuat, jika sekiranya hendak dibuat mengikut satu usul yang

berasingan. Oleh yang demikian, saya tidak membenarkan cadangan ini dikemukakan (*Tepuk*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya meminta Yang Berhormat Menteri atas sebab yang saya kemukakan untuk tarik balik usul ini supaya perkara ini boleh dikaji lebih mendalam atas kepentingan daripada perspektif Parlimen (*Ketawa*). Dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di depan saya (*Ketawa*).

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa Y. B. Tuan Ismail *alias* Mansor bin Said, (Ahli bagi kawasan Kemaman) dan Y. B. Dr Abdul Hadi bin Derani (Ahli bagi kawasan Kota Setar) masing-masing dipilih menjadi Pengerusi dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Ketujuh.

#### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.53 ptg.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan):** Tuan Yang di-Pertua, saya Ahli bagi Kawasan Kuantan memohon mencadangkan usul yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh".

Tuan Yang di-Pertua, kena pada masa dan ketikanya Titah Ucapan Kebawah Duli telah menyentuh dan memperkatakan seluruh aspek hidup rakyat negara yang tercinta ini yang sudah pasti terarah kepada satu tujuan murni lagi kudus, iaitu mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Kebahagiaan hidup adalah satu konsep yang luas yang mendapat tempat di dalam berbagai disiplin ilmu dari; sains sosial, ekonomi hingga ke sains politik; serta terjalim halus dan erat malah sehati dengan nilai-nilai keagamaan yang utama. Justeru itu, kebahagiaan hidup adalah bercirikan unsur kemanusiaan sejagat, dan hakikat ini membawa pengertian, bahawa tiap-tiap manusia yang lahir ke dunia adalah dibekalkan dengan hasrat untuk mengecapi kebahagiaan hidup. Namun begitu, daya pencapaian hasrat mulia ini berbeza-beza dari seorang ke seorang memandangkan fakta kenyataan, iaitu tidak semua dilahirkan sama dalam serba-serbi, walaupun rata-rata orang menerima falsafah yang memberikan pengertian bahawa *tiap-tiap bayi yang dilahirkan ke dunia ini adalah tidak berdosa, laksana kain putih yang terbentang; hanya proses hidup selanjutnya yang akan mewarnakan kain putih itu.*

Kebenaran falsafah ini ada batasan-nya kerana mengenangkan tidak semestinya dua orang bayi yang tidak berdosa mempunyai "gane" yang sama kuat atau sama lemah, atau akan mempunyai kemudahan dan peluang hidup yang serba-serbi sama, ataupun dengan kata-kata yang senang, akan mempunyai kekuatan otak dan otot yang sama. Ini dengan sendirinya menjuruskan kepada kesimpulan mustahil, mustahil bagi dua orang manusia melalui hidup ini dari titik kelahiran hingga ke titik kematian dalam keadaan serba-serbi sama. Sebaliknya, kalaulah jitu perbandingan kelahiran bayi dengan kain putih yang belum tercalit, kejituan perbandingan ini hanya terbatas kepada warna putih sahaja. Itu pun kalau putih boleh dianggap sebagai satu warna. Ini kerana kain putih datangnya dalam berbagai jenis dan mutu. Kain polyester lain dari kain teteron, kain kapas lain mutunya dari kain sutera, sedangkan sutera sendiri terdiri dari beraneka jenis dan mutu. Demikianlah tidak samanya antara seorang manusia dengan seorang manusia lain sejak titik kelahiran lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita sama-sama menghayati betapa berbezanya, betapa tidak samanya makhluk manusia ini dari seorang ke seorang, maka kita akan sama-sama juga menghayati bagaimana susahnya seseorang itu mengharungi hidup ini dengan cara pendekatan dan penyelesaian masalah hidup yang datangnya satu-persatu atau sekali terdempak, yang kadang-kadang, apabila tidak tertanggung lagi, boleh mengakibatkan sakit jiwa, cacat anggota dan melemahkan tulang empat kerat. Oleh itu apabila hidup ini dibatasi oleh unsur-unsur yang lemah seperti itu maka tidak keterlaluanlah jika dikatakan bahawa *hasrat untuk mencapai kebahagiaan hidup tidak lagi tinggal sebagai satu hasrat malah ianya merupakan impian yang bersempadankan angan-angan liar*

semata-mata. Sesungguhnya ketidak-samarataan daya ini mungkin membuatkan seseorang itu mengikuti pilihan-pilihan langkah dan ikhtiar di luar norma-norma masyarakat, dan tidak kurang pula bercanggah dengan peruntukan undang-undang, sering pula di luar dugaan politik. Apabila kecenderungan ini dipadankan dengan 15 juta rakyat Malaysia dengan himpunan ras yang besar dan berbagai, kita dapat membayangkan betapa gigihnya cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh Kerajaan Kebawah Duli.

Dalam hal ini, walaupun kebahagiaan hidup itu berbeza ertinya dari seseorang ke seorang yang lain atau subjective, dengan izin, namun saya yakin Kerajaan Kebawah Duli yang memerintah negara ini terus-menerus sejak 29 tahun dahulu sangat arif dalam menentukan common denominator, dengan izin, apa dia kebahagiaan hidup rakyat Malaysia. Proses penentuan ini seharusnya melalui penelitian yang terperinci yang berkemuncakkan dengan perumusan dasar, seperti Dasar Ekonomi Baru. Dasar begini, yang berteraskan pembangunan fizikal dan mental, sudah tentunya mengambil perhitungan jalan tengah yang paling adil dengan harapan kekurangan daya pencapaian kebahagiaan hidup setengah-setengah pihak dapat dibantu dan diimbangi oleh kelebihan daya pencapaian kebahagiaan hidup setengah-setengah pihak yang lain.

Apabila garisan common denominator itu, dengan izin, jatuhnya selari dengan garisan pembahagian ras di negara ini maka cetusan perkembangannya bukan lagi dalam aspek perbezaan daya pencapaian malahan ia pada realitinya lebih bersentimenkan perbezaan ras. Justeru itu, hasrat baik dasar begitu dikaburkan oleh kecenderungan rasialisma. Apabila sentimen dan kecenderungan begini di lantangkan secara sistematik menerusi ucapan dan

siaran media, lambat laun, bahkan sudah nyata, sikap tidak bersungguh-sungguh di kalangan rakyat yang ada kelebihan daya pencapaian untuk menolong pihak yang kekurangan daya pencapaian, mendapat alasan yang baik dengan sengaja mengada-adakan cacat cela dasar seperti itu.

*(Timbalan Yang di-Pertua pengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, selepas penyampaian yang agak abstract itu, eloklah rasanya saya kembali kepada alam yang lebih konkrit, iaitu memperkatakan langkah-langkah dan usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli ke arah pencapaian kebahagiaan hidup.

Dalam era kemerdekaan ini, perkataan hikmat "pembangunan" sudah begitu berkembang menjadi istilah, konsep dan gejala atau phenomena, malah kadang-kadang kerana terlalu ghairahnya kita dengan perkataan ini, maka ianya seolah-olah dilonjakkan ke peringkat ideologi. Walau bagaimanapun, ada baiknya kalau kita berhenti sejenak dan bertanya, apa dia pembangunan?

Saya sebenarnya berkongsi pendapat dalam memegang pengertian begini: iaitu sebarang langkah dan usaha untuk memenuhi keperluan asas hidup manusia, iaitu makanan, pakaian, perumahan, kesihatan dan pelajaran.

Di dalam lima keperluan itu, keperluan kesihatan dan pelajaran merupakan tambahan kepada tiga keperluan asas yang asal. Tambahan ini mencerminkan kemajuan tamaddun manusia dari hanya memerlukan makanan supaya tidak lapar, kain baju dari sejuk dan panas dan atap untuk berlindung, kepada tuntutan zaman moden supaya badan sentiasa sihat dan dada berisi ilmu.

Selepas pengertian begitu diberi, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pula memanjangkan logiknya pula, iaitu dengan merujuk kepada projek-projek kecil dan besar, baik di bandar mahupun di luar bandar, baik titian mahupun jambatan, baik rumah rakyat mahupun bangunan pencakar langit, baik jalan berseut kuning mahupun lebuhraya berturap tar dan simen. Baik bercucuk sayur di halaman mahupun bertanam sawit di ladang. Baik ikan di kolam mahupun lembu di kandang. Dari sekolah kecil di pinggir kali sehingga gedung ilmu di menara universiti.

Rasanya sesuai juga saya sebutkan di sini bahawa rempah ratus projek-projek itu pada analisa terakhir di panggil "kek ekonomi" oleh cerdik pandai ilmu ekonomi. Oleh yang demikian, apabila mereka menyebut pertumbuhan ekonomi, mereka sebenarnya bermaksud pembesaran kek itu dan pembesaran ini adalah selaras dengan inti segala dasar Kerajaan Kebawah Duli, baik Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pertanian Negara, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Pandang Ke Timur mahupun Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Semuanya ini berasaskan pada fahaman bahawa perancangan masa depan tidak boleh dibuat di atas benda yang beku dan kaku. Perancangan hanya menjadi wajar apabila menghadapi masa depan yang berubah, berkembang dan membangun yang mengandungi unsur-unsur yang tidak pasti; dan ketidakpastian ini pula menuntut pengawalan terhadap sumber-sumber dan faktor-faktor pengeluaran.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, inilah hakikat yang disedari oleh pucuk pimpinan Kerajaan Kebawah Duli. Justeru itu pucuk pimpinan kita itu sentiasa sahaja berwaspada dan berawas-awas terhadap anasir-anasir negatif yang sentiasa mencaril jalan bagi mencacatkan perancangan

Kerajaan Kebawah Duli demi menghancurkan masa depan negara ini.

Manifestasi kesedaran dan kewaspadaan ini dapat kita sama-sama kesani apabila kita menerima berita bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sambil menggalak dan mengalu-alukan pelabur-pelabur Amerika Syarikat ke sini, beliau tidak lupa menegaskan ketidak sediaan negara ini menggadai maruah dan berlutut, apa lagi apabila fitnah dan cacat cela terhadap kita sentiasa terpampang di muka akhbar berkepentingan dan yang dianggap berpengaruh di sana. Motif-motif akhbar atau akhbar-akhbar berkenaan khususnya dan media lain umumnya dapat kita kesani apabila kita menghayati kota raya New York yang dianggap sebagai the "big apple", dengan izin, oleh orang Amerika itu berada di dalam genggam orang keturunan Semitic. Dan orang Semitic, disebabkan insiden sejarah dan kehendak Tuhan, tidak berpadu kimia dengan segala negara yang identifikasi kepimpinannya berturapkan Islam termasuk juga negara kita Malaysia.

Yang agak aneh tetapi benar, Tuan Yang di-Pertua, ialah adanya perbezaan sikap Semitic sebagai satu collective dengan sikap Semitic sebagai individu peribadi atau individu korporat. Keadaan ini kadangkala menguntungkan dan kadangkala pula menimbulkan rasa serba salah yang berbentangan paradox. Namun segalanya adalah kenyataan.

Kalau kita memandang di sekeliling kita, terutama di sekitar Kuala Lumpur, kita akan dapati adanya kehadiran Semitic, lebih-lebih lagi dalam lapangan kewangan. Kehadiran ini sudah tentunya dihasilkan dari satu proses interpersonal dan interface, dengan izin, yang memberi sumbangan terhadap mengemaskan rasa yakin sebelum keputusan dibuat



membenarkan kehadiran itu di sini. Dan kehadiran ini sewajarnya berasaskan kepentingan bersama, iaitu untung sama-sama dikecapi. Sebenarnya begitu, kerana objektif utama badan niaga korporat adalah keuntungan, begitu juga individu niaga. Tanpa untung atau prospect untung, tidak ada business untuk kekal dalam business.

Tuan Yang di-Pertua, kita dari dulu lagi mengakui akan sumbangan saudara-saudara kita dari keturunan Cina terhadap ekonomi, kemasyarakatan dan politik negara ini. Begitu jugalah sumbangan saudara-saudara kita keturunan India serta keturunan dan suku kaum lain di Sabah dan Sarawak. Yang paling menarik ialah orang Cina dan India yang merupakan nombor satu dan nombor dua paling ramai dalam dunia ini. Tidak boleh dinafikan orang Cina berbangga dengan tamaddunya: Tembok Besar, penemuan obat bedil, roket dan abacus serta lain-lain. Begitu juga orang India dengan tinggalan agung seperti Taj Mahal, Fatehpur Sikri dan sejarah gemilang. Apabila dua keturunan yang paling ramai dalam dunia ini hidup bersama mencari rezeki dalam sebuah negara kecil seperti Malaysia, bayangkan dimensi-demensi kemungkinannya dari segi perhitungan, sumbangan dan kepimpinan dalam ekonomi, masyarakat dan politik. Semuanya ini dipusatkan sebagai satu sumber tenaga mental dan fizikal dalam satu realiti hidup di mana bumi di pijak di situ langit dijunjung. Malah inilah yang dipercayai sedang berlaku yang hendaknya sesuai dengan semangat nasionalisma, iaitu semangat yang mampu membebaskan negara China dan India dari penjajahan dan semangat yang diharapkan akan menjadi tonggak maruah dan peribadi Malaysia.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, negara dapat menjaga keutamaan dan kepentingannya selaras dengan

hakikat bahawa Kerajaan Kebawah Duli tidak pernah tergelincir dari landasan tamaddun, iaitu sentiasa menghormati maruah dan kepentingan negara-negara lain, dan sebagai balasannya, negara-negara lain harus juga menghormati maruah dan kepentingan Kerajaan Kebawah Duli. Sebenarnya, maruah dan kepentingan negara ini kini adalah maruah dan kepentingan yang sudah pun melalui proses kompromi selama beratusan tahun dan tidak lagi merupakan maruah dan kepentingan sebelum kejatuhan Kerajaan Melaka pada tahun 1511 ataupun pemisahan Temasik dari Johor pada tahun 1819, malah Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Jauh dari itu. Maruah dan kepentingan sekarang adalah berdasarkan realiti dan kenyataan sekarang. Kesemuanya ini dirumuskan dalam dasar perdana negara ini iaitu Dasar Ekonomi Baru.

Memang benar sejak dasar ini dilancarkan dalam tahun 1970, ramai terdapat orang kaya dan jutawan baru. Tetapi mereka bukan terdiri dari satu ras sahaja, semua keturunan dan semua ras dalam negara ini menghasilkan orang kaya dan jutawan baru. Mungkin juga jumlah mereka tidak proportionate dengan izin, dengan saiz sesuatu ras atau keturunan itu.

Telah terdengar, Tuan Yang di-Pertua, secara berleluasa cakap-cakap yang mengatakan bahawa si-polan itu menjadi kaya kerana semata-mata dia seorang dari ras tertentu. Namun begitu lojik ini ada batasnya kerana kalau si-polan itu menjadi kaya kerana semata-mata dia Melayu, umpamanya, maka agaknya tidak ada lagi kemiskinan di luar bandar. Yang penting ialah perebutan peluang yang diberikan. Dan peluang yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli di bawah dasar ini adalah selaras dengan apa yang dilakukan oleh negara-negara besar yang lain dan kaya

seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman Barat, Britain dan Australia. Tidak akan ada Rockefeller, tidak akan ada Kennedy, Hunt, Getty, Hearst, Sloan dan Vanderbilt kalau Kerajaan Amerika tidak membuka peluang bagi mereka mendapat konsesi tanah balak, tanah minyak dan landasan keretapi. Dan tidak akan wujud Honda, Mitsubishi, Sumitomo, Matsushita tanpa penyediaan peluang untuk mereka oleh Kerajaan Jepun. Tentunya tidak mungkin tercatat dalam sejarah negara ini jika British tidak memberi konsesi kawasan-kawasan bijih di Lembah Kinta dan di Lembah Klang yang memungkinkan begitu ramai pendatang-pendatang, yang walaupun tidak mempunyai pendidikan formal, menjadi kaya raya; sedangkan menerusi kekayaan itu pula mereka mendapat tempat-tempat yang dihormati dalam masyarakat.

Berdasarkan fakta ini, tidak salah jika dikatakan bahawa orang-orang dari ras teras negara ini hanya diberi peluang ataupun baru menjejak langkah pendatang-pendatang yang beruntung itu hampir 100 tahun kemudian. Kalau dahulu British menyediakan peluang untuk pendatang semata-mata dengan tujuan menambahkan hasil perbendaharaan dan menampung industri British, demi melipatgandakan lagi kekayaan, kini Kerajaan Kebawah Duli membuka peluang semata-mata untuk membuat projek-projek yang boleh memberikan kebahagiaan hidup untuk rakyat. Itulah sebenarnya tujuan utama Kerajaan Kebawah Duli. Sekiranya tujuan itu sudah sama-sama kita maklumi, mengapa pula langkah pelaksanaan untuk mencapai tujuan itu yang dipertikaikan? Jawapan kepada persoalan ini akan mengilaukan cahaya kepada kita, yang ertinya senang difahami dengan cara perbandingan begini. Ambillah sebuah kampung. Kampung ini membuat keputusan untuk membuka sebidang tanah untuk membuat padang bola dengan jumlah

peruntukan tertentu. Keputusan ini dibuat atas dasar hendak menyediakan kemudahan rekreasi untuk anak-anak muda supaya badan sihat menghasilkan otak cergas dan masa terluang tidak dibazirkan dengan menghisap dadah, tetapi sebaliknya bagi pemborong-pemborong yang berminat untuk mendapat tender membuat padang itu dasar mereka ialah membuat duit dari projek membuka padang itu. Dalam perbandingan dan contoh ini, jelaslah ada perbezaan persepsi antara dua pihak itu dan perbezaan ini mengesahkan ungkapan dalam bahasa Inggeris, dengan izin, yang berbunyi, "the two sides of the same coin".

Oleh yang demikian, bila ada orang kampung itu mempertikaikan dasar membuat padang bola itu, mungkin pertikaianya disebabkan beliau tidak bersetuju mengapa pemain bola sahaja yang diberikan kemudahan. Sebaliknya jika ada pemborong yang lantang marah-marah, kelantangannya mungkin disebabkan dia tidak berjaya mendapat tender. Contoh ini senang dipadankan dengan Dasar Ekonomi Baru dalam ertikata, apabila ada pihak-pihak yang tertentu mempersoalkan pelaksanaan dasar ini, seelok-eloknya Kerajaan Kebawah Duli menggunakan kebijaksanaan yang teliti dan halus untuk mengenalpasti, apakah persoalan itu mirip kepada hal orang kampung tadi, ataupun berbau pemborong yang kandas mendapat tender itu. Dari sinilah kita dapat memastikan nawaitu atau niatnya yang sebenar. Sahabat mesra, Tuan Yang di-Pertua, niatnya setia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita merujuk semula kepada lima keperluan asas manusia yang memenuhi pengertian pembangunan yang disebutkan di awal ucapan usul saya yang sebentar tadi. Keperluan-keperluan asas itu, yang selaras dengan

erti dan konsep pembangunan, merupakan tangga-tangga terpenting dalam pencapaian hasrat kebahagiaan hidup. Kebahagiaan hidup rakyat hendaklah disulam dan disebatikan dengan hasrat yang lebih tinggi, iaitu rasa senasib dalam satu identiti negara yang dipanggil, dengan izin, nationhood.

Nationhood ataupun semangat kenegaraan tidak mungkin wujud tanpa perpaduan dan integrasi, tetapi perpaduan dan integrasi tidak akan terjadi begitu sahaja tanpa langkah-langkah konkrit yang dirancang dengan teliti. Perpaduan dan integrasi bagi saya boleh dibandingkan dengan badan manusia. Dari segi ilmu perubatan, saya difahamkan mengenalpasti penyakit sudah merupakan 50% pengubatan. Yang selainnya hanya memerlukan makan ubat, cucuk atau injection dan mungkin juga bedah. Begitu jugalah halnya dengan soal perpaduan dan integrasi sesebuah negara iaitu saya mencadangkan supaya Kerajaan Kebawah Duli benar-benar mengenalpasti anasir-anasir yang menghalang perpaduan dan integrasi dan selepas itu ambillah langkah-langkah yang setimpal yang berkesan, meskipun melalui kesakitan seperti sifat orang yang kena bedah.

Bercakap tentang perpaduan, kita tidak boleh lari dari memperkatakan tentang Kuala Lumpur, Ibu Kota yang tercinta. Tidak ada tempat lain di negara Malaysia yang menghadapi ujian yang lebih hebat daripada yang dihadapi oleh Kuala Lumpur. Lebih kurang 12% penduduk negara ini sama ada tinggal di sini ataupun di sekitarnya, termasuk Lembah dan Ulu Klang. Mereka sebagai satu kumpulan merupakan penduduk paling berbakat, paling berkelayakan, paling mewah dan paling "cosmopolitan". Apa lagi ianya sentiasa menjadi tumpuan pemimpin-pemimpin politik dari segenap pelusuk negara. Sesuai dengan

panggilan cosmopolitan, Kuala Lumpur menampung ciri-ciri dan keutamaan mana-mana kota cosmopolitan seantero dunia. Dan hakikat ini tidak dapat tidak dan sedikit-sebanyak mempengaruhi pemikiran pembuat dasar dan pelaksana dasar Ibu Negara ini yang diinstitusikan dengan nama Dewan Bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua; kesan pengaruh ini sering kelihatan pada undang-undang dan Akta-akta yang diluluskan dan dikesani pada tindakan-tindakan yang diambil terhadap pihak-pihak berkenaan. Sejarah kota-kota besar yang mendahului Kuala Lumpur telah banyak meninggalkan pengajaran dan pengajaran ini wajar diikuti sekiranya baik dan sesuai dan dielaki jika perlu. Salah satu pengajaran ialah sebab akibat "big government", dengan izin, iaitu suatu tanggapan yang bererti pihak berkuasa terlalu menggunakan undang-undang dalam banyak aspek hidup rakyat, sehinggakan hemah rakyat di perendahkan begitu rupa seolah-olah tidak terdapat dalam diri mereka unsur-unsur tamaddun manusia seperti self-correcting dan self-adjusting, dengan izin.

Keadaan ini berlaku di Detroit, kotaraya pengeluar motokar terbesar di dunia, apabila kelas menengahnya yang kuat berpindah tempat tinggal ke sekitarnya mengakibatkan banyak bangunan dan rumah dalam kota itu terbiar. Justeru itu, setinggan bermaharajalela. Akhirnya undang-undang untuk mengawal kelas menengah didapati terlalu mahal dan sia-sia membendung setinggan yang tidak makan saman. Begitu juga di New York, apabila Bronx dan Brooklin menjadi decadent, dengan izin. Dua buah kota besar di negara yang paling kaya ini mampu membuat silap dan belajar dari kesilapannya. Tetapi kita tidak perlu membuat silap



yang begitu mahal dan kita lebih wajar belajar terus dari pengalaman kesilapan mereka.

Saya sebenarnya tidak membuat kesimpulan bahawa Bandaraya Kuala Lumpur sudah bersikap "big government" tetapi sekiranya pihak berkuasa tidak berwaspada dalam menghadapi nafuri dan kecenderungan membuat sesuatu dengan kekuatan undang-undang, ada kemungkinan perkembangan negatif kotaraya-kotaraya Amerika itu berulang di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan hidup Ibu Kota kita yang tercinta bukan sahaja sama-sama berada dalam iklim ekonomi yang muram tetapi ia patut sama-sama menunjukkan kesedaran dan penghayatan iklim ini yang menjejaskan dengan teruk saku dan rezeki penduduknya. Kerajaan Kebawah Duli yang sentiasa bersikap sederhana dan tegak atas lunas keadilan, tentunya ingin melihat pihak berkuasa Ibu Kota mempunyai hati dan jiwa yang besar apabila menghadapi masalah saku dan rezeki rakyat. Kita jangan tergamam sehingga pokok disangka hutan. Jangan pula kelihatan unggun api kita sangka hutan sudah terbakar. Gamam dan salah sangka begitu tidak boleh memberi sumbangan kepada kecekapan dan kemuliaan pihak berkuasa. Yang paling penting, ialah kebahagiaan rakyat yang hanya boleh menjadi nyata apabila keperluan asas sudah didapati melalui punca-punca rezeki yang terbuka luas. Di sinilah letaknya ujian jiwa besar dan himah Pihak Berkuasa Bandaraya.

Apakah kita lebih mementingkan undang-undang yang dibuat sendiri ataupun keperluan hidup rakyat yang lebih tinggi? Jejakkan keadilan dengan rasa kemanusiaan, kata bijak pandai perundangan. Biarlah saya lebih tertentu. Sejak Pelan Struktur Bandaraya diluluskan banyak rumah dan bangunan tiba-tiba berada dalam keadaan sama ada tidak sesuai dengan

zoning ataupun tidak boleh berfungsi langsung. Banyak kes yang tidak logik di mana lot-lot tanah menghadapi jalanraya yang sama sedangkan ada lot yang dizonkan sebagai perdagangan dan di sebelah sempadannya pula masih lagi dengan zon kediaman.

Rumah-rumah di atas lot yang masih dizonkan sebagai kediaman yang bersempadankan lot-lot yang dizonkan sebagai perdagangan kebanyakannya tidak sesuai lagi untuk didiami. Justeru itu rumah-rumah itu ditinggali pemiliknya begitu sahaja tanpa diduduki penyewa. Kalau pun ada minat menyewa, bakal penyewa selalunya memerlukan rumah atau bangunan berkenaan untuk maksud perniagaan. Kalaulah tanpa pilihan lain rumah-rumah atau bangunan-bangunan itu disewakan untuk maksud perniagaan, sementara menunggu lot-lot itu dibangunkan semula, adakah ini terlalu salah dari sisi Pihak Berkuasa Bandaraya, pada hal urusanniaga memberikan faedah kepada dua pihak, pemilik dari segi sewa, penyewa dari segi urusanniaga. Dan tiap-tiap peniaga begitu tidak dapat tidak membuka peluang pekerjaan kepada rata-rata lima orang baik secara tetap, sementara atau sambilan. Kegiatan sesuatu usahaniaga mencetuskan usahaniaga yang lain, yang boleh menyumbangkan ke arah pengumpulan modal, selaras dengan inisiatif pucuk pimpinan Kerajaan Kebawah Duli yang sentiasa mengalu-alukan pelaburan modal di negara ini. Oleh itu jelaslah sudah apabila kita sanggup "tamper" sedikit kehendak undang-undang yang dibuat sendiri dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli untuk membela rakyat, kita akan sama-sama menghayati bahawa Pihak Berkuasa Bandaraya sudah seiring dengan inisiatif pucuk pimpinan Kerajaan, menggalakkan perniagaan sekali gus mengurangkan pengangguran.

Izinkan saya ulangi tujuan Kerjaan Kebawah Duli yang lebih murni.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, bila kita dharapkan kes begitu beribu kali kita akan sadar betapa dimensinya, betapa polarisasi kaum dan ras akan dapat dikendurkan. Hakikat ini dicampur pula dengan kewaspadaan terhadap kecenderungan big government di pihak Bandaraya, saya percaya akan menolong mengendurkan polarisasi di kalangan penduduk. Justeru itu fabric perpaduan akan bertambah erat dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi berpindah soal integrasi. Kadang-kadang sukar juga bagi kita memahami apa dia perpaduan, apa dia integrasi. Kedua-duanya istilah, kedua-duanya konsep, kedua-duanya mempunyai imagery, dengan izin, benda yang erat dan tumpat. Lidi-lidi, umpamanya, diintegrasikan menjadi penyapu dan keberkesanan penyapu itu bergantung pula kepada betapa padunya ikatan penyapu itu. Oleh itu bolehlah kita simpulkan perpaduan bermula di mana integrasi berakhir, ataupun integrasi bermula di mana perpaduan berakhir, mungkin juga pengertiannya boleh dibandingkan dengan persoalan yang mana lebih dahulu antara anak ayam dengan telur. Baik apapun urutan erti dan maknanya, kita sebenarnya memperkatakan hati dan mental rakyat Kebawah Duli di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, tegasnya kita berikhtiar mencari jalan merapat dan menyebatkan sentimen-sentimen rakyat di ketiga-tiga kawasan itu walaupun mereka dipisahkan begitu jauh oleh Laut China Selatan dan gunung-ganang.

Saya mengambil peluang di sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan Kerajaan Kebawah Duli atas pelancaran Projek Feri Malaysia di Pelabuhan Kuantan pada 31hb Ogos, 1986 yang lalu. Pelancaran itu merupakan kemuncak kepada suatu

perancangan yang teliti dan lama sekali gus merupakan langkah awal yang besar dalam perjalanan menuju integrasi nasional sebenarnya. Hari itu merupakan hari bersejarah bagi rakyat Pahang umumnya dan khususnya rakyat Kuantan iaitu kawasan saya. Bertambah bererti lagi hari yang bersejarah itu kerana berkenaannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan Kebawah Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang bersama mencemar Duli dengan rakyat jelata, dan lagi kehadiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berkenaan iaitu Ahli dari kawasan Kinabalu adalah membanggakan. Kepada bekas Menteri berkenaan yang turut hadir yang saya difahamkan sengaja terbang ke Kuantan dari Sabah untuk upacara itu, diucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Namun begitu dalam upacara yang begitu bersejarah dan gilang-gemilang, yang begitu besar ertinya dari sisi Kerajaan Kebawah Duli, ketidakhadiran pembesarpembesar PERNAS, iaitu syarikat induk kepada PNSL yang menjalankan Feri Malaysia itu kelihatan begitu nyata dan lantang.

Tidaklah dapat saya ramalkan apakah sebabnya. Mustahil suatu majlis yang dihadiri Kebawah Duli Sultan dan Kebawah Duli Tengku Mahkota serta Yang Berhormat Menteri berkenaan tidak dianggap sesuai dihadiri oleh pembesarpembesar PERNAS itu, atau apakah mungkin ketidakhadiran itu membayangkan sinisme pembesarpembesar itu terhadap keseluruhan konsep Feri Malaysia sehinggakan mereka tidak mahu menaiki Boeng 737 selama hanya ½ jam dari Kuala Lumpur ke Kuantan. Mungkin juga, Tuan Yang di-Pertua, pembesarpembesar PERNAS itu mendapat tahu lebih awal bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan turut serta. Tetapi kita faham kenapa Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri tidak boleh turut serta kerana beliau harus berada di Ibu Kota kerana Perayaan Hari Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya didatangi ragu dan bimbang takut kalau-kalau pihak yang dipertanggungjawabkan mengendali Feri Malaysia tidak committed dan sceptical, dengan izin.

Saya hanya berharap ragu dan bimbang saya ini tidak benar dan akan dibuktikan salah, tetapi sekiranya benar ianya amat menyedihkan. Untuk itu eloklah Kerajaan Kebawah Duli kesani sejauh mana amanat dan mandat yang diberikan kepada pihak itu dilaksanakan, hakikat ini saya anggap penting kerana kita tidak mahu melihat langkah awal yang besar terhadap pencapaian integrasi nasional ini dicatatkan oleh pihak-pihak yang lebih mementingkan jawatan dan faedah-faedah jawatan tanpa memberikan perhatian serius terhadap perhitungan Kerajaan Kebawah Duli.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sudah meluas dan rancak diperkatakan orang pada masa-masa lepas baik di Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan, saya ingin menambah agak sekelumit perkara Penerapan Nilai-nilai Islam. Kita sudah sama-sama tahu bahawa nilai-nilai yang hendak diterapkan adalah berkebetulan sama dengan nilai-nilai murni kemanusiaan sejagat. Bagaimanapun saya berharap pihak-pihak yang dipertugaskan dengan proses penerapan ini agar berhati-hati dan teliti agar konsep dan istilah yang digunakan pada risalah-risalah penerangan yang diterbitkan mencerminkan fahaman pihak yang menyediakan risalah-risalah itu. Hal ini amat mustahak kerana apabila pembaca mendapat tahu bahawa penulis-penulis risalah kabur dalam pengertiannya tentu sekali maksud yang hendak disampaikan bertambah kabur, kalau pun tidak kusut sama sekali. Contohnya ada dua risalah dalam simpanan saya. Kedua-duanya

menggunakan istilah-istilah *nilai*, *unsur-unsur nilai* dan *konsep nilai* yang tidak jelas. Selepas membaca risalah-risalah itu saya bertambah yakin bahawa pihak-pihak berkenaan mempunyai banyak lagi ruang untuk memperbaiki penyampaian maklumatnya dengan lebih meyakinkan dan lebih berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua, masih lagi kita dalam hal penerapan nilai Islam, dan untuk itu izinkan saya membawa lamunan ke kemuncak genting yang saya tempohi setiap kali saya balik ke Kuantan dari Kuala Lumpur. Mahligai di puncak gunung itu sekali gus merupakan gejala lojik dan paradox. Lojiknya ia adalah sebuah badan perniagaan yang berjaya dan menyumbangkan begitu banyak kepada Perbendaharaan dalam bentuk cukai. Paradoxnya ia wujud dalam keadaan segelegasi. Kasinonya diharamkan dari disertai oleh orang Islam. Sebaliknya, orang Islam dibenarkan bekerja di sana dari peringkat kolar biru sehinggalah ke eksekutif tinggi, malah dalam Lembaga Pengarah. Hakikatnya ialah semua infrastruktur di situ termasuk staff dan kakitangan lain dimaksudkan menampung kegiatan kasino, memandangkan kegiatan kasino merupakan satu-satunya kegiatan yang membawa pendapatan besar yang berterusan. Paradox ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh dijadikan lojik sekiranya staff dan kakitangan beragama Islam benar-benar berusaha dalam satu jangka waktu tertentu mencari alternative lain meraih rezeki. Perkembangan ini tidak akan menjejaskan operasi dan keuntungan Genting kerana saya percaya soal kehilangan kepakaran tidak timbul. Lebih dari segalanya perkembangan ini boleh mewajarkan dasar penerapan nilai-nilai Islam Kerajaan Kebawah Duli. Dengan itu pertentangan antara lojik dan paradox itu boleh ditiadakan. Justeru itu, sinisma senyum kambing akan pupus dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan salah satu aspek pembangunan ialah untuk memenuhi keperluan makanan, tegasnya keperluan yang paling utama. Dengan pengertian lain, ini bermakna pertanian. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian kerana daya kreatifnya seperti yang boleh dikesani dalam ucapan-ucapan beliau akhir-akhir ini. Beliau jelas sekali memahami mekanisma pasaran bahan-bahan pertanian antarabangsa, terutama dalam hubungan persaingan antara bahan sawit dengan soya seolah-olah hubungan itu terletak di atas prinsip congkang-congkit (*see-saw*). Di peringkat setempat yang bersifat lebih tradisi dalam budaya kampung ialah mengubahkan angan-angan Mat Jenin kepada kenyataan yang menguntungkan. Maka lahirlah Piala Mat Jenin dengan tujuan menggalakkan lahirnya pemanjat-pemanjat kelapa dengan lebih ramai lagi supaya kelapa muda boleh dipetik sebanyak mungkin memandangkan harga kelapa muda enam kali lebih tinggi dari harga kelapa tua.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, di sebalik tujuan yang baik seperti ini sering pula terselit anasir negatif. Harga adalah fungsi permintaan dan penawaran. Kalau lebih sangat hasilnya berbanding dengan kemahuan orang membeli nescaya turun atau jatuhlah harga sedangkan kemahuan membeli itu bergantung pula kepada citarasa (*taste*) yang selalu berubah baik jemu, jelak, puas ataupun tidak fashionable lagi juga. Oleh yang demikian, rasanya tidaklah terlalu memadai bagi saya kiranya saya mencadangkan supaya satu program jangka panjang boleh digubalkan untuk menjaga kepentingan penanam-penanam kelapa kerana memandangkan bahawa kita bukanlah merupakan penanam-penanam kelapa yang paling efficient

di rantau ini berbanding dengan apa yang terdapat di Filipina, kepulauan Pacific Selatan dan di gugusan Micronesia. Di sana kelapa boleh dimusnahkan begitu sahaja untuk menjaga harga sepertimana Amerika Syarikat membuang susu dan biji gandum untuk menjaga harga. Kalau kita sanggup membeli sebiji kelapa muda dengan harga 60 sen umpamanya terus dari ladang, mereka mungkin dapat menawarkan dengan harga 50 sen.

Apabila ini berlaku kita akhirnya tidak boleh membuat banyak perkara kerana peranan harga merupakan kuasa yang hampir mustahil di bendung. Ini bukan cakap saya, ini cakap Milton Friedman, ahli ekonomi pemenang Hadiah Nobel. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, eloklah kalau kita sanggup menyeru supaya rakyat kurangkan makan nasi supaya semakin kurang penanam padi yang sentiasa kekal dalam kongkongan kemiskinan. Kita patut juga menyeru supaya penanam-penanam kelapa perlahan-lahan berpindah kepada lapangan lain memandangkan susu boleh dijadikan kuah gulai; minyak sayur, minyak jagung dan minyak kacang lebih baik dari minyak kelapa kerana kurang *cholesterol*. Di samping itu kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Kementeriannya membuka pintu eksport hasil ternakan negara kepada sebuah negara jiran setelah terjejas dengan nada yang membimbangkan berhak menerima kalung bunga penghargaan yang tinggi. Nampaknya epidemic penyakit kuku dan mulut tidak membawa mudarat malahan membawa tuah yang beratus juta ringgit setahun.

Bercakap tentang kuku dan mulut, kita teringat kepada ternakan lembu kerana lembulah yang diserang penyakit itu beberapa tahun dahulu. Oleh kerana daging lembu merupakan daging yang paling banyak dimakan



oleh rakyat negara ini yang membuat kita mengorbankan pertukaran wang asing yang besar jumlahnya untuk mengimport daging ini, apa kata kalau kita ikut pengajaran yang baik dari Sabah iaitu melabur di Australia dan New Zealand di mana padang ragut semula jadi sedia ada dengan keluasan saujana mata memandang tanpa kos menebang-menebas, yang menurut maklumat terakhir harga tidak sampai atau hanya lebih kurang seribu ringgit wang Malaysia seekar iaitu harga tanah, tidak sampai seribu ringgit wang Malaysia seekar. Melabur di luar negeri, mungkin sekali imbas kelihatan seperti mencurah keluar pertukaran wang asing tetapi kena caranya kita kelak boleh berkata dengan bangganya: apa salahnya kita memberi umpan belanak untuk memancing tenggiri pilihan. Mudah-mudahan kata-kata saya ini tidak mengilhamkan speculators di negara-negara itu membuat sesuatu di luar dugaan. Tetapi jika ada di kalangan mereka yang datang ke sini untuk maksud penggalakan sekurang-kurangnya kedatangan mereka akan menambahkan wang asing kita, Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita pula berpindah kepada satu lagi aspek pembangunan iaitu untuk memenuhi keperluan perumahan. Aspek ini merangkumi kegiatan-kegiatan memaju dan membina dan oleh kerana itu ianya melibatkan perkhidmatan ikhtisas (professional) secara langsung, terutama akitek dan jurutera dari hampir semua disiplin seperti civil, electrical dan mechanical serta juruukur bahan. Well-being, dengan izin, dan daya hidup professional ini mempunyai hubungan secara langsung dengan turun-naik permintaan terhadap keperluan perumahan. Ketika permintaan naik, tinggillah pendapatan mereka dan ketika permintaan turun, merosotlah pendapatannya. Tetapi proses antara naik dan turun itu boleh memisahkan

antara budak-budak dengan orang dewasa, antara professional dengan pseudo-professional, antara yang bernaluri fraudulent dengan yang berjiwa fidelity.

Semua kumpulan professional itu bernaung di bawah badan tertentu seperti Lembaga Akitek dan Lembaga Jurutera yang menjadi watchdog terhadap praktis professional yang rata-rata lebih suka menjaga diri dengan self-regulation. Bagaimanapun dari kes-kes yang terpampang di halaman akhbar atau yang dibawa ke mahkamah memberikan gambaran bahawa ada sesuatu yang lemah dalam praktis dan kesungguhan self-regulation itu.

Penelitian terhadap kes-kes itu menunjukkan bahawa akitek mempunyai kuasa besar malah bertaraf veto apabila pengesahan dibuat. Apabila akitek sahkan 50% sesebuah binaan siap, pemaju atau pemilik harus membayar 50% dalam masa dua minggu atau tiga minggu walaupun pemaju ataupun pemilik berkenaan sedar selepas pengesahan itu dibuat bahawa mutu bahan yang digunakan dan kemajuan pembinaan sebenarnya tidak sampai 50%. Jalan untuk mempertikaikan hal begini adalah hanya dengan cara membuat kes terhadap akitek ataupun kontraktor di mahkamah yang tentunya akan memakan masa yang lama dan melibatkan kos peguam. Lembaga-lembaga berkenaan, Tuan Yang di-Pertua, tentunya dianggotai oleh orang-orang yang mendalami tentang lapangan yang hendak diawasi. Maka lojikkah Lembaga Akitek dipenuhi akitek dan Lembaga Jurutera dipenuhi oleh jurutera.

Saya tidak dapat melihat seorang professional dalam Lembaga-lembaga itu sanggup dengan bersahaja membuat sesuatu yang pada akhirnya menjejaskan maruah seorang professional sepertinya kerana pada

analisa terakhir professionnya juga yang akan dihina orang ramai. Dengan menggunakan ungguan Inggeris "the benefit of the doubts are imperative" atau maknanya lebih kurang begini, "mendapat faedah dari keadaan yang tidak pasti adalah sewajarnya".

Berdasarkan keadaan itu, Tuan Yang di-Pertua, sesuaiilah kita bertanya, apakah nasib pemaaju dan pemilik serta rakyat yang memerlukan keperluan begitu. Jelaslah, Tuan Yang di-Pertua, pivotal role dalam aspek ini berada dalam tangan akitek. Seikhlasnya saya katakan ini saya bukan bermaksud bahawa semua akitek diragukan sebegitu rupa tetapi saya sentiasa ingat dan menghayati pepatah yang berbunyi, "Seekor kerbau membawa lumpur semua tercalit. Sebab nila setitik rosak susu sebelanga". Namun yang menjadi hakiki kehidupan manusia dan kemanusiaan sejak beribu tahun dahulu adalah faktor satu dalam seratus atau satu dalam seribu kerana faktor yang satu itulah yang boleh membina atau meruntuhkan.

Yang satu itu mencuri maka hukumannya setimpal. Begitu juga apabila yang satu itu membunuh maka hukumannya tetap menanti. Hukuman itu sebenarnya berasaskan deterrent, dengan izin, supaya yang satu itu tidak menjadi lebih dari satu walaupun terhapus sama sekali. Kalau tidak dibendung dengan hukuman, lambat laun hanya satu pula dalam 100 dan 1,000 yang itu boleh diharapkan.

Oleh yang demikian pihak-pihak yang berkuasa yang berkenaan seelok-eloknya memenuhi dengan ikhlas peranan watchdog dan bukan toothless watchdog, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Bercakap tentang profesional ini, izinkan saya merekodkan rasa kagum saya terhadap Majlis Peguam bukan sahaja terang-terang mengaku ada di kalangan mereka yang bersalah tetapi sanggup pula menjatuhkan

hukuman setimpal. Inilah sebenarnya prinsip satu dalam 100 atau satu dalam 1,000 itu.

Kalaulah Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua tersenyum pada saat ini tidak bermakna saya bermaksud untuk ingratiate, dengan izin, kerana saya sedia maklum bahawa Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua di atas sana mempunyai latar belakang guaman. Maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Terima kasih.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Oleh yang demikian lebih banyak badan dan lembaga profesional yang sanggup bertindak terhadap ahli-ahlinya seperti yang dibuat oleh Lembaga Peguam itu, lebih baiklah harapan masa depan rakyat dalam menggunakan perkhidmatan profesional dan lebih tinggilah hemah profesional di mata rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, segala soal pembangunan ini di satu pihak dan soal profesional di satu pihak yang lain tidak memberi makna langsung kalau soal keselamatan terus mengancam kestabilan negara. Sebahagian besar sempadan negara kita adalah laut. Ini bererti kita sepatutnya telah lama menjadi suatu kuasa maritime tetapi oleh kerana kita tidak direstukan menjadi kuasa yang begitu maka laut yang luas terbentang telah merupakan satu pintu besar bagi anasir-anasir luar yang tidak diingini mencari tempat di sini. Saya masih ingat dalam zaman Darurat 1948 hingga 1960 dahulu penjahat-penjahat komunis bukan sahaja mengancam dari bukit bukau dan hutan rimba tetapi juga dari laut.

Keadaan ini sebenarnya berlaku di perairan sekitar Kuantan, dan sehingga sekarang sejak jatuhnya Vietnam ke tangan komunis tahun 1975 dan terkongkong Kemboja oleh Vietnam

dalam tahun 1979 perairan di sekitar Kuantan telah menjadi tempat mendaratnya anasir-anasir itu. Pulau Bidong di Terengganu dan Cherating di Pahang. Perkara yang menjadi hal ialah kalau anasir-anasir begitu boleh sampai ke pantai kita dengan secara kasar dan nyata, tidakkah mungkin penyeludup dadah yang lebih halus gerak gerinya boleh mengangkut bahan itu berguni-guni.

Saya sebenarnya tidak membataskan kemasukan dadah ke negara ini menerusi kapal terbang, keretapi, bas dan motokar sahaja. Filem-filem terkemuka dari Hollywood dan Eropah telah banyak menunjukkan bahawa lautlah sahabat dadah yang paling baik. Maka tidak keterlaluan sangat kalau saya mencadangkan kepada Kerajaan Kebawah Duli agar peronda-peronda kita di laut bukan semata-mata pengawas terhadap nelayan asing memasuki perairan kita tetapi harus mengesyaki bahawa di dalam ikan-ikan kecil dan besar dalam petak-petak perahu terdapat kelongsong dadah yang boleh menjahanamkan anak-anak muda kita khasnya dan rakyat negara ini umumnya. Kita harus mengesyaki nelayan-nelayan kita juga kerana walaupun kebanyakan mereka terdiri dari orang-orang baik, tidak kurang juga yang nakal, yang sengaja memilih tangkapan dadah sekilo dari tangkapan ikan sekilo—memandangkan perbezaan harga seperti langit dengan bumi.

Bercakap tentang sempadan dan laut, Tuan Yang di-Pertua, saya teringat buku "The Malay Delimma", karangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita dan jiran kita harus memikirkan kepentingan bersama apabila timbul soal keselamatan dan pertahanan. *Sempadan dan laut* tidak bererti lagi kerana jet Pengebom subsonic yang lebih laju dari kederaan bunyi boleh melintasi sempadan dalam beberapa saat dan boleh tiba di angkasa ibu kota

masing-masing dalam beberapa minit sahaja. Pemikiran begini sudah kelihatan dianuti dan sudah diterjemahkan menjadi langkah-langkah yang dirancang.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Kebawah Duli dan kepada semua pihak lain yang berkenaan. Bagaimanapun dalam kita berjaga-jaga terhadap musuh di luar rumah kita jangan lupa musuh yang sama juga berada di dalam rumah. Komunis dengan "COMINTERN" atau Communist International, dengan izin, masih hidup dan ini bererti perjuangan sepanjang zaman. Komunis tetap komunis baik ala Russia, mahupun ala negara China. Oleh kerana sejarah telah membuktikan bahawa perjuangan komunis sentiasa bercirikan penyusupan, muslihat dan tipu helah, maka saya percaya Kerajaan Kebawah Duli sedia maklum bahawa badan-badan intelligence dan counter intelligence, dengan izin, di dalam Tentera dan Polis sentiasa dipertingkatkan keberkesannya dari satu masa ke satu masa walaupun apa kosnya.

Izinkan saya menyentuh soal lain pula, Tuan Yang di-Pertua, iaitu soal Perkhidmatan Kerajaan. Kita patut berbangga dengan Perkhidmatan Kerajaan kita terutama sekali kakitangan Kerajaan yang berpangkat tinggi dan rendah yang terbukti dedikasi dan kesetiaan mereka. Namun begitu tiap-tiap yang elok itu mempunyai satu bahayanya iaitu apa yang dipanggil "naik mua" atau, dengan izin, taking things for granted. Nyata sekali teraju urusan perkhidmatan Kerajaan dipegang oleh golongan pentadbir. Memang tidak salah amalan ini. Ini selaras dengan amalan semua perkhidmatan Kerajaan dalam dunia malah firma-firma yang terbesar di dunia seperti Exxon, General Motors, Shell, ICI, Levers, Siemens, Mitsubishi dan Hyundai pun diteraju oleh pentadbir. Perbezaannya



hanya dapat pada hakikat bahawa setengah-setengah perkhidmatan Kerajaan dan firma itu mempunyai orang-orang profesional yang menjadi Ketua Eksekutif termasuklah orang yang berlatar belakangkan jurutera, akauntan, doktor perubatan, apa lagi peguam dan lain-lainnya.

Apa yang saya dapati setakat ini ialah perkhidmatan pentadbiran tidak begitu memberi tempat kepada profesional begitu. Justeru timbul suatu sentimen pentadbir versus profesional. Profesional mengatakan pentadbir bukan sahaja ada prospek menjadi nombor satu, tetapi juga merancang prospek yang diterjemahkan kepada berbagai superscale dan kedudukan-kedudukan baik dalam badan-badan berkanun. Pentadbir pula menjawab itu sudah semestinya kerana itu pilihan masing-masing. Yang hendak ditekankan di sini ialah the sense of fairness, dengan izin, atau ringkasnya keadilan. Jentera Kerajaan Kebawah Duli haruslah tegak di atas prinsip keadilan untuk memastikan morale kakitangan seluruhnya sentiasa tinggi memandangkan mereka sebagai satu kumpulan memikul beban yang melaksanakan semua dasar-dasar Negara.

Kita tidak mahu melihat, dalam Kerajaan Kebawah Duli mengisytiharkan keadilan sebagai asasnya, sebaliknya kakitangan Kerajaan pula menghadapi keadaan tidak adil akibat dari perbuatan keputusan di kalangan mereka. Dengan kata-kata lain kalau golongan profesional tidak boleh dimasukkan dengan serta merta ke dalam perkhidmatan tadbir yang lebih prospeknya, sekurang-kurangnya saya mencadangkan tangga gaji mereka tidak dibataskan kepada ciri-ciri timescale dan superscale seperti yang ada sekarang. Ramai antara mereka tidak utamakan pangkat sangat. Mereka hanya seronok dengan urusan

profesion mereka tetapi keseronokan haruslah commensurate, dengan izin, dengan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini beberapa orang pentadbir tinggi perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli yang berwibawa telah mengaku bahawa mereka memang berkepentingan dalam perkhidmatan Kerajaan. Oleh itu tidak hairanlah mereka sentiasa mencari dan membuka peluang terus dalam kedudukan dan gaji mereka. Sesungguhnya tidak salah bagi sesiapa sahaja berusaha untuk memperbaiki diri kerana kalau diri sendiri tidak mahu berusaha, siapa lagi yang harus berbuat begitu untuk diri sendiri, tetapi dalam kita berusaha begitu hendaknya kita jangan lupa bahawa kakitangan rendah di Bahagian C dan D ada juga berbakat dan mempunyai kemampuan mental untuk memperbaiki diri. Kalau mereka di Bahagian A disediakan kemudahan mengambil ijazah Masters dan Ph.D. dengan biasiswa dan gaji penuh, sewajarnya pula mereka di Bahagian C dan D diberi kemudahan mengambil ijazah pertama atau diploma di mana-mana universiti tempatan ataupun di badan-badan pengajian tinggi. Hidup tanpa harapan dan prospek adalah hidup yang frust, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ulangkan terima kasih yang tidak terhingga kepada jasa dan sumbangan pentadbir-pentadbir Kerajaan khususnya dan kakitangan Kerajaan umumnya. Mereka sendiri telah berterus terang mengatakan bahawa badan mereka iaitu birokrasi telah menjadi terlalu gemuk kerana terlalu banyak lemak. Maka jalan keluar ialah dengan melampaikan badan dengan membuang lemak supaya menjadi fit.

Itulah pemikiran wajar sahabat-sahabat kita dalam perkhidmatan Kerajaan. Sebaliknya kita terasa agak anih apabila kita dapat mengesani

adanya move, dengan izin, untuk mengambil alih sebanyak mungkin jawatan pengerusi di badan-badan berkanun yang selama ini disandang oleh orang-orang seperti Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Ini nampaknya satu paradoks lagi, di satu pihak membuang lemak, di satu pihak lain membanyakkan lemak.

Tuan Yang di-Pertua, semoga perkembangan ini akan dapat perhatian bijaksana dari Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan dengan itu kepentingan yang dicari akan menjadi kepentingan bersama yang berharmoni.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang kepentingan dan keadilan, rasa saya tidak ada siapa yang lebih gigih mempertahankan kepentingan negara ini dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti mana yang kita maklum apabila beliau menangkis dan menjawab serangan-serangan oleh orang Amerika di New York akibat laporan-laporan fitnah untuk sabotaj ekonomi kita, justeru kewibawaan negara kita demi menegakkan keadilan.

Untuk itu kita seyogianya menyokong penuh dengan berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam detik-detik yang mencabar ini. Mudah-mudahan dengan sokongan kita yang sebegitu akan memperkuat lagi azam dan tekad beliau memimpin Kerajaan Kebawah Duli ke arah satu kehidupan bermaruah, berhemah dan berjiwa besar.

Dengan pendapat, pemikiran dan penghayatan terhadap pokok dan persoalan yang saya sentuhkan sebentar tadi, saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh hormat dan takzim mohon mencadangkan.

4.53 ptg.

**Tuan Law Lai Heng (Pontian):** Tuan Yang di-Pertua, saya dari kawasan

Pontian ingin menyokong usul yang mencadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuantan yang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas Titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa kejayaan pelaksanaan pilihanraya umum baru-baru lepas ini telah menunjukkan bahawa pengamalan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia ini telah dapat berjalan dengan licin.

Sokongan rakyat dengan tidak kira apa keturunan telah membuktikan bahawa dengan sokongan itu, sistem ini telah dapat diwujudkan dan dapat memperkukuhkan kemerdekaan dan kedaulatan institusi Parlimen kita.

Institusi kita ini selain daripada Parlimen, juga mengandungi kehakiman, perkhidmatan awam dan lain-lain pertubuhan, agensi-agensi lain dan telah memberikan banyak pandangan-pandangan dan maklum balas mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata dari seluruh negara kita ini dan sentiasa beri sokongan kepada Kerajaan kita, Kerajaan Parti Barisan Nasional.

Sungguhpun demikian, sistem demokrasi berparlimen masih belum lagi dapat diamalkan seperti apa yang dikatakan begitu sempurna tetapi dengan pelaksanaan dan juga adanya sistem Parlimen ini telah dapat bertukar-tukar fikiran dan pandangan-pandangan datang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi Wakil Rakyat dari seluruh negara kita.

Dengan sokongan itu, kami tetap akan memastikan bahawa kedaulatan, kemerdekaan institusi kita ini tetap akan diwujudkan dan dikekalkan dan dijamin dari semasa ke semasa kerana kita dapat menjamin

kejujuran dan pelaksanaan, kesaksamaan di kalangan rakyat berbilang kaum ini dan membuktikan bahawa sistem kita inilah dapat dikekalkan dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa.

Melalui Parlimen kita ini apa juga hemat telah dapat dikemukakan, dapat dipertimbangkan kepada pihak Kerajaan dan juga polisi-polisi atau dasar-dasar yang telah dilaksanakan, yang mana telah mencapai kejayaan, dan juga yang mana kritik-kritik membina, yang konkrit yang akan disampaikan melalui Dewan yang mulia ini.

Dan juga melalui Dewan inilah kita dapat memelihara dan dapat kita mempertahankan serta kita dapat mengkritik jika mana-mana pihak yang menyampaikan pandangan-pandangan yang sempit berkenaan dengan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan kita ini. Sama ada datang daripada mana golongan pun kita dapat memberikan kritik dan memberikan hujah-hujah balas.

Oleh sebab itu kritik-kritik yang disampaikan, kita tidak mengira sama ada datang daripada golongan yang mana sekalipun tetapi kita mestilah menganggap bahawa pandangan-pandangan itu yang memberikan hujah yang konkrit dan membina dan juga yang baik untuk pertimbangan Kerajaan kita.

Dalam Parlimen kita ini sentiasa mengamalkan prinsip pimpinan melalui tauladan dan baik anggota Kerajaan dan juga baik anggota-anggota yang bukan datang dari parti komponen Kerajaan, Parti Barisan Nasional kita ini, kerana Dewan yang mulia ini iaitu Parlimen harus menunjukkan semangat dan juga menunjukkan toleransi antara Ahli-ahli Yang Berhormat dari semua pihak dan juga ini lebih menghormati cara hidup dan pengalaman harian yang ada di dalam negara Malaysia yang kita cintai ini.

Dalam usaha-usaha melaksanakan kehidupan awam dan persendirian, hendaklah dilaksanakan tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan dan pelaksanaan dengan adil ini akan mewujudkan suasana dan fahaman yang lebih erat antara kita semua. Kita jangan sekali-kali menganggap bahawa apa-apa yang telah kita sampaikan dalam Dewan yang mulia ini yang hanya sebagai satu forum untuk mendatangkan fikiran-fikiran, pandangan-pandangan sahaja. Apa juga yang telah disampaikan atau telah diutarakan dalam Dewan yang mulia ini yang sebenarnya adalah datang daripada kehendak atau hasrat rakyat jelata yang telah memberikan sokongan kepada kita yang mewakili parti-parti yang bertanding dalam pilihanraya yang baru lepas ini dan kita sentiasa mesti mempraktikkan bahawa kita betul-betul mengamalkan demokrasi tanpa mengira diskriminasi di mana-mana pun.

Apa yang kita jalankan ataupun datang memberikan hujah-hujah atau pandangan-pandangan di mana-mana pun kerana dalam masalah ini kita memerlukan suasana yang bersefahaman antara kita semua untuk menghadapi masalah masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kemelesetan ekonomi negara kita ini, pemimpin-pemimpin kita terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir dan juga Menteri-menteri yang lain dalam Kabinet telah berusaha seluas-luasnya dan telah berusaha melawat ke seluruh dunia untuk membawa pelabur-pelabur ke negara kita ini. Kita mesti mewujudkan satu suasana atau satu iklim yang sesuai supaya orang-orang asing dapat melaburkan modal mereka itu supaya dapat kita memperkembangkan apa juga bidang ekonomi yang ada dalam negara kita ini.

Jadi, saya berharap dan saya mengutarakan bahawa sesiapa juga, sama ada dari parti pemerintah atau dari parti Pembangkang hendaklah sentiasa mewujudkan satu suasana dan melalui ucapan-ucapan di mana-mana juga sentiasa mengambil ingatan bahawa sesuatu perkataan atau ucapan pun mungkin akan mendatangkan perkara-perkara yang tidak diingini. Jadi, saya berseru melalui Dewan yang mulia ini bahawa pemimpin-pemimpin politik kita di mana-mana juga, memberikan pandangan-pandangan yang konkrit dan juga pandangan-pandangan yang lebih luas. Kita juga patut meng"create" atau mengadakan satu suasana iklim yang sesuai supaya tiap-tiap orang tidak mendatangkan kekhuatiran atau salah sangka antara satu pihak dengan yang lain dan lebih-lebih lagi pada saat ini kerana kita memerlukan pelabur-pelabur dari luar negeri kita. Selain daripada itu hendaklah mengadakan suasana yang sesuai kepada pelabur-pelabur tempatan juga dan memberikannya perangsang supaya mereka bersama-sama dapat mengikuti dalam pelaburan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini apa yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuantan yang telah diutarakan sebentar tadi, iaitu masih ada keadaan polarisasi dalam masyarakat kita ini dan adalah tanggungjawab kita semua melalui Dewan Parlimen yang mulia ini supaya kita sentiasa berikhtiar dan berusaha seberapa yang boleh untuk membasmi polarisasi kaum, jika ianya ada lagi dalam negara kita ini. Kita mesti berterus terang jika ada berlakunya, kita mengakuilah kesilapan-kesilapan itu dan menerimalah apa-apa kritik yang baik untuk dapat kita memperbetulkan apa yang diungkapkan tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kita mempelajari dari kesilapan-kesilapan itu dan juga kritik-kritik yang

disampaikan maka dapat kita memperbetulkan kesilapan-kesilapan kita bahkan menjamin kestabilan politik dan sebagainya dalam negara kita ini. Oleh sebab itu, saya memuji Kerajaan kita kerana kita sanggup membetulkan suasana itu dan juga telah berjanji untuk mengubah-suai dari segi apa juga strategi-strategi yang perlu supaya dapat kita membawa satu kejayaan pada masa akan datang supaya menjamin kehidupan rakyat yang akan terus menjadi mewah dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia kita ini mengandungi berbagai keturunan dan suku bangsa. Jadi kita patut tumpukan semua untuk negara kita, mempertahankan kedaulatan dan mewujudkan suasana yang baik dan menunjukkan bahawa amalan-amalan yang ada pada hari ini betul-betul bercorak Malaysia. Oleh sebab itu kita semua mesti sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga. Sama ada dalam tingkah-laku, ucapan atau syarahan dan sebagainya, kita mesti sentiasa berfikir bahawa kita adalah anak Malaysia dan orang Malaysia, tanpa mengira keturunan. Ini hendaklah sentiasa diutamakan di mana-mana juga dan tidak kita membeza-bezakan perbezaan antara kita sesama kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita ini, parti komponen Barisan Nasional yang datang dari MCA sentiasa telah disalah fahamkan bahawa MCA telah tidak menyokong Dasar Ekonomi Baru dan sebaliknya pucuk pimpinan MCA telah kerap kali memberikan jawapan bahawa Dasar Ekonomi Baru itu tetap disokong oleh parti itu. Dengan cara-cara yang tidak mendatangkan keseimbangan itu, hanya mendatangkan kritik dengan memberikan satu pandangan. Pandangan yang mengkritik Dasar Ekonomi Baru itu tidak bermakna

ianya tidak disetujui oleh parti MCA, parti komponen Barisan Nasional. Saya percaya melalui Dewan yang mulia ini pucuk pimpinan MCA telah beberapa kali mengisytiharkan sokongan Dasar Ekonomi Baru itu tetapi hanya ia tidak bersetuju dengan mana-mana penyelewengan yang berlaku semasa dilaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu. Oleh sebab itu, mana-mana pelaksana-pelaksana yang terlibat sekiranya telah kena dikritik, jangan dianggap bahawa MCA menentang Dasar Ekonomi Baru. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaanlah yang dapat menjelaskan pandangan itu dan juga dapat menjamin bahawa penyelewengan tidak berlaku dalam masa pelaksanaannya dan diskriminasi tidak dipraktikkan oleh mana-mana birokratik yang ada, yang menjalankan tugas harian itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari apa yang telah saya sampaikan melalui ucapan saya sebentar tadi itu, sekali lagi saya ingin melapaskan di sini bahawa MCA terus menyokong Dasar Ekonomi Baru dan ianya akan memberikan pandangan-pandangan jika berlaku penyelewengan dari segi pelaksanaan di mana-mana juga, dan akan memberi data-data yang sesuai supaya dapat membantunya dan memberi pandangan yang sewajarnya supaya kita dapat mengelakkan dan dapat membetulkan kesilapan-kesilapan itu.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia, parti MCA telah menyumbangkan sejak kita memperjuangkan kemerdekaan tanah-air kita Persekutuan Tanah Melayu dahulu, menyertai dalam perjuangan parti Perikatan dan setelah itu dalam parti Barisan Nasional; dan juga sama-sama memberi apa jua sumbangan yang boleh supaya kita dapat mengekalkan kestabilan politik kita dan keharmonian antara penduduk-penduduk yang ada dalam

negara kita ini, khasnya di Semenanjung Malaysia. Kita akan terus bekerjasama dengan rakan-rakan lain dalam parti komponen kita. Kita bersama-sama telah menentang pendudukan Jepun dulu, pada masa konfrantasi kita telah berganding bahu dan mempertahankan kedaulatan tanahair dan juga kita terus bersama-sama membasmi atau menghapuskan pemberontakan komunis dan juga fahaman-fahaman komunis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin politik kita ini sentiasa mesti menghadapi realiti yang ada, yang wujud dalam negara kita ini, sebab itulah kita sentiasa, kita mesti mengamalkan semangat ber-timbangrasa dan sentiasa kita bertolak-ansur, hormat-menghormati antara satu dengan yang lain, khasnya dari segi pandangan-pandangan yang membina kepada kita semua dan juga kita terus memainkan peranan mempertahankan kedaulatan negara kita. Pemimpin-pemimpin politik juga sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang berbilang bangsa seperti negara Malaysia kita ini sentiasa mesti ada mempunyai sikap toleransi, sentiasa bertimbangrasa dan apabila memberikan syarahan atau ucapan dan sebagainya sentiasa kita ambil kira bahawa apa perasaan jika seseorang pengucap itu yang mendatangkan tidak senang hati kepada satu pihak-pihak yang tertentu.

Tidak dapat kita menafikan bahawa orang-orang Malaysia yang bukan keturunan Melayu itu memang membentuk hampir-hampir 50% penduduk negara kita ini. Oleh sebab itulah kita rakyat Malaysia ini, anak-anak Malaysia kita ini sentiasa mesti berjaga-jaga dalam ucapan-ucapan masing-masing. Kita tidak menafikan bahawa kedudukan hak Raja-raja, Bahasa Malaysia, Islam dan hak-hak istimewa orang Melayu itu telah



termaktub dalam Perlembagaan kita dan sebaliknya juga sekiranya ada didatangkan, dipersoalkan oleh pihak-pihak yang tertentu bahawa orang-orang yang mengikut Perlembagaan ini yang telah mempunyai hak keistimewaan itu dan sebaliknya hak-hak yang asasi lain seperti hak kewarganegaraan, kebebasan kepercayaan agama dan sebagainya yang sepatutnya tidak disentuh oleh mana-mana pihak supaya dapat seimbang, kebebasan itu dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen dan juga Perlembagaan Malaysia telah memberikan jaminan mengenai hak yang sama kepada semua warganegara tanpa kira asal keturunannya. Oleh yang demikian, kita dapat mewujudkan satu "community dominance", komuniti kebawahan tidak ada dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya fahaman-fahaman itu dan prinsip asas demokrasi berparlimen ini adalah penting bagi kita semua, khasnya negara Malaysia kita ini supaya tiap-tiap kita mengesahkan apa juga komitmen sokongan itu kepada sistem demokrasi ini, ini adalah hak rakyat Malaysia kita dalam menjamin kestabilan negara kita dari segi politik. Melalui kestabilan politik kita akan menjamin perkembangan ekonomi pada masa-masa akan datang, kerana negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi oleh sebab itu mendatangkan baru-baru ini, yang mewujudkan berbagai-bagai pandangan yang ada dalam masyarakat kita.

Oleh sebab itu saya membawa pandangan ini supaya kita sentiasa dapat kawal ucapan-ucapan kita dan juga kita akan dapat meng"creat"kan satu suasana yang sesuai, bukan untuk rakyat Malaysia kita sahaja bahkan di antarabangsa pun akan pandang tinggi terhadap kita di samping mereka dapat

melabor dalam negara kita. Dengan itu dari segi pertumbuhan ekonomi dapat dicapai matlamat apa yang telah diujahkan oleh pucuk pimpinan kita.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Akhirnya, saya ingin juga melahirkan bahawa semangat Rukunegara ini mendatangkan perpaduan rakyat. Ini hendaklah diperkuatkan lagi, kerana baru-baru ini, kebelakangan ini Rukunegara ini atau semangat perpaduan ini telah semakin merosot dan saya percaya dengan ucapan saya melalui Dewan yang mulia ini semangat Rukunegara atau perpaduan kita dapat diwujudkan, dapat diteruskan, dapat menanamkan semangat kepada semua lapisan rakyat kita mengutamakan kestabilan politik kita dapat menjamin pertumbuhan ekonomi pada masa-masa akan datang.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul atas Titah Ucapan Seri Paduka. Sekian, terima kasih.

5.17 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Terlebih dahulu benarkan saya ucapkan tahniah kepada Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua atas perlantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk sokong usul di hadapan kita.

Malaysia telah pun mengadakan pilihanraya umum Parlimen yang ketujuh pada 3hb Ogos lalu dan seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan

Agung UMNO pada September ini, kejayaan UMNO kali ini adalah kejayaan yang terbaik sekali semenjak tertubuhnya UMNO dan pencapaian kemerdekaan negara ini. UMNO memenangi 34 dari 35 kerusi pada tahun 1955, memperolehi 97% dari jumlah kerusi yang ditandingi, sementara pada tahun 1986 ini UMNO telah menangi 83 dari 84 kerusi memperolehi hampir 99% kerusi yang parti itu tandangi.

Yang Amat Berhormat mengakui dalam Ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO bahawa pilihanraya tahun 1986 diadakan di tengah-tengah krisis keyakinan yang tidak pernah berlaku di negara kita. Sepertimana dikatakan oleh Yang Amat Berhormat:

"Kerajaan mengadakan pilihanraya kerana ia ingin menghapuskan segala tuduhan yang mendakwa bahawa Kerajaan tidak lagi mendapat sokongan dari rakyat dan juga dasar-dasar Kerajaan tidak diterima oleh rakyat."

Dengan kemenangan ini di mana UMNO membolot hampir 99% kerusi yang dipertandingkannya yang menyebabkan Barisan Nasional menguasai empat-perlima kerusi Parlimen, krisis keyakinan terhadap Kerajaan seharusnya dikikis sama sekali sebaik sahaja keputusan pilihanraya diumumkan. Akan tetapi, krisis keyakinan yang menimpa Kerajaan Malaysia selama dua tahun ini bukan sahaja tidak melenyap walaupun dua bulan telah berlalu semenjak pilihanraya itu, malahan krisis keyakinan ini semakin tambah buruk diperhebatkan lagi.

Inilah sebabnya tidak lama selepas kemenangan 4/5 majoriti Parlimen oleh Barisan Nasional, khabar angin

mengenai perletakan jawatan tidak lama lagi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merebak dengan begitu pantas sekali.

Saya ingin mengatakan dengan jelasnya bahawa DAP tidak terlibat dalam penyebaran khabar-khabar angin ini walaupun terdapat kenyataan tidak bertanggungjawab yang dikeluarkan oleh Menteri Pelajaran merangkap Ketua Pemuda UMNO, yang cuba menyalahkan pihak Pembangkang.

Sebenarnya, khabar-khabar angin mengenai bakal perletakan jawatan Yang Amat Berhormat dengan memberi tarikh ia akan letak jawatan sebagai Perdana Menteri telah pun tersebar dengan luasnya sebelum pilihanraya umum 3hb Ogos, dan saya selalu menolak khabar-khabar angin ini sebagai tidak berasas apabila ditanya oleh orang ramai. Tetapi persoalan yang penting ialah mengapa khabar-khabar angin seumpama ini mudah dipercayai walaupun Barisan Nasional mendakwa bahawa selepas kejayaannya dalam pilihanraya umum adalah satu kejayaan yang cemerlang.

Hanya terdapat satu jawapan sahaja kepada persoalan tersebut, iaitu Kerajaan benar-benar mengalami krisis keyakinan dan keruntuhan kredibiliti walaupun mereka melaungkan bahawa mereka telah mencapai kemenangan cemerlang dalam pilihanraya umum 3hb Ogos lalu.

Adalah penting bagi kita untuk mencari sebab-musabab mengapa kemenangan empat perlima majoriti kerusi dalam Parlimen oleh Barisan Nasional telah gagal melenyapkan krisis keyakinan dalam Kerajaan, dan bagaimana krisis ini telah menjadi makin buruk dan diperhebatkan lagi dalam dua bulan selepas pilihanraya umum ini.



Sebab pertama ialah pilihanraya umum pada 3hb Ogos adalah pilihanraya yang paling tidak adil dan tidak demokratik dalam sejarah Malaysia kerana:

Pertama, Kerajaan tidak mengindahkan keputra-puraan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya adalah sebuah badan yang bebas dan tidak berat sebelah dengan mengarahkan Suruhanjaya itu meminda peraturan-peraturan pilihanraya untuk memperuntukkan dari segi undang-undang minima sebanyak tujuh hari untuk kempen pilihanraya dari Hari Penamaan ke Hari Buang Undi; serta juga meningkatkan wang pertaruhan calon Parlimen dari \$1,000 kepada \$5,000, sementara wang pertaruhan bagi calon Dewan Undangan Negeri dinaikkan dari \$500 kepada \$3,000.

Kedua, politik peras-ugut di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengugut tentang berlakunya 13 Mei dan penafian wang bagi tujuan pembangunan sekiranya parti Pembangkang Menang.

Ketiga, politik wang dan penyalahgunaan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin dan calon-calon Barisan Nasional; di mana jentera Kerajaan digunakan untuk tujuan-tujuan pilihanraya dan media-massa dimonopolikan oleh Barisan Nasional khususnya serangan yang dilakukan dalam bentuk kartun terhadap parti Pembangkang yang bersifat tendentious dan scurrilous, dengan izin.

Tidak boleh diragu-ragukan bahawa sekiranya tempoh kempen pilihanraya adalah adil dengan beberapa hari lagi diberi untuk berkempen dan bukan tempoh sembilan hari seperti berlaku, DAP sepatutnya dapat memenangi

sepuluh lagi kerusi Parlimen dan juga akan mengalahkan dua orang Menteri lagi, dua orang Timbalan Menteri dan seorang Setiusaha Parlimen di kawasan Beruas, Sungai Siput, Lumut, Kelang dan Telok Intan (*Tepuk*).

Sebab kedua mengapa Pilihanraya Umum, 3hb Ogos telah gagal melenyapkan krisis keyakinan ialah bahawa satu kajian terperinci terhadap keputusan pilihanraya akan menunjukkan bahawa Barisan Nasional tidak mendapat undi popular yang menunjukkan keyakinan dalam Kerajaan Barisan Nasional tetapi sebaliknya ia menunjukkan ketidakpercayaan rakyat terhadap Kerajaan.

Kemenangan majoriti empat-perlima Barisan Nasional tidak boleh menyembunyikan hakikat bahawa ia tidak memperolehi dua pertiga undi popular dalam Pilihanraya Umum itu. Sebenarnya, Barisan Nasional cuma berjaya memperolehi 55.8% jumlah undi Parlimen sahaja sementara DAP memperolehi 20.4% dan PAS mendapat 15.15% undi.

Kalaulah Pilihanraya Umum tahun 1986 boleh disifatkan sebagai pilihanraya yang paling cemerlang sekali bagi UMNO, maka ia juga merupakan pilihanraya yang paling teruk sekali bagi parti-parti komponen lain dalam Barisan Nasional, khasnya MCA dan Gerakan (*Tepuk*) di Semenanjung Malaysia. MCA tewas dalam 15 daripada 32 kerusi yang ditandingi yang merupakan kadar kegagalan sebanyak 47 peratus. Sementara Gerakan tewas dalam empat kerusi daripada sembilan kerusi yang ditandingi atau kadar kegagalannya adalah 45%.

Kegagalan Kerajaan Barisan Nasional untuk memenangi hati dan

fikiran rakyat Malaysia boleh dilihat dengan lebih tepat sekali daripada angka-angka pengundian dan bukan jumlah kerusi yang dimenangi.

Kedudukan parti-parti yang mempunyai sokongan pengundi-pengundi yang terbesar dalam pilihanraya tahun 1986 adalah seperti berikut:

UMNO .. .. .	1,474,063 undi	31.06% dari jumlah undi
DAP .. .. .	968,009 ..	20.3% .. .. .
PAS .. .. .	718,891 ..	15.15% .. .. .
MCA .. .. .	589,289 ..	12.42% .. .. .
Gerakan .. .. .	149,644 ..	3.15% .. .. .
MIC .. .. .	104,701 ..	2.2% .. .. .

Adalah ternyata dari keputusan-keputusan pilihanraya tadi bahawa DAP telah muncul sebagai parti politik yang kedua terbesar sekali di Malaysia (*Tepuk*) dari segi undi-undi popular dan undi-undi yang diperolehi oleh DAP adalah lebih banyak dari jumlah undi yang diperolehi oleh MCA, Gerakan, MIC, semua bertambah (*Tepuk*).

Berbanding dengan keputusan Pilihanraya Umum tahun 1982, DAP telah dapat menambahkan jumlah undi yang diperolehinya dari 748,209 kepada 968,009, pertambahan sebanyak 219,800 undi atau 22.71%; sementara undi UMNO cuma menambah jumlah undi sebanyak 10.18%, undi MCA merosot sebanyak 13.11% (masuk jalan belakang), Gerakan menambah undinya sebanyak 2% walaupun MIC memperolehi tambahan undi sebanyak 23.76%.

ketidakadilan dan ketidakseimbangan sistem demokratik di Malaysia dapat dilihat apabila kita membandingkan undi popular dengan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti-parti. Sebagai contoh UMNO dengan sebanyak 1.5 juta pengundi mendapat 83 buah kerusi, sementara DAP yang menerima hampir sejuta undi cuma mendapat 24 buah kerusi sahaja. Kami sepatutnya mempunyai 56 orang Ahli Parlimen sekiranya wujudnya (*Tepuk*) sistem seorang seundi yang benar-benar bermakna.

PAS juga mengalami kerugian secara tidak adil kerana walaupun ia mendapat setengah daripada jumlah undi yang diperolehi oleh UMNO, PAS cuma mempunyai seorang Ahli Parlimen berbanding dengan 83 Ahli Parlimen UMNO.

Dalam keadaan sedemikian, Barisan Nasional dan khasnya UMNO patut bersikap rendah diri (*humble*) tentang kemenangannya yang tidak berdemokratik itu dan bukan melampaungkan tentang kemenangan pilihanraya yang paling cemerlang mereka.

Juga terdapat satu lagi sebab mengapa Barisan Nasional khasnya UMNO patut bersikap rendah diri kerana dari hitungan secara kasar keputusan Pilihanraya Umum tahun 1986, kita boleh menyimpulkan bahawa Barisan Nasional berjaya memperolehi kira-kira 70% sokongan popular orang-orang Melayu dan cuma memperolehi kira-kira sokongan 25% orang-orang bukan Melayu kalau bukan lagi rendah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah silap apabila beliau berkata pada pagi keputusan pilihanraya diketahui bahawa beliau berasa puashati dengan prestasi pilihanraya Barisan Nasional dan bahawa keyakinan rakyat terhadap Kerajaan menunjukkan bahawa tidak

ada apa-apa yang salah sehubungan dengan dasar-dasar Kerajaan seperti dituduh oleh pengkritik-pengkritik. Ini adalah kerana bukan sahaja satu bahagian besar rakyat luar bandar Malaysia telah menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap dasar-dasar Barisan Nasional tetapi semajoriti besar penduduk-penduduk bandar Malaysia telah secara terang-terang menolak dasar-dasar Barisan Nasional dengan tidak mengundikannya.

Dengan kemenangan pilihanraya itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional mempunyai peluang untuk menyekat kehakisan keyakinan awam terhadap Kerajaan dan memulakan tugas untuk memulihkan keyakinan rakyat serta mewujudkan permaufakatan negara.

Malangnya dalam dua bulan selepas pilihanraya ini, peluang untuk menyelesaikan krisis keyakinan ini terlepas begitu sahaja dan apa yang teruk lagi ialah bahawa Kerajaan telah membiarkan krisis keyakinan ini menjadi lebih buruk dan hebat.

Malaysia yang kaya dengan sumber-sumber semulajadi dan penuh dengan tenaga manusia yang berpotensi kini seolah-olahnya tersesak dan tidak tentu arah kerana ia telah hilang keyakinan dalam dirinya sendiri. Rasa malu yang dialami oleh Malaysia dalam Sukan Asia di Korea baru-baru ini di mana bagi buat pertama kali dalam tempoh 12 tahun kita telah gagal merangkul sebarang pingat emas dan ini menggambarkan dengan jelasnya masalah kekurangan keyakinan dalam negara kita.

Semenjak lima tahun kebelakangan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering menasihati rakyat Malaysia supaya memandang ke Timur, untuk mencontohi orang-orang Jepun dan Korea. Korea telah

menambahkan pungen pingat emas; dari 18 pingat emas di Sukan Asia tahun 1978 kepada 28 pingat emas dalam tahun 1982 hingga mencapai kejayaan yang cemerlang baru-baru ini dengan memungut 93 pingat emas, cuma kurang satu pingat sahaja berbanding dengan negeri China.

Saya tidak percaya bahawa terdapat satu komplot Zionis Antarabangsa untuk mensabotajkan pencapaian kita dalam Sukan Asia di Korea. Kekalahan kita dalam Sukan Asia di Seoul merupakan satu kenyataan yang jelas yang menunjukkan bahawa mesti ada sesuatu yang tak kena di Malaysia—organisasi, motivasi dan kepimpinan kita; pendekata, negara kita kini berada di tengah-tengah kesengsaraan krisis keyakinan.

Sekarang saya menghuraikan sebab ketiga kenapa selepas kemenangan majoriti empat-perlima dalam pilihanraya lalu, Kerajaan Barisan Nasional telah gagal menyelesaikan krisis keyakinan ini dan sebaliknya membiarkan krisis ini menjadi lebih hebat dan buruk.

Ucapan Yang Berhormat dari Kok Lanas yang juga adalah bekas Timbalan Menteri di Institusi Hal Ehwal Antarabangsa Singapura memang merupakan salah satu faktor penting yang memburukkan lagi polarisasi kaum.

Ucapan Yang Berhormat dari Kok Lanas di Singapura yang menerima sokongan pemimpin-pemimpin atasan UMNO serta ucapan-ucapan yang dibuat oleh Presiden UMNO, Ketua Pemuda UMNO dan lain-lain pemimpin UMNO dan wakil-wakil di Perhimpunan Agung UMNO sememangnya menjadi faktor yang penting yang mempertingkatkan krisis keyakinan terhadap Kerajaan dan negara.

Ucapan Yang Berhormat dari Kok Lanas di Singapura bahawa orang-orang Cina di Malaysia akan bermain dengan api sekiranya mereka tidak menerima sistem politik kini di Malaysia dan cuba mendapat persamaan dan demokrasi yang lebih adalah amat provokatif, menaikkan perasaan dan bersifat hasutan, racialist, chauvinistic, dan disloyal (*Tepuk*).

Adalah tidak penting sekiranya ucapan Yang Berhormat dari Kok Lanas di Singapura menggambarkan pandangannya sendiri, tetapi memandangkan liputan penuh yang diberikan kepada ucapan dalam suratkhbar Bahasa Malaysia dan Inggeris, maka adalah jelas bahawa ucapannya telah menerima kebenaran daripada pihak tertinggi politik kerana liputan sedemikian lazimnya dikhaskan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja.

Tesis Yang Berhormat dari Kok Lanas yang menyatakan bahawa politik Malaysia adalah berdasarkan kepada dominasi politik orang Melayu telah disokong penuh oleh Menteri-menteri UMNO seperti Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian serta Ketua Pemuda UMNO yang menyuarakan sokongannya menerusi ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Pemuda UMNO dua minggu lalu.

Yang Berhormat dari Kok Lanas berkata bahawa Dasar Ekonomi Baru patut dikekalkan dan untuk menegaskan dominasi orang Melayu dalam sistem politik selaras dengan kontrak tahun 1957 dan walaupun selepas tahun 1990 perlu ada mekanisme untuk memelihara, melindungi dan mengembangkan dominasi politik orang Melayu dalam satu sistem yang berinvolve.

Tuan Yang di-Pertua, hujah novel yang menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah bertujuan untuk memelihara, melindungi dan

mengembangkan dominasi politik orang Melayu semestinya mengejutkan rakyat Malaysia dan mengejutkan saya sendiri khususnya orang-orang bukan Melayu kerana sejauh kefahaman mereka, Dasar Ekonomi Baru tidak bermaksud sedemikian.

Jika objektif Dasar Ekonomi Baru sebenarnya adalah untuk memelihara, melindungi dan mengembangkan dominasi politik orang Melayu, maka Kerajaan Barisan Nasional telah mengelirukan rakyat Malaysia tentang matlamat sebenar Dasar Ekonomi Baru. Saya berada dalam Dewan yang mulia ini apabila Dasar Ekonomi Baru mula-mula diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua tahun 1971-1975, tetapi saya teringat tidak sesiapa pun Menteri atau pemimpin Kerajaan yang menggariskan bahawa objektif Dasar Ekonomi Baru ialah untuk memelihara, melindungi dan mengembangkan dominasi politik orang Melayu. Apakah MCA, MIC dan Gerakan yang sama-sama mencipta dan menganjurkan Dasar Ekonomi Baru ini telah menghampakan rakyat Malaysia, khasnya orang bukan Melayu dan orang Cina, dengan memberi sokongan kepada "tujuan sulit" Dasar Ekonomi Baru itu.

Biarlah saya menyatakan di sini bahawa jika objektif sebenar Dasar Ekonomi Baru adalah untuk memelihara, melindungi dan mengembangkan dominasi politik orang Melayu, maka Dasar Ekonomi Baru seharusnya dimansuhkan sekarang juga (*Tepuk*) kerana rakyat Malaysia tidak pernah memberi sokongan mereka kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru seumpama itu. Juga massa Melayu tidak akan memperolehi apa-apa faedah daripada objektif Dasar Ekonomi Baru seumpama itu kerana orang-orang yang menerima faedah daripada objektif sedemikian ini adalah segelintir elit-elit politik UMNO semacam Yang Berhormat dari Kok Lanas yang akan



menggunakan kuasa politik mereka untuk mengumpulkan kekayaan bagi diri sendiri. Saya bersetuju secara bersyarat . . . . .

**Tuan Ismail bin Said:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sebutkan Peraturan Mesyuarat berapa.

**Tuan Ismail bin Said:** 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** 60?

**Tuan Ismail bin Said:** 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** 26?

**Tuan Ismail bin Said:** 36(6)  
"Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain."

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, tidak payah sebutkan kandungannya hanya nombornya sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti sekejap Yang Berhormat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Diamlah.

**Tuan Ismail bin Said:** 36(6). Tuan Yang di-Pertua, daripada ucapan wakil dari Tanjong tadi telah pun membayangkan sangkaan jahat dilemparkan kepada Ahli dari Kok Lanas. Jadi saya minta Yang Berhormat dari Tanjong menarik balik sangkaan beliau itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu tanya apa sangkaan jahat itu. Bolehkah Yang Berhormat dari Kok Lanas sendiri menjelaskan apa sangkaan jahat yang saya kemukakan. Beliau lebih tahu, saya tunggu dia *(Tepuk)*.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tunggulah, Speaker pun ada, cukuplah.

**Seorang Ahli:** Jawab!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tunggu Yang Berhormat dari Kok Lanas, Tuan Yang di-Pertua, sama ada beliau sangka saya ada impute improper motive. Saya tanya Yang Berhormat dari Kok Lanas apa improper motive yang saya kemukakan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan, jangan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Duduk, tunggu arahan Speakerlah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila sambung.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan qualified dengan Yang Berhormat dari Kok Lanas bahawa salah satu hakikat politik atau political reality di Malaysia adalah dominasi politik orang-orang Melayu dan oleh itu saya tidak nampak mana-mana orang bukan Melayu menjadi Perdana Menteri Malaysia dalam generasi saya.

Walau bagaimanapun sekiranya ada sesiapa yang tidak mengendahkan Kontrak Merdeka 1957 dan juga tidak mengendahkan lain-lain hakikat politik di Malaysia, maka orang itu adalah Yang Berhormat dari Kok Lanas dan pemimpin-pemimpin UMNO yang setuju dengannya.

Dalam menghuraikan bukan sahaja teori mengenai dominasi politik orang Melayu dalam tahun 1957 tetapi juga mengembangkan dominasi politik orang Melayu selepas tahun 1990, Yang Berhormat dari Kok Lanas sebenarnya telah mengutarakan satu teori yang paling racist, chauvinistik dan anti-Malaysia *(Tepuk)*. Kalaulah

Malaysia ingin berjaya sebagai sebuah negara, maka adalah mustahak bagi semua pemimpin-pemimpin dan rakyat Malaysia mengenali serta menghormati berbagai realiti politik yang wujud dalam sistem politik kita. Realiti ini termasuk pada pertamanya . . . .

**Dato' K. Pathmanaban:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Wah, sudah menjadi pembela Yang Berhormat dari Kok Lanas (*Ketawa*).

**Dato' K. Pathmanaban:** Mahu beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Nampaknya mahu jadi pembela Yang Berhormat dari Kok Lanas.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . .

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu beri jalan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Takut!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya rasa Yang Berhormat dari Kok Lanas sendiri pun boleh membela dirinya, tidak payah MIC.

**Dato' K. Pathmanaban:** Takut!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, realiti ini termasuk pada pertamanya hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan rakyat Malaysia boleh bersemaufakat dan berjaya hanya dengan semangat saling hormat menghormati hak-hak asasi politik, kewarganegaraan dan pelembaan setiap orang. Tidak sesiapa pun yang seharusnya cuba menghakis hak-hak

kewarganegaraan orang-orang lain, seperti dicuba oleh ahli-ahli teori mengembangkan dominasi politik orang Melayu melalui Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990.

Orang-orang yang menerima teori ini membahagikan rakyat Malaysia ke dalam dua kelas warganegara, kelas pertama yang bukan sahaja dominan dari segi politik tetapi juga mengembang tanpa had dominasi politik mereka; dan warganegara kelas kedua, yang bukan sahaja didominasi secara politik tetapi juga dijangka menjadi lebih didominasi dan subservient dengan laluan masa.

Saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan sama ada beliau menerima matlamat Dasar Ekonomi Baru ini yang bertujuan mengembang dominasi politik orang Melayu dan sama ada ini menjelaskan mengapa selepas Dasar Ekonomi Baru dua urusan penyusunan semula sempadan-sempadan kawasan pilihanraya yang memusatkan kuasa politik dalam tangan orang-orang Melayu dan penghakisan sering hak-hak dan kedudukan politik orang-orang bukan Melayu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata dalam ucapan Presidennya dalam Perhimpunan Agung UMNO bahawa "kami tidak berniat untuk merampas hak orang-orang lain, tetapi jangan sekali orang-orang lain merampas hak-hak kami." Bagaimanakah UMNO boleh mengatakan bahawa ia tidak merampas hak-hak sesiapa jikalau ia sendiri menuntut untuk mengembang dominasi politik? Atau apakah hak UMNO juga meliputi tujuan mengembangkan dominasi politik orang Melayu dalam sistem politik Malaysia?



Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Berhormat dari Kok Lanis di Singapura yang mengatakan bahawa ada orang-orang Melayu di Malaysia yang lebih suka berkongsi kemiskinan dengan Indonesia dari melihat kedudukan politik mereka dihakiskan adalah paling jahat dan bersifat hasutan kerana semenjak kemerdekaan dalam tahun 1957 kedudukan politik orang-orang bukan Melayu tidak pernah dihakiskan—apa-apa yang dihakiskan ialah kedudukan politik orang-orang bukan Melayu.

Saya tidak ragu-ragu bahawa sekiranya saya menyuarakan di mana-mana tempat di dunia ini bahawa ada orang di Malaysia yang lebih suka berkongsi kemiskinan dengan negeri China atau Saudara saya Yang Berhormat P. Patto dari Ipoh ada kata bahawa ada orang India di Malaysia yang lebih suka berkongsi kemiskinan dengan India daripada melihat kedudukan politik mereka dihakiskan, sudah pasti kami akan dituduh oleh Yang Berhormat dari Kok Lanis dan lain-lain pemimpin UMNO sebagai tidak setia kepada negara, penderhaka dan akan menyaran bahawa tindakan yang seberat-beratnya diambil terhadap kami. Mengapa Yang Berhormat dari Kok Lanis dan pemimpin-pemimpin UMNO tidak dituduhkan sedemikian?

Biarlah saya memberitahu Yang Berhormat dari Kok Lanis bahawa setiap rakyat Malaysia, sama ada dia seorang Melayu, Cina, India, Kadazan ataupun Iban hendaklah setia kepada Malaysia (*Tepuk*) dan tidak sesiapa pun yang boleh mendakwa bahawa kesetiaannya adalah terkecuali daripada sebarang syak wasangka, seterusnya dan pula melakukan kegiatan-kegiatan atau mengeluarkan pandangan-pandangan yang bersifat pengkhianat. Ini menjadi lebih relevan apabila kita mengingat bahawa terdapat banyak negara-negara yang mempunyai rangkaian perkhidmatan

perisik yang mencuba untuk membeli kesetiaan rakyat Malaysia demi menjayakan tujuan-tujuan mereka.

Yang Berhormat dari Kok Lanis sepatutnya lebih mengetahui hal ini daripada orang lain kerana pada bulan Februari 1977, beliau telah membuat pengakuan menerusi televisyen tentang kegiatan-kegiatan pro-komunisnya, dan beliau mengaku bahawa ia mempunyai hubungan dengan pegawai-pegawai dan kedutaan-kedutaan asing di Kuala Lumpur semenjak tahun 1968 lagi dan mereka pastilah terdiri dari agen-agen Kedutaan Soviet Russia dan ejen-ejen KGB\* dan bahawa beliau tertarik kepada dan seterusnya bersetuju dengan tesis bahawa pengambilan-alih kuasa di Asia Tenggara oleh pihak Kominis adalah satu kejadian yang tidak boleh dielakkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanis telah berkata dalam temuramahnya melalui televisyen bahawa beliau merasa masa depan negara akan menjadi amat muram selepas kejatuhan Saigon dan kemenangan komunis di Indo-Cina, dan pegawai-pegawai dari kedutaan-kedutaan asing itu memberitahunya pilihan yang tunggal bagi orang Melayu dan bumiputera ialah untuk menerima jenis komunisme yang diperjuangkan oleh mereka.

Ketua Polis Negara ketika itu dan sekarang, Tan Sri Haniff Omar berkata pada masa itu bahawa Yang Berhormat dari Kok Lanis ditangkap kerana penglibatannya dalam membantu kegiatan-kegiatan Barisan Bersatu Komunis. Parlimen dan rakyat Malaysia berhak mendapat penjelasan penuh daripada Yang Berhormat dari Kok Lanis mengenai pengakuan televisyennya yang dibuat dalam bulan Februari, 1977.

Apakah kenyataan Ketua Polis Negara itu benar atau beliau cuma membohong dan apakah pengakuan

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas itu benar atau beliau membohong? Dan jika pengakuannya itu adalah dusta, mengapakah beliau membuat pengakuan itu. Apakah beliau diseksa oleh pihak Cawangan Khas atau di "brain-washed" dari segi psikologi untuk melakukan sesuatu bertentangan dengan kemahuannya?

Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri dan pemimpin UMNO yang lain sedar bahawa ramai orang bukan Melayu merasa bimbang terhadap masa depan negara ini serta masa depan anak-anak mereka dan juga terdapat ahli-ahli perniagaan yang sedang menimbang sama ada menarik balik pelaburan tempatan mereka dan menanamnya di luar negeri selepas mendengar ucapan-ucapan yang begitu ekstrim dan chauvinistic dari Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas dan para pemimpin UMNO yang lain. Jadi, tidaklah menghairankan bahawa selepas pilihanraya umum Ogos lalu, keyakinan awam terhadap negara dan Kerajaan telah menerima pukulan yang lebih hebat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab keempat yang mempertingkatkan krisis keyakinan ialah keengganan Kerajaan Barisan Nasional untuk memberi satu pengakuan penuh ke atas berbagai skandal yang berlaku di negara serta membawa penjenayah-penjenayah dan penjahat-penjahat yang terlibat ke muka pengadilan.

Umpamanya, skandal BMF sebanyak \$2.5 billion masih belum lagi diselesaikan berhubung dengan soal siapakah yang menjadi "masterminds" di sebalik skandal kewangan dan bank yang terbesar sekali di Malaysia. Juga tiada apa-apa percubaan dibuat untuk mengesan bagaimana wang yang didapati di Malaysia datang balik mengalir ke Malaysia digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikesali ialah percubaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memutarbelitkan secara ras skandal BMF itu dalam ucapan Presidennya kepada UMNO dengan membayangkan bahawa pengkritik-pengkritik skandal BMF mengkritik skandal itu disebabkan BMF adalah skandal orang-orang bumiputera. Biarlah saya meyakinkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa bagi Parti DAP, kami kutuk sama sekali semua jenis skandal, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawai awam baik pun mereka terdiri orang-orang Melayu, Cina, India, Kadazan atau Iban.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertanya mengapa BMF dijadikan satu skandal, walhal tindakan beberapa orang ahli bank Malaysia, bukan dari Bank Bumiputera, yang menyalahgunakan wang dua buah bank di Hongkong tidak diberi apa-apa perhatian dan bahawa di sebabkan mereka, imej rakyat Malaysia terjejas di kalangan ahli-ahli bank di luar negara.

Ini adalah berita baru kepada saya dan saya pasti juga kepada rakyat Malaysia yang lain. Bagaimanakah kita dapat memberi perhatian kepada skandal-skandal yang kita tidak tahu langsung. Menurut akhbar Business Times, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya menyentuh Ka Wah Bank dan Overseas Trust Bank di Hong Kong.

Sekiranya apa yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah benar, yakni ahli-ahli bank Malaysia telah menyebabkan imej kewangan dan bank antarabangsa Malaysia tercemar, maka beliau berwajib membentangkan satu Kertas Putih mengenai kegiatan ahli-ahli bank tersebut serta menyatakan identiti mereka supaya mereka akan dikehendaki menjawab

kepada rakyat Malaysia. Saya ingin meyakinkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa sebaik sahaja beliau mengemukakan bukti mengenai pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh ahli-ahli bank Malaysia di kedua-dua bank Hong Kong itu, Parti DAP akan menuntut tanpa henti-henti agar tindakan diambil terhadap mereka sepertimana kita telah menuntut supaya tindakan diambil terhadap pesalah-pesalah BMF.

Profesor Ozay Mehmet yang pernah menjadi Profesor Pelawat di Institut Pengkajian Tinggi, Universiti Malaya, dari tahun 1983 hingga 1984 telah dalam buku terbarunya berjudul, dengan izin, "Development in Malaysia—Poverty, Wealth and Trusteeship" mensifatkan Dasar Ekonomi Baru sebagai, dengan izin, "as a strategy of development by trusteeship" di mana "the ruling elites, in assuming the role of trustees, have emerged as a cartel. In the process, they have effectively cornered economic planning and decision-making to enrich themselves while paying lip-service to poverty eradication."

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang paling baik sekali mengenai pembangunan Dasar Ekonomi Baru menerusi pemegang amanah di mana pemegang amanah bukan sahaja mengelakkan pengakuan patronage politik sedemikian berlaku dalam kes UMBC.

Akhbar Berita Minggu yang dimiliki oleh UMNO dalam melaporkan penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai pembelian asalnya saham-saham UMBC telah memberi berita tersebut tajuk: "Pembelian Kehendak UMNO—Saham UMBC dibeli untuk menguatkan Melayu."

Kini saham-saham UMBC yang dimiliki oleh syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri Kewangan bernama Daan Sdn Bhd dan Dani Sdn Bhd dijual kepada sebuah pertubuhan Kerajaan iaitu PERNAS kononnya sekali lagi demi kepentingan orang-orang bumiputera. Tetapi siapa yang beruntung dan memperolehi berjuta-juta ringgit akibat pembelian dan penjualan saham-saham UMBC itu?

Dasar Ekonomi Baru kini telah disamakan dengan urusan-urusan perniagaan yang boleh dipersoalkan yang melibatkan pemimpin-pemimpin dan elit-elit politik dan sekiranya Kerajaan Barisan Nasional ingin memulihkan keyakinan awam dalam komitmennya untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang "Bersih, cekap dan amanah", maka ia hendaklah bersedia membenarkan segala urusan UMBC yang melibatkan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan syarikat-syarikat keluarganya untuk pemeriksaan dan penelitian awam supaya dapat memuaskan pendapat awam bahawa tidak berlaku apa-apa percanggahan kepentingan di mana-mana peringkat dalam saga UMBC.

Kerajaan hendaklah memberi satu penjelasan yang penuh mengenai urusan UMBC yang melibatkan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan syarikat-syarikat keluarganya dalam tahun 1984, 1985 dan 1986 dengan menjawab khususnya soalan-soalan berikut:

- (i) sama ada berlaku apa-apa percanggahan kepentingan atau ketidak-sahihan dari segi undang-undang apabila ke-lulusan diberi dalam tahun 1984 untuk pembelian 40.7% saham-saham UMBC oleh syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana Encik Daim Zainuddin telah pun menjadi

Menteri Kewangan dan mengikut Seksyen 24 Akta Bank, adalah menjadi tanggungjawab undang-undang Menteri Kewangan untuk meluluskan mana-mana penyusunan semula bank;

- (ii) adakah terdapat apa-apa percanggahan kepentingan ataupun ketidak-sahihan dalam kelulusan yang diberi dalam tahun 1985 kepada Syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menambah pemilikan UMBC dari 40.7% kepada 50.4% bagi sebab yang sama;
- (iii) mengapakah penguasaan majoriti UMBC oleh syarikat-syarikat keluarga DAIM Zainuddin pada bulan Jun 1985 dilakukan secara senyap-senyap dengan tanpa sebarang pengumuman atau pemberitahuan awam sehingga akhbar Asian Wall Street Journal melaporkannya 10 bulan kemudian dalam keluarannya bertarikh 30hb April, 1986;
- (iv) adakah terdapat apa-apa percanggahan kepentingan amalan-amalan curang ataupun ketidaksahihan di mana penguasaan majoriti 50.4% oleh syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam sebuah bank yang ketiga terbesar di Malaysia disiapkan dua bulan sebelum peraturan-peraturan baru Kerajaan yang menghadkan pemilikan equiti dalam bank dan syarikat kewangan kepada 10% bagi pemegang-pemegang saham individu termasuk syarikat-syarikat kepunyaan keluarga dan 20% bagi badan-badan dikuatkuasakan;

(v) apakah terdapat percanggahan kepentingannya amalan amalan curang ataupun penyalahgunaan kuasa di mana syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri menggunakan pengaruh Menteri Kewangan untuk memperoleh pinjaman sebanyak \$164 juta daripada sebuah bank asing di Singapura untuk membeli penguasaan majoriti UMBC dengan tidak membelanjakan walaupun se sen pun dari modalnya sendiri;

(vi) adakah benar bahawa PERNAS tidak dibenarkan membeli tujuh juta saham-saham terbitan UMBC dengan harga \$4.50 sesaham pada tahun 1985, dan di mana semua saham ini kemudiannya dibeli oleh syarikat-syarikat keluarga Daim Zainuddin; jika benar, beri sebab-sebabnya;

(vii) apakah benar bahawa PERNAS akan membayar syarikat-syarikat keluarga Y.B. Menteri sebanyak \$9 bagi setiap saham untuk 50.4% saham yang dimiliki oleh syarikat-syarikat tersebut dalam UMBC yang akan berjumlah sebanyak \$350 juta hingga \$400 juta, dan ini akan memberi keuntungan sebanyak \$100 juta kepada syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri Kewangan akibat urusaniaga saham-saham UMBC itu;

(viii) adakah benar bahawa pembelian ekuiti 50.4% dalam UMBC dan syarikat-syarikat Yang Berhormat Menteri oleh PERNAS telah diluluskan oleh Pemangku Menteri Kewangan semasa Menteri

Kewangan berada di luar negeri selepas Perhimpunan Agung UMNO; dan

- (ix) apakah Kerajaan sedia untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen untuk mengkaji pembelian ekuiti 50.4% dalam UMBC yang dimiliki oleh syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri oleh PERNAS sebelum keputusan muktamad dibuat oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sidang Dewan Rakyat yang dijadualkan berlangsung pada bulan Julai lepas ditangguhkan dan selepas itu Dewan Rakyat pula dibubarkan disebabkan sebahagiannya oleh kerana Ahli-ahli Parlimen DAP telah menghantar soalan-soalan mengenai skandal UMBC, skandal pembelian bijih timah secara misteri di London dan skandal EPF-Makuwasa.

Yang Amat Berhormat sedar bahawa Kerajaan tidak boleh menangguhkan lagi untuk memberi penjelasan umum tentang ketiga-tiga skandal ini, kerana Ahli-ahli Parlimen DAP telah memberi notis untuk membangkitkan skandal ini dalam Persidangan Pertama Dewan Rakyat yang Ketujuh. Yang Amat Berhormat mengambil keputusan untuk memberi penjelasan awal mengenai ketiga-tiga skandal ini dalam ucapan Presidennya di Perhimpunan Agung UMNO. Apa yang dijelaskan olehnya mengenai ketiga-tiga skandal ini adalah tidak memuaskan.

Kerajaan Barisan Nasional tidak bersikap jujur dengan rakyat Malaysia kerana sungguhpun ketiga-tiga skandal tersebut didedah oleh DAP pada bulan Mei tahun ini, Kerajaan enggan memberi apa-apa penjelasan sebelum pilihanraya umum yang berlangsung pada 3hb Ogos lalu terutama sekali berhubung dengan UMBC dan skandal pembelian bijih timah secara misteri.

Rakyat Malaysia berhak diberi satu perakaunan dan penjelasan yang penuh mengenai operasi membeli bijih timah di London pada 1981, kerana wang awam terbabit. Dengan ini DAP menyarankan supaya suatu Suruhanjaya Penyiasatan ditubuhkan ke dalam pembelian bijih timah secara misteri di London supaya dapat memastikan kerugian yang dialami oleh Malaysia, kebijaksanaan atau sebaliknya operasi pembelian bijih timah secara misteri, mengapa operasi ini gagal dan kesan-kesan buruknya terhadap ekonomi Malaysia serta perusahaan bijih timah.

Adalah jelas daripada ucapan Yang Amat Berhormat bahawa beliau sangat takut untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Penyiasatan, menubuh ahli-ahli penyiasatan sedemikian sebagai tidak adil dan objektif. Saya pasti bahawa beliau merujuk kepada Jawatankuasa Penyiasatan BMF Ahmad Noordin kerana Jawatankuasa tersebut dapat membongkarkan lebih daripada apa yang disangkakan walaupun ia mempunyai syarat-syarat rujukan dan kuasa yang terhad.

Bagaimanapun, Suruhanjaya-suruhanjaya Penyiasatan bukanlah bertujuan untuk menyukai atau sebaliknya Kerajaan atau Perdana Menteri tetapi untuk membolehkan rakyat jelata memastikan sama ada tindakan-tindakan Kerajaan atau Perdana Menteri benar, wajar dan dilakukan demi kepentingan awam atau sebaliknya. Janganlah kita lari daripada hakikat bahawa dalam operasi membeli bijih timah secara misteri di London, Kerajaan Barisan Nasional yang kena ditubuh, dan kecuafi operasi tersebut diserahkan kepada satu Suruhanjaya Penyiasatan, rakyat akan membuat kesimpulan buruk bahawa Kerajaan ingin menyembunyikan segala-galanya daripada orang awam.

Yang Amat Berhormat berkata bahawa operasi membeli bijih timah



secara misteri itu diluluskan oleh Kabinet pada tahun 1980 dan mungkin berjaya jika tidak ditipu oleh Pertukaran Logam London (London Metal Exchange). Kalau dakwaan Yang Amat Berhormat itu benar, sebuah Suruhanjaya Penyiasatan akan membuktikan pengesahan tindakan Kerajaan dan beliau patut mengalu-alukan penyiasatan umum sedemikian.

Ahli-ahli Parlimen tidak boleh menyapu operasi membeli bijih timah secara misteri di London di bawah permaidani kerana adalah dianggarkan Malaysia telah mengalami kerugian sebanyak \$500-\$600 juta akibat operasi itu. Bank-bank terutamanya Bank Bumiputra juga akan mengalami kerugian yang besar kerana membiayai operasi membeli bijih timah yang gagal itu.

Laporan-laporan Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin sebanyak 15 jilid membuat rujukan yang agak menarik terhadap sebuah syarikat dengan modal berbayar \$2 iaitu Maminco yang ditubuhkan dalam bulan Jun, 1981 untuk menguruskan pembelian bijih timah. Dalam Jilid I Exhibit Iktisar Khas III, terdapat catatan mesyuarat antara Gabenor Bank Negara pada masa itu, Tan Sri Abdul Aziz Taha dan Pengerusi Bank Bumiputera, Dr Nawawi Mat Awin yang mengatakan, dengan izin:

"9. In reply to Governor's query, Dr Nawawi said . . . Bank Bumiputra's London branch was lending about US\$200 million to BMFL, while its Singapore branch was lending about US\$100 million. He added that there was no problem loans at the overseas branches, although Bahrain branch may have a problem on its loans to MAMINCO."

Berapakah jumlah pinjaman yang diberi kepada Maminco oleh Bank

Bumiputra serta institusi-institusi kewangan yang lain untuk membiayai pembelian bijih timah secara misteri di London? Pemeriksaan di Pendaftaran Syarikat menunjukkan bahawa Maminco belum lagi membentangkan penyata tahunannya sejak penubuhannya pada tahun 1981. Dari sebuah syarikat swasta yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, ia secara mendadak menjadi sebuah Jabatan Kerajaan apabila ia disenaraikan di bawah Kementerian Kewangan dalam Buku Panduan Telefon 1985. Dan Buku Panduan Telefon 1986 pula ditahan daripada disebarkan apabila Maminco muncul sekali lagi sebagai Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Kewangan. Apakah sebabnya berlakunya kesilapan-kesilapan ini yang agak komikal tetapi mahal, dengan izin, expensive comedy of errors.

Bagaimanakah Kerajaan merecoup balik kerugian besar yang dialami dalam operasi pembelian bijih timah di London ini? Yang Amat Berhormat telah menyentuh peristiwa Makuwasa yang saya akan bicarakan nanti. Saya difahamkan bahawa ada satu rancangan Kerajaan yang lain untuk merecoup balik kerugian dengan menggunakan "Wang Perkhidmatan Sulit" (Secret Service Vote) dari Belanjawan untuk membayar balik pinjaman Maminco yang diambilnya dari Bank Bumiputra. Wang Perkhidmatan Sulit adalah dikhaskan untuk aktiviti-aktiviti keselamatan dan perisikan Kerajaan dan bukan untuk menyelamatkan Kerajaan dari kegagalan aktiviti-aktiviti ekonomi. Kalau ini benar, maka terjadilah satu precedent yang sangat merbahaya kerana "Wang Perkhidmatan Sulit" ini yang tidak pernah diserahkan untuk tujuan audit mungkin digunakan untuk menyelamatkan bakal skandal-skandal BMF tanpa pengetahuan umum pada masa-masa akan datang!

Satu lagi aspek serius operasi pembelian bijih timah di London pada

tahun 1981 oleh Kerajaan kita ialah sama ada ia adalah penyebab yang mengakibatkan kejatuhan operasi stok penimbal Majlis Timah Antarabangsa pada bulan Oktober 1985 kerana ia telah mewujudkan kelebihan bijih timah dalam pasaran yang menjejaskan harga bijih timah dan seterusnya mengakibatkan potongan pengeluaran serta penutupan beberapa lombong bijih timah.

Aspek ketiga adalah berhubung dengan kebijaksanaan tindakan pembelian bijih timah seumpama itu oleh Kerajaan. Adalah dipercayai bahawa Kerajaan Malaysia dipujuk untuk melancarkan gerakan pembelian bijih timah di London untuk menyokong harga bijih timah dan juga kemudian menguasai atau corner pasaran bijih timah menerusi seorang Yahudi dari Mesir bernama David Zaidner yang mempunyai reputasi yang buruk yang bertindak sebagai agen kepada sebuah syarikat broker komoditi antarabangsa bernama Marc Rich & Co yang beribu pejabat di Switzerland. David Zaidner pernah dituduh dahulu sebagai mencuba menyuap pengurus stok penimbal Majlis Timah Antarabangsa supaya melepaskan jumlah angka-angka simpanan bijih timah yang mana angka-angka tersebut sengaja direndahkan dengan tujuan mewujudkan keadaan pergelutan pasaran; dan beliau juga pernah cuba memberi cadangan cornering pasaran bijih timah kepada pihak berkenaan di Indonesia dalam tahun 1980 tetapi ditolakkan.

Nampaknya Zaidner lebih berjaya di Malaysia kerana cadangan-cadangannya diterima dengan segera oleh pihak berkuasa Malaysia. Adakah ini menjadi mengapa baru-baru Yang Amat Berhormat kita sering menubuh bahawa terdapat komplot Zionis antarabangsa yang cuba mensabotajkan ekonomi Malaysia berdasarkan kepada pengalaman

Kerajaan dalam pembelian bijih timah secara misteri di London dan kepercayaan serta keyakinannya terhadap David Zaidner?

Yang Amat Berhormat menyalahkan London Metal Exchange (LME) atas kegagalan Kerajaan dalam operasi pembelian bijih timah untuk menguasai pasaran antarabangsa kerana LME telah mengikutnya "menipu" dengan mengubah syarat mengenai short-selling di mana seorang saudagar bijih timah yang gagal memenuhi syarat penjualan pada tarikh yang ditetapkan cuba dikenakan denda sebanyak £120 setiap tan bagi setiap hari ia gagal menghantar bijih timah yang dipesankan.

Walau bagaimanapun, pakar-pakar analisa perusahaan bijih timah percaya bahawa operasi pembelian bijih timah sememangnya akan gagal walaupun L.M.E. telah mengubah syarat-syarat pembelannya kerana faktor-faktor lain.

Sudahkah Malaysia menjual semua bijih timah yang dikusainya dalam operasi London pada tahun 1981 itu, dan berapakah kos yang terpaksa ditanggung oleh rakyat Malaysia?

Parlimen bagi pihak rakyat Malaysia mesti menegaskan bahawa satu perakaunan yang penuh diberi mengenai kegiatan pembelian bijih timah yang gagal ini dan bahawa satu penyiasatan yang bebas dan penuh diadakan ke dalam operasinya dan seterusnya melaporkan penemuannya kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat telah berkata dalam Perhimpunan Agong UMNO bahawa Skandal KWSP-Makuwasa sebenarnya adalah satu rancangan Kerajaan untuk merekup semula kerugian yang dialami akibat operasi pembelian bijih timah secara misteri di London.

Antara bulan Jun 1984 hingga bulan Mac 1985, KWSP telah melaburkan sebanyak \$12.8 juta dalam 13 buah kaunter saham, dan kemudiannya mengalami kerugian sebanyak \$10 juta apabila ia menjual 70% daripada saham-saham tersebut kepada Makuwasa Securities Sdn Bhd dengan harga yang di bawah harga pasaran.

Yang Amat Berhormat berkata bahawa "sebenarnya" saham-saham yang dipindahkan kepada Makuwasa dari KWSP bukan dimiliki oleh KWSP sendiri kerana saham-saham itu adalah dikhaskan untuk orang-orang bumiputra dan harganya adalah rendah daripada harga pasaran. Yang Amat Berhormat berkata bahawa KWSP tidak diperuntukkan apa-apa saham untuk dipegang bagi pihak orang-orang bumiputera kerana KWSP bukanlah sebuah badan bumiputra yang diiktirafkan. Peruntukan itu dibuat kepada KWSP semata-matanya untuk memindahkan saham-saham tersebut kepada Makuwasa kelak di mana keuntungannya akan disalurkan kepada Kerajaan.

Mengapakah perlunya bagi Kerajaan untuk melibatkan KWSP dalam pemindahan saham-saham itu yang dilakukan secara "round-about route" sedangkan saham-saham itu yang kononnya dikatakan sebagai saham-saham yang dikhaskan untuk orang-orang bumiputera boleh diperuntukkan secara langsung kepada Makuwasa? Bagaimanakah sebuah syarikat dengan modal berbayar \$2 boleh ditubuhkan untuk menjadi sebuah "syarikat bumiputra"? Bukankah benar bahawa KWSP kini sedang memegang 30% dari setiap stok dalam 13 buah kaunter saham itu dengan harga yang dikhaskan untuk orang-orang bumiputera walaupun Yang Amat Berhormat pernah berkata bahawa KWSP tidak dibenarkan memegang saham-saham khas untuk bumiputera? Bukankah pihak Kerajaan menghalang syarikat

bumiputera yang tulen daripada memperolehi keuntungan daripada harga yang dikhaskan dalam stok-stok preferential dengan penubuhan Makuwasa bagi membolehkan Kerajaan mendapat keuntungan dalam usahanya untuk merekup semula kerugian yang diakibatkan oleh operasi pembelian bijih timah di London? Tidak ada sesiapa pun yang dapat menegah penyalahgunaan daripada berlaku sekiranya skandal KWSP-Makuwasa tidak dibongkarkan secara awam oleh DAP kerana tidak ada sesiapa pun yang akan tahu jika secara tiba-tiba Makuwasa di jadikan semula sebagai sebuah syarikat persendirian keuntungan hasil dari "hadiah" \$10 juta kelak bagi membolehkan individu-individu persendirian menikmatinya.

Sehubungan dengan ini saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya menyatakan rancangan-rancangan lain Kerajaan ingin mengambil untuk merekup balik kerugian yang dialami akibat operasi pembelian bijih timah di London. Saya difahamkan bahawa Kementerian Kewangan telah menubuhkan sebuah Majlis Penyelarasan Pelaburan yang berkuasa untuk membuat pelaburan dalam saham-saham spekulatif seperti Raleigh, API dan lain-lain stok dengan wang permulaan sebanyak \$200 juta yang diperolehi dari tabung portfolio EPF, SOCSO dan Bank Simpanan Nasional.

Adakah ini satu lagi rancangan Kerajaan untuk menggunakan wang simpanan pekerja-pekerja untuk cuba merekup balik kerugian yang dialami akibat operasi pembelian bijih timah di London itu?

Skandal-skandal UMBC, Pembelian bijih timah di London dan KWSP-Makuwasa memberi satu gambaran yang menakutkan tentang sebuah Kerajaan rahsia yang tidak menjelaskan tindakannya kepada rakyat di mana berjuta-juta dan

berbilion-bilion wang rakyat dibelanjakan seolah-olah wang itu adalah wang kepunyaannya sendiri.

Keengganan Kerajaan untuk memberi satu pengakuan sepenuhnya mengenai urusan ini telah menonjolkan dengan jelas kekurangan kewibawaan dalam Kerajaan dan di kalangan pemimpin-pemimpinnya walaupun wujudnya cogankata Kerajaan "Bersih, Cekap dan Amanah".

Rakyat Malaysia kini terpaksa merenung dengan sedih tentang janji-janji yang dibuat oleh Kerajaan 2M dalam tempoh 100 hari sejak mereka mengambil alih teraju Kerajaan pada bulan Julai 1981 iaitu janji-janji untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah, dan cogankata ini menarik perhatian rakyat serta membolehkan Kerajaan 2M mencapai kemenangan cemerlang dalam pilihanraya umum tahun 1982. Kini cogankata Kerajaan bersih, cekap dan amanah sudah menjadi bahan ketawa yang buruk (*Tepuk*) dan dipandang dengan hina. Ini dengan sendirinya merupakan satu pengukuran terhadap krisis keyakinan di Malaysia.

Dalam ucapan Persidangannya dalam Perhimpunan Agung UMNO, Yang Amat Berhormat telah berkata bahawa terdapat khabar-khabar angin yang mengatakan bahawa Perdana Menteri Malaysia adalah Perdana Menteri yang terkaya sekali di dunia ini.

Apabila saya menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada awal bulan Januari tahun ini untuk memintanya menunaikan janjinya untuk mengumumkan laporan akhir Jawatankuasa Penyiasatan BMF, beliau juga menimbulkan khabar angin ini dan menanya sama ada saya pernah membaca rencana tersebut dalam majalah Fortune.

Saya menjawab bahawa saya tidak percaya khabar angin ataupun kandungan rencana Fortune yang dimaksudkan itu sekiranya ada dan juga menafikan tuduhannya bahawa pihak pembangkanglah yang bertanggungjawab menyebarkan khabar angin itu.

Tetapi kita semua seharusnya fikirkan mengapa khabar angin ini tidak henti-henti sedangkan tidak ada khabar angin sedemikian yang mendakwa bahawa Tun Hussein Onn, Allahyarham Tun Abdul Razak ataupun Tunku Abdul Rahman adalah menjadi Perdana Menteri yang paling kaya sekali apabila mereka memegang teraju Kerajaan.

Tidak ada cara yang lebih berkesan untuk menghapuskan khabar-khabar angin sedemikian melainkan Yang Amat Berhormat mengumumkan secara rasmi aset-asetnya dan keluarganya. Kita seharusnya mengadakan satu undang-undang yang memerlukan semua Menteri, Ahli Parlimen, Menteri Besar, Ketua Menteri, Ahli Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri mengumumkan secara rasmi dari semasa ke semasa aset-aset mereka dan keluarga mereka secara awam demi memastikan kewibawaan semua pemegang jawatan-jawatan awam.

Tidaklah menjadi rahsia bahawa keengganan Yang Berhormat Menteri Kewangan atau Kabinet untuk memberi penjelasan yang memuaskan tentang berbagai urusan keluarga dengan UMBC tidak dapat meninggikan reputasi kewibawaan awam Kabinet Yang Amat Berhormat Dr Mahathir.

Setiap Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen mestilah bersedia menjawab pertanyaan-pertanyaan awam tentang kemungkinan berlakunya conflict of interest ataupun kelakuannya mungkin



menjejaskan kesanggupannya untuk menjalankan tugas atau tanggungjawab rasminya.

Dalam sebuah rencana profile yang diterbitkan dalam majalah Malaysian Business 16hb September, 1986, Timbalan Menteri Pertanian yang baru, Yang Berhormat dari Batu mengakui bahawa semasa beliau mempunyai masalah dengan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Abdul Aziz Taha, masa beliau menjadi General-Manager cum Chief Executive Development and Commercial Bank. Apabila Tan Sri Abdul Aziz Taha mendakwa pada bulan Mac 1984 bahawa beliau telah melanggar Akta Bank, Akta Cukai Pendapatan dan Akta Syarikat semasa beliau memegang jawatan Pengurus Besar merangkap Pengarah Eksekutif Development and Commercial Bank.

Mengikut laporan Malaysian Business, kedua-dua pihak berkompromi apabila masa itu Daim Zainuddin belum menjadi Menteri Kewangan bercampur tangan dan setelah masa itu Yang Berhormat Tuan Alex Lee menulis sepucuk surat setebal 47 muka surat untuk menolak tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Gabenor itu.

Tan Sri Abdul Aziz Taha bukan sahaja menuduh bahawa Alex Lee masa itu telah melanggar Akta Bank, Akta Cukai Pendapatan dan Akta Syarikat, tetapi beliau juga menyoalkan kewibawaan (question the integrity) Alex Lee selaku Pengurus Besar merangkap Pengarah Eksekutif D&C Bank. Ini adalah tuduhan-tuduhan yang tidak boleh "dikompromikan"—dan sekiranya Alex Lee difitnahkan, beliau sepatutnya memulakan tindakan saman malu terhadap Tan Sri Aziz Taha dan bukan berkompromi dengan menggunakan trouble-shooter politik seperti masa itu Daim Zainuddin.

DAP menuntut supaya satu penyiasatan yang penuh dijalankan oleh Parlimen di dalam dakwaan-dakwaan serius yang dibuat oleh Tan Sri Aziz Taha terhadap Alex Lee menerusi suratnya setebal 21 muka.

Jawatankuasa Penyiasat Parlimen juga harus menyiasat ke dalam status dan hak Daim Zainuddin sebagai seorang Ahli Parlimen yang biasa masa itu apabila beliau "bercampur tangan" dalam percubaan Bank Negara untuk mengambil tindakan disiplin terhadap Alex Lee dalam Bank D&C, serta mencampur tangan dalam tugas Gabenor Bank Negara.

Apakah ini yang menyebabkan Tan Sri Abdul Aziz Taha meletakkan jawatannya lebih awal sebagai Gabenor Bank Negara selepas Encik Daim Zainuddin menjadi Menteri Kewangan?

Alex Lee hendaklah dikehendaki memberi satu penjelasan yang penuh dan memuaskan terhadap dakwaan-dakwaan bahawa semasa menjadi Pengurus Besar dan Pengarah Eksekutif Bank D&C, beliau telah menuntut dividen-dividen sebanyak \$78,329.60 yang bukanlah hakmiliknya; membuat pengisytiharan pendapatan palsu kepada Bank Negara yang merupakan satu kesalahan di bawah Akta Bank dan jika didapati salah tertuduh itu boleh dihukum penjara tidak lebih tiga tahun; meluluskan pinjaman-pinjaman kepada syarikat-syarikat tanpa mengisytiharkan kepentingannya dalam syarikat-syarikat yang meminjam itu; menyalahgunakan kuasanya dengan meluluskan pinjaman bernilai berjuta-juta ringgit sedangkan kuasa yang terletak padanya untuk meluluskan kemudahan overdraf dan pinjaman tetap hanya \$20,000 sahaja sehingga bulan November, 1979 yang kemudiannya dinaikkan kepada \$50,000 dan hak overdraf serta



pinjaman tetap dihadkan kepada \$300,000.

Alex Lee juga harus diminta menjelaskan \$150,000 yang beliau menerima daripada Kumpulan Syarikat Nasir Yeo di Sabah sebagai sumbangan kepada tabung kempen pilihanraya umum parti Gerakan untuk pilihanraya umum 1982.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan MCA harus pun menjelaskan pinjamannya bernilai \$20 juta yang diperolehi dari Co-operative Central Bank, yang beliau tidak menserviskannya. (Tepuk).

Yang Berhormat Timbalan Menteri mendapat pinjaman bernilai \$20 juta melalui tanggungan hak pihak ketiga atau third party charge atas sebidang tanah di Wilayah Persekutuan yang dijualkan oleh Supreme Enterprises Sdn Bhd kepada Sri Keladi Sdn Bhd yang beribu pejabat di Tingkat 3, Bangunan MCA, Jalan Seget, Johor Bahru pada 6hb Mei, 1986 dengan harga \$9.6 juta.

Tanah tersebut pada mula-mulanya dikaveatkan oleh Co-operative Central Bank pada 6hb Mei, 1986. Kaveat ini diketepikan pada 24hb Julai, 1986 untuk membenarkan pemindahan geran dari Supreme Enterprises Sdn Bhd kepada Sri Keladi Sdn Bhd dan pada hari yang sama, tanah ini diurusniagakan dengan harga \$9.6 juta, dan seterusnya dijadikan second charge untuk mendapat pinjaman sebanyak \$2.5 juta oleh Sri Keladi Sdn Bhd dari BPK Credit & Leasing Sdn Bhd yang merupakan sebuah anak Syarikat Co-operative Central Bank.

Oleh kerana keyakinan orang ramai terhadap kewibawaan atau integrity pemimpin-pemimpin politik dan pemegang-pemegang jawatan awam telah digoncangkan akibat krisis Pan-EI dan skandal co-operative

kewangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mesti menjelaskan mengapa beliau memperolehi pinjaman \$20 juta dari CCB yang beliau tidak pernah serviskan, apakah ia mempunyai pertalian dengan skandal Pan-EI, dan bagaimana sebidang tanah yang dijualkan dengan harga \$9.6 juta pada bulan Mei, 1986 boleh digunakan sebagai third party charge untuk mendapat pinjaman \$20 juta dan kemudian dijadikan second charge untuk memperolehi pinjaman sebanyak \$25 juta.

Dalam ucapan Presidennya di Perhimpunan Agung UMNO, Yang Amat Berhormat cuba menggambarkan bahawa skandal Pan-EI adalah lebih serius daripada skandal BMF, dan kalau begitu, beliau seharusnya memastikan bahawa tidak seorang pun dalam pentadbirannya mempunyai apa-apa pertalian dengan skandal Pan-EI.

Saya ingin bertanya sama ada pinjaman \$20 juta yang diperolehi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dari CCB bersangkutan-paut dengan krisis Pan-EI, dan beliau seharusnya menjelaskan ini dan juga menerangkan sama ada beliau mendapat pinjaman-pinjaman yang bernilai berjuta-juta ringgit dari koperasi-koperasi yang lain sejak setahun kebelakangan ini.

Seorang ahli ekonomi, Paul Chan telah berkata dalam akhbar hari ini bahawa sistem ekonomi negara telah terlalu dipolitikkan baru-baru ini. Saya setuju bahawa politik telah menjadi medan utama mencari wang, di mana politik telah menjadi jalan singkat di arah kekayaan baru.

Maka dengan ini, tidaklah anih Presiden MIC, Dato' Samy Vellu, telah berkata pada bulan Jun lalu bahawa perniagaan dan politik tidak boleh dipisahkan dan dianggap sebagai entiti

yang berlainan (*Tepuk*). Beliau menggambarkan bahawa pada masa lampau perniagaan adalah perniagaan dan politik adalah politik. Kini, keduanya adalah saling bergantung. Selanjutnya beliau berkata bahawa jikalau tidak ada pengaruh politik, biarpun sebuah syarikat mempunyai modal berbayar \$250 juta tidak akan memperolehi keuntungan walau 20 sen pun.

Dato' Samy Vellu bercakap dengan terus terang tetapi dia patut menambah dengan berkata bahawa dengan pengaruh politik, sebuah syarikat dengan modal berbayar sebanyak \$2 boleh memperolehi keuntungan sebanyak \$20 juta atau \$200 juta (*Tepuk*).

Kemerosotan kewibawaan awam dan moral yang mengejutkan ini adalah disebabkan akibat campur aduk perniagaan dengan politik di mana tidak terdapat apa perbezaan antara apa yang benar dan apa yang salah, kewibawaan dan rasuah, morality dan decadence.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata di New York baru-baru ini bahawa Kerajaan akan menghendaki semua pelajar-pelajar yang baru berhenti sekolah menjalani latihan fizikal dan rohani untuk mereka dibenarkan berlepas ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran atau sebelum mereka mula bekerja.

Beliau berkata negara ini telah sedikit sebanyak gagal dalam usahanya untuk menyemai nilai-nilai seumpama itu di kalangan beberapa pihak dan ini adalah sebab mengapa amalan-amalan curang dan kegiatan-kegiatan jenayah seperti **skandal BME** dan kejadian-kejadian di lain-lain bank, skandal kewangan kooperatif dan peristiwa Pan El menjadi-jadi.

Kursus fizikal dan rohani tersebut tidak dapat langsung menyemai

nilai-nilai moral dan spiritual sekiranya generasi baru Malaysia melihat setiap hari sipenerima rasuah bermaharajalela dan penjenayah-penjenayah bebas menikmati keuntungan yang mereka memperolehi secara haram.

Pemimpin-pemimpin yang mesti menunjukkan teladan taraf moral yang baik dan tinggi dalam negara ini. Oleh sebab inilah sebuah Jawatankuasa Pilihanraya Tetap Parlimen patut ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam semua aduan mengenai percanggahan kepentingan mana-mana anggota pentadbiran atau Ahli Parlimen, sama ada Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen untuk membuktikan dengan cara contoh teladan kepada rakyat Malaysia bahawa kita adalah serius dalam menyemai serta memupuk nilai-nilai moral dan rohani di kalangan rakyat terhadap segala laporan rakyat melalui tauladan. Dan langkah pertama adalah untuk menghentikan politik dijadikan medan untuk mencipta jutawan-jutawan segera.

Tuan Yang di-Pertua, sebab yang kelima mengapa krisis keyakinan kian merosot walaupun Barisan Nasional memperolehi majoriti empat perlima Parlimen ialah cara Kerajaan menguruskan Skandal Kewangan Kooperatif yang melibatkan sebanyak \$1.6 billion yang menjejaskan simpanan seumur hidup 540,000 orang penyimpan-penyimpan yang kebanyakan daripada mereka terdiri daripada orang-orang biasa seperti suri rumahtangga, penaja-penaja, pekerja-pekerja dan peniaga-peniaga kecil.

Selama dua bulan ini, skandal kewangan kooperatif sebanyak \$1.6 billion merupakan satu tragedi bagi hampir setengah juta isi rumahtangga kerana wang ini adalah simpanan seumur hidup mereka dan mengikut pepatah orang-orang Cina, "wang

keranda" mereka, coffin money. Mereka tidak ternampak apa-apa seriusnya di pihak Kerajaan untuk menyelamatkan 540,000 orang yang menjadi mangsa kooperatif-kooperatif kerana apa yang mereka terdengar dari sumber-sumber. Kerajaan membayangkan bahawa mereka terpaksa menanggung kerugian ke atas simpanan mereka, baik pun berdasarkan formulanya "25:25:50" atau "20:20:60".

Kerajaan Barisan Nasional akan melakukan ketidakadilan yang besar sekali terhadap hampir setengah juta isi rumahtangga di Malaysia yang menyimpan wang simpanan seumur hidup mereka dalam 24 buah kooperatif itu kerana Kerajaan telah gagal dalam tanggungjawabnya untuk menjaga kepentingan mereka.

Ahli-ahli Parlimen DAP pernah memberi amaran di Dewan yang mulia ini sejak beberapa tahun ini tentang betapa perlunya bagi Kerajaan mengawal kooperatif-kooperatif yang menerima wang simpanan demi menjaga kepentingan si penyimpan kecil, dan pada bulan April tahun ini, saya juga memberi amaran di Dewan ini kepada Jabatan Koperasi dan Bank Negara bahawa skandal koperasi kewangan mungkin lebih serius daripada skandal BMF dari segi jumlah rakyat Malaysia yang akan terjejas.

Tetapi walaupun Kerajaan sedar betapa besarnya masalah ini, ia dengan sengaja melambat-lambatkan daripada mengambil tindakan kerana takut peluang pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan untuk menang dalam pilihanraya umum akan tergugat. Kerajaan sememangnya betul dalam hal ini, kerana sekiranya tindakan pembekuan ke atas 23 buah koperasi ini yang diambil pada 8hb Ogos sebelum pilihanraya umum Ogos lalu, saya tidak akan nampak seorang Ahli Parlimen dari MCA dan Gerakan di Dewan pada hari ini (*Tepuk*).

Kerajaan telah lalai dan bersikap tidak bertanggungjawab kerana ia mengorbankan simpanan 540,000 depositer-depositer untuk melindungi peluang politik pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan dalam pilihanraya umum. Sehingga saat terakhir sebelum berlakunya pembekuan ke atas koperasi-koperasi, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional khasnya Menteri dari MCA dan Gerakan masih cuba memperdayakan rakyat dengan menyatakan kepada mereka bahawa adalah selamat bagi mereka menyimpan wang di koperasi-koperasi yang menerima simpanan ini.

Umpamanya, Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan Perhimpunan Agung KOMUDA pada 20hb Julai, 1986 dan sepuluh hari kemudian beliau memberi jaminan bahawa wang simpanan 540,000 orang penyimpan adalah dijamin oleh Bank Negara dan Jabatan Koperasi dan ucapannya itu diberi liputan yang luas oleh semua Surat Khabar bahasa Cina. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga berkata bahawa hampir semua koperasi yang terlibat telah menjadi ahli KKK (Koperasi Kawalan Kredit) di mana simpanan mereka akan selamat.

Pada 31hb Julai, 1986 Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian—waktu itu Senator Kee Yong Wee—memetik Menteri Kewangan sebagai berkata bahawa semua koperasi kecuali KOSATU telah dibenarkan menyertai KKK dan Bank Negara dan Jabatan Koperasi akan bekerjasama untuk memastikan operasinya berjalan dengan stabil dan normal.

Selepas jaminan-jaminan seumpama itu diberi oleh pihak atasan Kerajaan, maka Kerajaan tidak boleh lari daripada tanggungjawabnya terhadap tragedi yang dihadapi oleh 540,000 orang penyimpan itu yang bimbang bahawa simpanan mereka akan lesap.



Saya setuju bahawa pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai koperasi yang telah melakukan pecah amanah dan menyalahgunakan kuasa mereka dengan salah menggunakan wang simpanan koperasi merupakan sebab utama mengapa tragedi ini berlaku dan mereka seharusnya ditangkap, dituduh dan diberi hukuman seberat-beratnya. Dalam pada ini mengapa sehingga hari ini, cuma dua orang pengarah koperasi sahaja ditangkap dan dituduh? Mengapakah tidak ada seorang pun dari lembaga pengarah dari 23 buah koperasi yang dibekukan pada 8hb Ogos ditangkap, sekiranya berlaku penyalahgunaan wang koperasi secara berleluasa?

Saya menyeru Kerajaan menanggung tanggungjawab sepenuhnya untuk menyelamatkan simpanan 540,000 orang penyimpan ini kerana precedent telah pun ditetapkan dahulu di mana wang sebanyak \$150 juta didahulukan untuk menyelamatkan Bank Rakyat pada penghujung tahun 1970an dan juga wang Petronas telah digunakan untuk menyelamatkan Bank Bumiputra dan BMF akibat skandal BMF.

Dalam kes pembelian 51% saham UMBC oleh Pernas, nampaknya Kerajaan bersedia meluluskan perbelanjaan tambahan kira-kira \$400 juta untuk menyelamatkan hanya seorang atau satu keluarga sahaja.

Sekiranya Kerajaan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan wang untuk menyelamatkan 540,000 orang penyimpan ini, maka ia sepatutnya membekukan pembelian 51% saham-saham UMBC yang dipegang oleh syarikat-syarikat Yang Berhormat Menteri Kewangan oleh Pernas dan mengalirkait wang tersebut untuk operasi menyelamatkan setengah juta isirumah yang mempunyai simpanan dalam koperasi-koperasi.

Dalam pada ini, saya menggesa Kerajaan menjalankan satu penyiasatan ke dalam Cooperative Central Bank berhubung dengan pinjaman-pinjaman lapuk atau hutang-hutang yang boleh dipersoalkan yang dianggarkan berjumlah kira-kira \$500 juta.

Pinjaman-pinjaman yang tidak diserviskan adalah dianggarkan berjumlah \$277.2 juta dan ini termasuk pinjaman \$20 juta yang diperolehi oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang saya sebutkan tadi, \$40 juta oleh KSM, \$52 juta oleh individu-individu yang mempunyai hubungan dengan Vincent C. Y. Tan yang menguasai Berjaya Corporation; \$15 juta oleh Ahmad Mustapha Hassan; \$12 juta oleh Tan Sri Wee Boon Ping dan lain-lain.

Saya berharap Kerajaan akan memberi satu jawapan yang memuaskan terhadap tuntutan saya agar satu penyiasatan dijalankan ke dalam CCB dan sekiranya tidak, saya akan bangkitkan perkara ini lagi selanjutnya semasa sidang Parlimen ini.

Kerajaan hendaklah menyedari bahawa skandal kewangan koperasi hendaklah dikendalikan dengan penuh teliti dan bertanggungjawab kerana sekiranya ia disalahkendalikan, ia boleh mencetuskan satu kejutan kewangan dan bank yang besar dengan kesan-kesan buruk ke atas seluruh sistem bank dan kewangan.

Kabinet mestilah memikul tanggungjawab dengan membuat satu keputusan dasar untuk menyelamatkan 540,000 orang penyimpan ini dengan memperuntukkan \$800 juta bagi tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab keenam mengapa krisis keyakinan semakin merosot adalah tindakan yang diambil terhadap *Asian Wall Street Journal*

kerana tiga rencana yang diterbitkan mengenai pembelian bijih timah di London dalam keluarannya bertarikh 22hb September; mengenai Co-operative Central Bank dalam keluarannya bertarikh 25hb September dan mengenai UMBC dalam keluarannya bertarikh 26hb September. Lesen penjualan *Asian Wall Street Journal* digantung selama tiga bulan dan kedua-dua wartawannya John Berthelsen dan Raphael Pura diarahkan meninggalkan negara ini.

Kerajaan telah menuduh *Asian Wall Street Journal* sebagai menjadi sebahagian daripada satu komplot Zionis antarabangsa untuk mencaci imej pemimpin Kerajaan serta mensabotajkan ekonomi Malaysia. DAP menyuarakan sokongan penuhnya kepada Kerajaan sekiranya ia boleh membuktikan wujudnya komplot Zionis antarabangsa dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan berbuat demikian dalam Parlimen ini.

Tetapi setakat apa yang saya boleh fikirkan ialah kalaulah adanya komplot Zionis antarabangsa, maka ia adalah berkaitan dengan operasi pembelian bijih timah di London di mana seorang Yahudi telah memujuk pemimpin-pemimpin Malaysia untuk melancarkan satu rancangan yang membawa kesan yang begitu buruk ke atas ekonomi Malaysia (*Tepuk*).

Bukankah kita seharusnya mengadakan satu penyiasatan bagaimana seorang Yahudi Mesir bernama David Zaidner dapat memujuk pemimpin-pemimpin Malaysia untuk bersetuju dengan rancangannya untuk menguasai pasaran bijih timah antarabangsa?

Saya mesti mengakui bahawa ada kalanya saya tidak memahami apakah sebenarnya yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan. Mereka cuba menarik pelabur-pelabur

asing, khasnya pelabur-pelabur Amerika Syarikat untuk menanam modal di Malaysia. Tetapi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersiap sedia untuk berucap kepada pelabur-pelabur Amerika Syarikat tentang pelonggaran dalam peraturan-peraturan Dasar Ekonomi Baru, Kementerian Dalam Negeri pula mengambil langkah terhadap *Asian Wall Street Journal* tanpa mempunyai alasan-alasan yang mencukupi dan munasabah. Tidak ada sesuatu yang dapat membawa kesan buruk kepada rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada tindakan Kementerian Dalam Negeri itu. Maka tidak hairanlah mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pulang ke tanahair dari Jepun dan Amerika Syarikat dengan tangan yang kosong (*Tepuk*).

Keluaran 30hb September akhbar *International Herald Tribune* juga terpaksa ditahan daripada diedarkan di Malaysia. Dengan amaran yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri kepada akhbar-akhbar bahasa Cina tempatan dan dua pertubuhan sosial yang dituduh sebagai menerima arahan daripada komplot Zionis antarabangsa, kita mendapati bahawa era penindasan dan Zaman Gelap (*Dark Age*) di Malaysia mungkin sudah bermula.

Inilah recipe, Tuan Yang di-Pertua, kepada kemerosotan keyakinan di Malaysia, bukan sahaja oleh rakyat Malaysia sendiri, malahan oleh seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sebab ketujuh krisis keyakinan semakin merosot ialah keengganan Kerajaan Barisan Nasional untuk menghormati dan **menampung hak-hak dan aspirasi** aspirasi sah rakyat Malaysia sepertimana yang disuarakan dalam pilihanraya Ogos lalu.

Janji-janji Pilihanraya yang diberi oleh pemimpin-pemimpin Barisan



Nasional tidak diambil berat. Misalnya apabila melancarkan manifesto Pilihanraya Umum pada 25hb Julai lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjamin bahawa program untuk mewujudkan keadilan sosial yang akan dilaksanakan selepas 1990 iaitu apabila tempoh Dasar Ekonomi Baru tamat, akan digariskan selepas perundingan (fullest consultations) dengan semua sektor masyarakat. Tetapi kurang dua bulan selepas itu, Yang Amat Berhormat dengan tidak berbincang dengan pemimpin parti-parti komponen Barisan yang telah secara, dengan izin, unilaterally and arbitrarily mengumumkan dalam Perhimpunan Agung UMNO bahawa Dasar Ekonomi Baru akan dilanjutkan selepas 1990 sehingga matlamatnya tercapai. Tidak seorang pemimpin MCA, Gerakan atau MIC berani mengadu—(*Tepuk*) bahawa Yang Amat Berhormat telah menjamin bahawa sebarang keputusan mengenai Dasar Ekonomi Baru hanya diambil selepas perbincangan yang sepenuhnya diadakan oleh semua sektor masyarakat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mestilah memutuskan sama ada beliau ingin menjadi Perdana Menteri kepada 55% rakyat Malaysia atau menjadi Perdana Menteri kepada 100% rakyat Malaysia. Kalau beliau mahu menjadi Perdana Menteri kepada 100% rakyat Malaysia, maka beliau mestilah memberi perhatian kepada tuntutan untuk mendapat keadilan dan hak-hak warganegara yang sama yang dibuat oleh 45% rakyat Malaysia dan DAP akan menawarkan kerjasamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memastikan Kerajaan ini adalah Kerajaan kepada 100% rakyat Malaysia dan bukan kepada 55% sahaja.

Dengan membuat tawaran ini, saya bukan bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh bekas Presiden MCA, Dato Dr Neo Yee Pan supaya DAP menyertai Barisan Nasional. DAP tidak berminat menyertai Barisan Nasional untuk menjadi Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen . . . .

**Seorang Ahli:** *Cakap sahaja!*

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . tetapi kami sedia bekerjasama dengan Kerajaan Barisan Nasional untuk menyelesaikan krisis keyakinan ini yang telah menghalang pemulihan ekonomi, melemahkan perpaduan nasional dan memusnahkan keyakinan nasional dan antarabangsa terhadap Malaysia.

Janganlah kita menyoalkan hak-hak warganegara asasi antara satu sama lain dan menerima hakikat bahawa kita semua adalah rakyat Malaysia yang sepatutnya berenang atau tenggelam bersama-sama. Mungkin kita mempunyai perbezaan pandangan politik yang besar tetapi perasaan cinta dan komitmen kita terhadap Malaysia haruslah menjadi perikatan tunggal yang menyatupadukan rakyat Malaysia dari semua keturunan dalam usaha kita untuk . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung esok.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*